

Kenangan Abadi

P. Ramlee

Kenangan Abadi
P. Ramlee

Ramli Ismail



adhicipta
SINERJIS

Hakcipta © 1998 oleh Adhicipta Sdn Bhd. Hakcipta terpelihara.

Hakcipta terpelihara. Tidak ada sebarang bahagian yang dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula atau dipancar walau melalui sebarang cara apa pun termasuk kaedah elektronik, mekanik, fotokopi, rakan atau lain-lain tanpa kebenaran Adhicipta Sdn Bhd.

Diterbitkan oleh Adhicipta Sdn Bhd
#3 Jalan Telawi Dua, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyunting	Zakiah Hanum
Kulit buku	Mukhlis Nor
Susunan halaman	Aji Mil Amalia
Gambar kulit hadapan	Gambar P. Ramlee

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalog dalam-Penerbitan

Ismail, Rami,
Kenangan Abadi P. Ramlee/ Rami Ismail
ISBN 983-9113-15-1 (PB)
ISBN 983-9113-16-x (HB)

Diedarkan oleh Adhicipta Sdn Bhd
23 Jalan Telawi Dua, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: 03 2829923, Fax: 03 2829926.

Dicetak oleh Percetakan Jiwabaru Sdn Bhd
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan

M 963557

927-914

P.R.A.R

1998
Perpustakaan Negara
Malaysia

Seniman Bangsawan

Hanya kenangan yang silam menjadi hiburan
Hidupnya kini meraung kesepian

Jiwa seninya hidup

Tapi jasadnya telah lama mati ditelan zaman
Keseorangan ia menempuh jalan

Hingga ke akhir nafasnya

Seniman Bangsawan telah tua dan tak berdaya
Berlari bersama mengejar kemajuan masa

Kejamnya dunia ini

Membiarkan yang jatuh ketinggalan
Mahu pun manusia yang berjasa

Kepada budaya kita

Hanya godaan di jiwa menjadi nadi
Siulan irama lagu sayu sepi

Yang membuatkan ia terus hidup

Di dunia yang diracuni zaman

Seniman ku dilupai selama-lamanya

Manakah perginya keadilan?

Mukhlis Nor


April 19, 1984 - Lewiston, Idaho

Lagu ini dinyanyikan oleh Sdr. Fauzi Marzuki
pada perasmian Pustaka Peringatan P. Ramlee
di Setapak, Kuala Lumpur
pada 22 Mac 1986



Kandungan

	Pendahuluan	7
	Dari meja penulis	9
1	Mula menghayati filem P. Ramlee	11
2	Bekerja di Gelanggang Filem	15
3	Bagaimana boleh kenal P. Ramlee	21
4	Mengenali P. Ramlee dan keluarga	27
5	Perjalanan hidup P. Ramlee	33
* 6	P. Ramlee memula kerjaya sebagai penyanyi	37 +
7	P. Ramlee menjadi pelakon filem	47
8	Perkahwinan pertama P. Ramlee	53 +
9	P. Ramlee Berkahwin kali kedua	59 +
10	Perkahwinan terakhir P. Ramlee	65 +
11	P. Ramlee menjadi pengarah filem	73
12	Suka-duka kehidupan P. Ramlee	89
13	Mula tinggal bersama P. Ramlee	97
* 14	P. Ramlee mendapat anugerah filem	107 +
15	Sahabat handai P. Ramlee di Singapura	119
16	P. Ramlee berhijrah ke Kuala Lumpur	127
17	P. Ramlee mengarah filem pertama di Kuala Lumpur	135
18	P. Ramlee kehilangan peminat	151
19	P. Ramlee pergi berjumpa doktor	161
20	Pemikiran P. Ramlee	165
21	P. Ramlee ditinggal ibu tercinta	169
22	Filem terakhir arahan dan lakonan P. Ramlee	175
23	Usaha P. Ramlee menubuhkan syarikat perfileman Melayu	189
24	Hari-hari P. Ramlee di tahun 1973	207
25	Air Mata Kuala Lumpur	213
	Mengenai penulis	228



PENDAHULUAN



Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Encik Ramli Ismail kerana menulis buku 'Kenangan Abadi P. Ramlee' yang penuh maklumat serta hebat ertinya. Encik Ramli tinggal bersama Allahyarham Tan Sri P. Ramlee selama sebelas tahun iaitu sejak tahun 1962 sehingga P. Ramlee meninggal dunia pada 29 Mei 1973. Maklumat-maklumat yang beliau keluarkan bersama dengan beratus jenis gambar pasti akan memberi setiap pembaca fakta yang penuh ertinya. Harapan saya buku ini akan dibaca oleh masyarakat kita yang menghargai dan menghayati P. Ramlee sebagai tokoh seni yang paling hebat dan istimewa di negara kita. Saya ada menerima panggilan daripada pakar-pakar penulis dari luar negeri yang menyatakan P. Ramlee adalah watak yang paling hebat di dunia kerana berkebolehan dalam pelbagai perkara yang termasuk sebagai penyanyi, pemain muzik, pencipta lagu, pelakon, pelawak, penulis skrip dan pengarah filem. Setahu saya beliau juga adalah pelukis, pemasak mee dan pemain sepak raga yang handal.

Di dalam buku ini terdapat beratus gambar yang disumbangkan oleh teman dan rakan Encik Ramli. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua tetamu yang menyumbangkan gambar-gambar tersebut. Saya juga menghargai Puan Aji Mil Amalia yang menguruskan keluaran buku ini yang saya sendiri telah membantu menyunting dan menyusunnya.

Akhir kata setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Ramli Ismail.

Zakiah Hanum
15 Ogos 1998



DARI MEJA PENULIS



Sebelum membaca cerita mengenai Allahyarham P. Ramlee kita sedekahkan Alfatihah untuk beliau yang telah pergi buat selamanya. Walaupun P. Ramlee telah meninggal dunia pada tahun 1973 namanya masih diingat dan dikenali oleh seluruh masyarakat termasuk generasi muda masa kini. P. Ramlee sendiri pernah berkata, "P. Ramlee hidup seribu tahun."

Saya, Ramli Ismail, menulis cerita kisah hidup P. Ramlee kerana beliau adalah seorang hamba seni yang tulin. Ini adalah pendapat daripada orang yang berjuang dalam bidang seni. Orang seni tersebut ialah Ratno Timoer, pengarah dan pelakon filem dari Indonesia. Pertemuan kami terjadi pada tahun 1975, ketika saya turut serta pada Festival Filem di Jakarta. Dalam perbualan saya dengan Ratno Timoer, Drg. Fadli dan Ghani Rachman, produser filem PT Surya Film, Ratno Timoer bertanya kepada saya, "Mengapa tidak ada pengarah filem di Malaysia yang membuat filem tentang P. Ramlee, orang filem yang mempunyai kebolehan dan seniman yang dianugerahkan Bintang Serba Boleh di seluruh Asia." Drg. Fadli menyambung, "Anugerah dari negeri Sakura itu di dalam dunia hanya P. Ramlee seorang sahaja yang dapat. Pelakon dari barat pun belum ada yang mendapat anugerah seperti itu."

Dari itu, pada tahun 1975 saya mula menulis kisah hidup P. Ramlee untuk dijadikan buku dan skrip filem. Catatan cerita P. Ramlee yang ada pada saya berdasarkan maklumat yang disampaikan kepada saya oleh orang-orang yang rapat dengan beliau termasuklah Che Mah, Ibu kepada P. Ramlee dan Puan Kasma Booty yang pernah menumpangkan P. Ramlee makan dan tidur semasa beliau mula berada di Singapura. Dengan penulisan ini, harapan saya kenangan manis saya bersama seorang Seniman Agung dapat diabadikan. Semoga setiap pembaca bersama menghayati perwatakan P. Ramlee, insan istimewa yang tersisih pada akhir hidupnya dan bersinar setelah beliau pergi.

Ramli Ismail
1975



MULA MENGHAYATI FILEM P. RAMLEE

Saya, Ramli bin Ismail, berasal dari Kampong Losong Penglima Perang, Kuala Terengganu, bersekolah di Sekolah Melayu Cabang Tiga, Kuala Terengganu. Saya berminat menonton wayang semenjak berusia lapan tahun, tatkala duduk di darjah tiga sekolah Melayu. Pada waktu itu saya tidak berminat dengan filem Melayu; minat saya adalah kepada filem barat iaitu filem pertarungan atau filem *action* seperti 'Zorro'. Saya tidak meminati filem Melayu dari segi kualiti lakonan dan pertarungan dalam filem tersebut; misalnya filem 'Buluh Perindu', 'Pembalasan' dan beberapa buah filem lagi yang sayaonton ketika itu tidak dapat menjadi kesukaan saya. termasuklah filem lakonan P. Ramlee dari filem 'Chinta' hingga ke beberapa buah filem lagi.

Tetapi apabila saya menonton filem 'Panggilan Pulau' lakonan P. Ramlee, filem tersebut begitu menarik hati saya sehinggakan wang untuk belanja sekolah saya belanjakan untuk menonton filem tersebut berulang kali di panggung wayang. Pada masa itu tiket di panggung wayang yang paling murah ialah dua puluh lima sen dan yang paling mahal ialah seringgit enam puluh sen. Oleh kerana terlalu beminat hendak menonton wayang saya sanggup berjalan kaki sejauh empat batu pergi dan empat batu balik setiap hari selepas pulang dari sekolah. Jika tidak dapat masuk panggung wayang saya intai di tepi lubang dinding panggung Sultana. Apatah lagi jika saya melihat poster yang menarik.

Ketika itu filem yang mendapat sambutan di kalangan orang Melayu ialah filem Hindustan dan juga filem-filem Filipina berbahasa Melayu seperti 'Bernado Kapio', 'Darna', 'Sultan Palasek' dan lain-lain lagi. Akhirnya saya dapat berkawan dengan penjaga pintu panggung seperti Ahmad, Harun dan Alias. Dari situ saya dapat bertugas untuk membangi *hand bill* kepada orang ramai. Semenjak dari itu saya dapat menonton wayang secara percuma.

Di sebelah panggung Sultana ialah panggung Capitol yang menayangkan filem keluaran dan edaran Shaw Brothers. Ketika itu ramai orang menonton filem lakonan P. Ramlee dan Kasma Booty sehinggakan ada yang pecah kepala kerana berpusu-pusu hendak men-

dapatkan tiket untuk menonton filem lakonan P. Ramlee. Filem P. Ramlee bersama Kasma Booty yang paling laris ialah filem 'Bakti' yang mencetak sejarah filem Melayu sebagai filem yang paling laris pada masa itu.

Minat saya di kala itu kepada lakonan P. Ramlee ialah dalam filem 'Panggilan Pulau'. Sebelum itu saya kurang berminat menonton filem lakonan beliau; hanya setakat menonton sekali setiap filem lakonannya yang bermula dari filem 'Chinta'. Kenapa saya berminat pada lakonan P. Ramlee dalam filem 'Panggilan Pulau'? Sebabnya ialah kerana dalam filem tersebut kualiti pertarungan dan cara berpakaianya sama seperti filem dari Filipina, iaitu filem 'Wanita Rimba', 'Sultan Palasek' dan lain-lain.

Semasa filem 'Panggilan Pulau' ditayangkan di panggung Capitol, Kuala Terengganu, saya bertugas di panggung Sultana yang terletak tidak jauh dari panggung Capitol, hanya selang sebuah kedai kopi sahaja. Apabila saya melihat satu set poster ditampal di hadapan panggung Capitol ternampak dalam poster itu P. Ramlee tengah memegang pedang dan sebelah tangannya memegang obor dan seorang pelakon wanita, Latifah Omar, memegang kaki P. Ramlee. Tajuk cerita filem itu ialah 'Zulkefli'.

Saya mula berjumpa dengan kawan saya yang bernama Yusof Puteh iaitu penjaga pintu nombor dua di panggung Capitol. Yusuf memberitahu bahawa tempat kerjanya memerlukan seorang lagi pekerja. Selepas itu saya terus pergi berjumpa dengan penolong manager, Mr. Kwe. Selepas berjumpa dengannya saya dapat bertugas di panggung Capitol. Apabila filem 'Zulkefli' hendak ditayangkan datang poster baru yang mana nama filem 'Zulkefli' ditukar menjadi 'Panggilan Pulau'. Semasa filem 'Panggilan Pulau' dipertunjukkan saya seringkali tidak pergi ke sekolah. Pada masa itu di sebelah petang, saya bersekolah di Grammar School. Sebelum itu saya belajar di sekolah Melayu pada waktu pagi.

Sebelum filem 'Panggilan Pulau' saya tidak berminat menonton filem lakonan P. Ramlee, kerana jiwa saya suka kepada filem pertarungan sahaja. Saya tahu banyak anak muda yang terikut gaya dan meniru pakaian P. Ramlee. Ramai yang berminat menonton filem P. Ramlee terutama bila berpasangan dengan Kasma Booty. Ada suami isteri yang bergaduh kerana mahu menonton filem lakonan mereka berdua, yang suami menuduh isteri gilakan P. Ramlee dan yang isteri menuduh suami gilakan Kasma Booty. Peristiwa ini berlaku di hadapan mata saya kerana seorang isteri meminta saya mengambil tiket untuk menonton filem 'Takdir Ilahi'. Ketika itu saya masih bertugas di panggung Sultana dan selalunya jarang saya pulang ke rumah. Selama tiga tahun, panggung Wayang adalah tempat tinggal saya. Saya tidur dan belajar di dalam panggung wayang tersebut.





BEKERJA DI GELANGGANG FILEM

Pada suatu masa saya berhenti sekejap bekerja di panggung wayang dan sekolah juga saya tinggalkan kerana saya mengikut bangsawan 'Dagan Makyong Kelantan'. Saya menjadi pelakon kanak-kanak, serta bertugas menampal poster dengan mendapat gaji lima puluh sen sehari. Semasa bekerja di situ saya makan nasi kawah dan bila hujan turun saya makan nasi dengan garam. Kemudian saya ikut *Snake Show* tetapi saya tidak boleh tahan bekerja di situ dan terus bertugas semula di panggung Capitol. Tidak berapa lama bekerja di situ, saya pergi ke Johor Bahru dan tinggal bersama kakak saya di Kampung Kastam Larkin. Ketika itu abang ipar saya bekerja sebagai kastam di Johor Bahru. Semasa di Johor Bahru saya merasai seperti berada di Kuala Terengganu, kerana setiap hari saya habiskan masa di panggung wayang. Selepas itu saya dihantar baikk ke Kuala Terengganu.

Saya tidak pulang ke Kuala Terengganu tetapi pergi ke Mersing untuk bekerja menangkap ikan. Kemudian abang ipar saya minta saya pergi ke Johor untuk mendapatkan kerja. Sebuah basikal telah dibeli untuk saya dan bila ada basikal, dua tiga hari sekali saya menaiki basikal untuk menuju ke Jalan Ampas. Apabila saya sedang berjalan di depan sebuah kedai kopi di Jalan Ampas, saya nampak beberapa bintang filem sedang minum dan berbual bersama teman masing-masing. Sekejap saya bekerja di Mersing, selepas itu saya di hantar pulang ke Terengganu sekali lagi. Semasa di Terengganu saya mendapat kerja semula di panggung Capitol. Tatkala saya mula bekerja, filem 'Semerah Padi' ditayangkan di panggung Capitol. Selepas itu filem 'Bujang Lapok' ditayangkan dan ada orang yang mencari nelayan di Kuala Sedili dan saya pun mengikut orang-orang yang pergi ke Kuala Sedili. Selepas di Kuala Sedili saya terus pergi ke Singapura untuk tinggal di Kampung Siglap. Semasa berada di Siglap di kawasan pasar sering saya nampak P. Ramlee berada dalam kereta yang dipandu oleh pemandunya.

Semasa di Siglap saya berkawan rapat dengan Tony Castello (pelakon kanak-kanak dalam filem 'Anak ku Sazali' lakonan P. Ramlee). Kerana Tony tinggal berdekatan dengan tempat saya tinggal. Rumah yang saya tinggal tidak jauh dari Studio Cathay Keris dan setiap hari saya pergi bermandi laut di belakang studio itu. Ada kalanya orang membuat

penggambaran di hadapan rumah saya dan dari situ saya mula berkenalan dengan pelakon-pelakon tambahan. Meskipun saya telah berkenalan dengan pelakon-pelakon tambahan tetapi saya tidak pernah diajak untuk menjadi pelakon tambahan. Beberapa kali saya bertanya pada mereka jika ada peluang untuk berlakon. Itu memanglah adat orang seni. Pada awal lagi sangkaan saya hanya di pentas bangsawan sahaja terjadi perkara sekat-menyekat serta dengki mendengki. Rupa-rupanya dalam dunia filem ada juga pelakon yang tidak suka menolong kawan dan teman.

Pada suatu hari di waktu petang sedang saya minum di kedai kopi di depan pasar siglap bersama Tony Castello, ibu Tony iaitu Boby, seorang guru tari untuk penari filem Melayu, datang dan marah kepada Tony kerana menghisap rokok. Ibu Tony tidak suka anaknya menghisap rokok kerana Tony bermain trumpet. Sedang ibu Tony memarahinya, datang pula seorang kawan Tony bernama Jumari, juga seorang pemain muzik, berjumpa dengan Tony kerana ada party pada hari minggu. Semasa berbual, Tony memberi tahu kawannya, Jumari yang saya ini sedang mencari kerja. Jumari pula telah salah faham kerana dia menyuruh saya pergi berjumpa dengan Hamzah Dolmat kerana tempatnya memerlukan pemuzik. Tony menerangkan kepadanya yang saya bukan ahli muzik. Selepas itu barulah Jumari faham apa yang disampaikan oleh Tony. Kemudian atas pertolongan Jumari saya telah mendapat kerja sambilan menjaga para pekerja ketuk karat kapal Belanda.

Saya mendapat gaji dua belas ringgit sehari. Dalam setiap minggu saya pergi ke Katong untuk menonton wayang. Sebelum saya ambil tiket wayang saya masuk ke bar sebelah panggung Odeon di Katong. Di dalam bar itu saya ternampak Nordin Ahmad yang sedang duduk seorang diri di satu meja sudut sambil meminum segelas orange. Bila saya nampak Nordin saya senyum kepada beliau dan beliau balas senyum saya itu. Selalunya setelah selesai minum saya terus keluar dari bar.

Beberap kali saya pergi ke tempat itu saya berjumpa dengan Nordin Ahmad. Pada suatu hari beliau sedang duduk di tempat yang selalu, saya datang dan duduk bersamanya dan berbual panjang mengenai filem lakonannya. Sambil itu saya bertanya pada beliau bagaimana hendak menjadi pelakon sama ada susah atau senang. Nordin Ahmad menceritakan latar belakang semasa beliau mula menjadi pelakon. Katanya berlakon bukan satu perkara yang senang, dan soal makan dengan tidak makan sudah menjadi permainan pelakon. Nordin Ahmad menyuruh saya pergi ke studio Cathay Keris pada sebelah pagi esok harinya, ketika itu beliau sedang syuting filem 'Siti Zubaidah'.

Nordin meminta saya datang pada pukul tujuh pagi, tetapi semenjak pukul enam pagi lagi saya sudah sampai di studio itu. Semasa saya tiba di studio itu tidak ada seorang pun selain daripada penjaga tempat itu. Tidak lama kemudian Jasni sampai dengan keretanya dan bila keretanya berhenti, Roseyatimah turun dari kereta itu sambil membawa beg *make*

up. Bila Nordin sampai di situ beliau mengajak saya masuk ke dalam studio. Beliau berjumpa dengan Pak Yem dan meminta supaya memasukkan saya sebagai pelakon tambahan. Apabila saya di terima masuk, saya terlibat dengan penggambaran filem selama dua hari.

Bila filem itu ditayangkan di panggung Odeon, Katong, saya pergi menonton sebanyak tiga kali. Puas saya mencari tetapi muka saya langsung tidak kelihatan di dalam filem itu. Bila saya berjumpa dengan Nordin Ahmad, beliau menerangkan bahawa menjadi pelakon tambahan memang susah muka hendak nampak kerana pengarah tumpukan perhatian kepada pelakon penting dan pelakon tambahan adalah seperti ranting pokok sahaja. Kalau taman bunga tidak ada ranting memang tidak indah; kalau ada hero dan heroin tidak ada orang jahat maknanya tidak ada ekstra dan filem tidak kelihatan hebat. Kalau filem tidak ada ekstra ianya adalah seperti air tak penuh botol.

Pada suatu hari M. Darus datang ke tempat tinggal saya di Siglap. Setelah berbual-bual rupanya saya kenal dengan isterinya iaitu Norizan yang berasal dari Kuala Terengganu. M. Darus bersama isterinya adalah pelakon tambahan dalam filem Melayu. Beliau terus bertanya pada saya, "Ramli kenal Omar?" Saya tanya balik pula kepadanya, "Omar mana?" Darus menerangkan yang Omar bekerja di Gelanggang Filem. Saya kata kalau jumpa mungkin kenal sebab saya bekerja di panggung wayang dan banyak orang kenal saya. Saya bertanya beliau mengenai kawan baik saya, Zaki, yang bermain muzik dan sama-sama dengan saya pergi menonton bangsawan serta menari joget.

Pada keesokan harinya Darus membawa saya berjumpa dengan Omar atau lebih dikenali dengan nama Aimi Jarr. Semenjak dari itu saya seringkali ke Gelanggang Filem dan ke rumah Aimi Jarr. Waktu itu Aimi Jarr tinggal bersama dengan Ahmad Daud. Apabila Ahmad Daud berkahwin dengan Sa'adiyah, Aimi Jarr pindah ke Amber Road. Dari situ saya mula belajar mengambil gambar dengan juru gambar Zainal Salleh dengan upah satu bungkus nasi untuk makan tengah hari.

Setiap malam Rabu saya bekerja di Gelanggang Filem. Ketika itu Aimi Jarr berkawan rapat dengan Saloma. Pada masa itu Saloma belum berkahwin dengan P. Ramlee. Apabila Saloma habis dari kerja sebelah malam, saya bersama beliau, Zaitun dan Aimi Jarr serta Shariff Yahya pergi makan nasi ambang di Katong dan kami berbual sehingga ke pagi. Selalunya jika saya tidak pulang ke Siglap, saya tidur bersama Aimi Jarr di rumahnya. Di waktu itu Saloma tidak pernah menceritakan yang beliau akan berkahwin dengan P. Ramlee. Selepas P. Ramlee berkahwin dengan Saloma selama beberapa minggu tiada siapa yang tahu mengenai perkahwinan mereka, kecuali ibu bapa Saloma serta sahabat karib P. Ramlee seperti Yusof B., Osman Ahmad dan mereka yang turut hadir bersama di hari perkahwinan P. Ramlee dengan Saloma.




Ramli Ismail bersama poster 'Bujang Lapok' ketika beliau bertugas di panggung Capitol, Kuala Terengganu.



Ramli Ismail bersama Osman Zailani sedang berlatih drama 'Kacip Mas' di rumah P. Ramlee di Singapura.



Dari kanan: Ahmad Rejab, Ramli Ismail, Masmawi Hanim, Kamsiah beserta dua guru yang tengah melawat ke Gelanggang Filem.



Film Semerah Padi, 1956



BAGAIMANA BOLEH KENAL P. RAMLEE

Pada suatu hari P. Ramlee membawa gambar perkahwinan beliau dengan Saloma untuk mengeluarkan berita mengenai perkahwinannya itu. Selepas itu Saloma bersama Zaiton datang ke pejabat Gelanggang Filem apabila P. Ramlee bersama para pelakon handalan seperti Malik Selamat, Ahmad Asmawira, Mariani dan Rahmah Alias mengadakan latihan drama purbawara berjudul 'Damaq' di rumahnya di nombor 28 Cedar Avenue, Singapura.

Bermula dari itu boleh dikatakan setiap malam saya pergi ke rumah P. Ramlee. Pada masa itu beliau baru beberapa bulan sahaja berkahwin dengan Saloma. Pada suatu malam saya bersama Aimi Jarr dan P. Ramlee pergi makan di Bedok. Pada hari itu P. Ramlee baru sahaja lulus ujian memandu. Sedang P. Ramlee memandu keretanya bernombor SU 7071 bersama Saloma, saya dengan Aimi Jarr duduk di belakang kereta. Bila kami sampai di jalan sempadan, Polis Trafik menahan kereta P. Ramlee lalu meminta lesen memandu daripadanya. P. Ramlee berkata, "Encik salah hari, kalau semalam Encik tahan saya sudah tentu saya kena tangkap. Ini hari saya sudah ada lesen." Selepas itu Polis Trafik terus pergi dari situ, P. Ramlee, Saloma, Aimi Jarr dan saya ketawa berdekah-dekah hingga kami sampai ke tempat makan.

Semasa drama purbawara 'Damaq' dipertunjukkan, sambutannya begitu luar biasa hinggakan penonton yang tidak dapat masuk ke dalam panggung boleh dimuatkan dalam satu panggung lagi. Ada penonton yang tidak dapat masuk yang berhati panas dan semua tayar kereta yang ada di tempat itu di buang anginnya. Nasib baiklah kereta P. Ramlee diletak di belakang panggung Victoria.

Selepas itu P. Ramlee mengadakan satu lagi pertunjukan drama purbawara 'Kacip Mas' yang mana saya turut dipilih menjadi pelakon drama tersebut. Setiap hari saya ke rumah P. Ramlee untuk berlatih berlakon. Kesemua pelakornya adalah bintang filem yang termasuk Malik Selamat, M. Wari Kuswadinata, M. Osman dan juga Fatimahwati, yang nama sebenar Fatimah Ahmad, P. Ramlee tukar kepada Fatimahwati.

Pada suatu hari bila saya sampai ke rumah P. Ramlee kira-kira jam 6.30 petang, tatkala pelakon-pelakon lain belum sampai, P. Ramlee dari tingkat atas rumahnya datang dan berdiri di dekat saya sambil berkata "Selalu kau datang cepat, ini baru dikatakan pelakon dan kau sudah ada tanggungjawab sebagai pelakon." Beliau seterusnya duduk di hadapan saya dan bertanya keadaan Gelanggang Filem, kenapa ianya semakin merosot. "Kau bagus pergi ke setiap kedai, lihat mana kedai yang paling laku dan mana kedai yang tak laku," kata P. Ramlee. "Baik bang, esok saya berjalan," saya menjawab. Kata P. Ramlee lagi, "Kau jangan kasi tahu sesiapa pun."

Semasa saya berbual dengan beliau datang dua orang, entah siapa mereka saya tidak kenal. Mereka duduk dan berbual dengan P. Ramlee pasal pertunjukan pentas. Sedang mereka berbual dengan P. Ramlee, Sazali datang dan duduk di atas pangkuan salah seorang daripada dua orang itu. Sazali memainkan pen yang berada di dalam saku baju orang tersebut. Bila Sazali tarik pen dari dalam saku baju orang itu, hanya tutup pen sahaja yang tertinggal sedangkan pen nya tertinggal dalam saku baju orang tersebut, maka habis ink terkena baju orang itu. "Habis baju!" orang itu kata. Jawab P. Ramlee, "Itu boleh basuh, dia tu kan budak."

Apabila selesai sahaja pementasan drama 'Kacip Mas', saya selalu pergi ke rumah P. Ramlee. Pada masa itu Gelanggang Filem sudah mula merosot kerana banyak para pekerja berpindah ke tempat lain. Hanya beberapa orang lama yang tinggal seperti Kamsiah Sulaiman, Masmawi dan A.S. Amin. Saya menjadi penolong juru gambar kepada Zainal Salleh.

Ahmad Rejab, sepupu P. Ramlee, yang memanggil P. Ramlee, Pak Kecil, tidak larat hendak mencuci dua buah kereta, sebab beliau bekerja di kelab sebelah malam dan pulang ke rumah lewat waktu malam. Saya sanggup menolong Ahmad Rejab kerana beliau sangat baik orangnya. Hari pertama saya mencuci kereta P. Ramlee ialah pada hari minggu. Sedang saya mencuci kereta, P. Ramlee datang dan berdiri di depan pintu dengan tidak berbaju dan hanya memakai kain. Beliau bertanya kepada saya, "Kenapa kau cuci kereta, siapa suruh kau?," "Abang Mat, Bang," jawab saya. "Bagus! Nanti aku kasi duit," kata P. Ramlee lalu masuk ke dalam rumah.

Saya terus mencuci keretanya. Bila selesai sahaja mencuci kereta saya masuk ke dalam rumah dan pergi ke dapur untuk mengambil air sejuk. Zauyah suruh saya minum kopi. P. Ramlee sedang meminum kopi sambil membaca akhbar. Kemudian saya duduk di kerusi berdekatan dengan beliau. Beliau meletakkan surat khabar dan berbual dengan saya mengenai Gelanggang Filem kerana beliau mendapat tawaran di Kuala Lumpur.

Kira-kira jam satu tengahari saya bertemu dengan Ngah, Ngah berasal dari Terengganu dan tinggal bersama P. Ramlee semenjak P. Ramlee belum berkahwin dengan Norizan lagi. Ngah siapkan makan di atas meja, Saloma yang baru bangun dari tidur turun dari tingkat atas dan terus duduk di sebelah P. Ramlee. Saloma bertanya kepada saya, "Dah lama datang?" Belum saya sempat menjawab, P. Ramlee memberi tahu Saloma, "Dia cuci kereta I." "Pandai cuci kereta?", tanya Saloma. "Cuba you pergi tengok." P. Ramlee menyuruh Saloma pergi tengok keretanya. Saloma pun terus keluar untuk melihat kereta yang saya cuci. Kemudian Saloma masuk lalu memberitahu pada P. Ramlee. "Kereta I pun kena bersih." "Dua kereta kau cuci," kata P. Ramlee kepada saya. "Ini mahal gaji nya ni," lanjut beliau.

Saloma seterusnya melihat ke meja makan dan mendapati makanan sudah siap. Lalu beliau duduk dan menyenduk nasi ke dalam pinggan. P. Ramlee bangun dan terus pergi makan. Di kala itu saya keroncong perut, tetapi P. Ramlee tidak mengajak saya makan. Dalam hati saya bertanya "Kenapa makan tak ajak?" Kemudian sedang Saloma makan beliau bertanya saya, "Kau dah makan ke belum?" "Belum," jawab saya. "Mari kita makan bersama," kata Saloma. Dengan cepat saya pergi duduk dekat meja dan mengambil pinggan. Sedang saya mengambil nasi, P. Ramlee sambil menguyah nasi di dalam mulut menyuruh saya makan. "Hm... makan," kata P. Ramlee kepada saya.

Selepas makan saya duduk bersama Saloma dan P. Ramlee di ruang tamu. P. Ramlee bertanya lagi kepada saya mengenai Gelanggang Filem. "Gelanggang Filem memang bagus," jawab saya. "Apa yang bagus?" Aku menanggung hutang! kata P. Ramlee. Kemudian Saloma menanya kepada di mana saya tinggal. Kata saya, "Saya tinggal di Siglap, kadang-kadang saya tidur di rumah Rahmah Alias," (Rahmah Alias ialah isteri Haji Bakhil dalam filem 'Labu Labi'). "Apa, saudara kau ke dia tu?" tanya P. Ramlee kepada saya. "Tidak, tetapi dia seperti Mak angkat saya, saya tinggal di Siglap juga dengan Mak angkat," jawab saya. "Berapa banyak Mak angkat kamu ni?" tanya P. Ramlee. "Jauh kau ulang-alik ke sini, kenapa kau tak tinggal di sini saja?" tanya Saloma kepada saya. "Tak apalah Kak. Segan saya hendak pindah dari rumah itu, kerana dia orang baik. Ketika saya susah, dia ambil saya dan beri makan dan tempat tinggal," jawab saya lagi. "Nanti aku cakap dengan Rahmah Alias," kata Saloma. "Kau pergi cakap dengan Mak angkat kau di Siglap. Kata kau mahu tinggal di rumah aku pasal dekat dengan tempat kerja," kata Saloma lagi. Bila hari sudah petang saya pun pulang ke rumah di Siglap. Pada esok hari nya saya seperti biasa pergi ke rumah P. Ramlee dahulu sebelum saya pergi kerja di Gelanggang Filem.

Apabila A.S. Amin berhenti sebagai pengurus di Gelanggang Filem, Gelanggang

Filem mula menurun, kerana majalah hiburan terlalu banyak. Untuk mengurangkan belanja P. Ramlee meminta Ahmad Rejab dan saya menguruskan Gelanggang Filem. Bila Ahmad Rejab mula mengambil tugas sebagai pengurus Gelanggang Filem saya terpaksa pergi lebih awal kerana Ahmad Rejab bekerja pada sebelah malam dan pulang lewat. Beliau tidak dapat bangun pagi. Jadi terpaksa saya pergi ke rumah P. Ramlee pada jam enam pagi lagi setiap hari. Dari Siglap ke rumah P. Ramlee saya terpaksa menaiki dua bas.

Pada suatu hari sedang saya berbual dengan beberapa kawan di Geylang, Alias Konggo datang dan turut berbual dengan kami. Di waktu itu saya mula tahu bahawa Alias Konggo bekerja di STC dan pejabat nya terletak di belakang rumah P. Ramlee. Semenjak dari itu saya menumpang Alias Konggo untuk pergi ke rumah P. Ramlee.

Lebih kurang dua minggu saya berulang pergi ke rumah P. Ramlee pada setiap pagi. Pada suatu hari di hari minggu selepas makan tengahari, kira-kira jam 3 petang, Saloma mengajak saya naik keretanya untuk berjalan-jalan. Pada ketika itu P. Ramlee sedang membuat lagu di depan piano. Bila kami sampai di depan studio Cathay Keris, Saloma tanya saya, "Dekat mana rumah kau tinggal?" "Atas pada pasar," kata saya. Bila kami sampai di depan pasar Siglap, Saloma berkata, "Mari kita singgah di rumah tempat kau tinggal." "Boleh lah, tapi kereta kena masuk ikut jalan sempadan," kata saya. "Kauunjuk jalan," kata Saloma.

Saya tunjuk jalan dan bila sampai ke rumah tempat saya tinggal, saya kenalkan Saloma dengan ibu angkat saya. Lalu Saloma menerangkan yang beliau datang bersama saya ialah kerana hendak mengambil pakaian saya, kerana beliau mahu saya tinggal di rumahnya. Mendengar kata-kata itu saya menjadi bingung dan tidak boleh bercakap apa-apa. Mak angkat saya menyuruh saya pergi kemas pakaian saya. Lalu saya pun pergi mengemas pakaian dan terus ikut bersama Saloma pulang ke rumahnya. Semenjak hari itulah saya mula tinggal bersama P. Ramlee dan Saloma di rumah mereka, di nombor 28, Cedar Avenue, Singapura.



Siti Tanjung Perak, P. Ramlee, Salleh Kamil dan Sa'adiyah sedang menerima piala Pelakon dan Pengarah Terbaik anjuran Wartawan Singapura



P. Ramlee sedang memperkenalkan para pelakon drama purbawara 'Kacip Mas' karya dan arahan P. Ramlee di Singapura pada tahun 1962.



MENGENALI P. RAMLEE DAN KELUARGA

Semasa saya tinggal bersama P. Ramlee dan Saloma, turut tinggal bersama mereka ialah, Nasir iaitu anak hasil perkahwinan P. Ramlee dengan Junaidah, isteri pertama beliau. Juga tinggal bersama mereka ialah Norma dan Norbeity iaitu anak angkat Norizan semasa perkahwinan terdahulu. Armali, iaitu anak Saloma hasil perkahwinan bersama Tompel, manakala Sazali atau kami panggil Jeliboy, adalah anak kesayangan P. Ramlee. Selain dari itu ada Zauyah serta suaminya bernama Ahmad Rejab dan mereka mempunyai seorang anak lelaki bernama Hussin yang pada masa itu berusia satu tahun lebih. Ngah ialah tukang masak di rumah P. Ramlee dan yang juga menjaga Sazali.

Semenjak dari itu baru saya jelas bagaimana cara P. Ramlee mengarang lagu. Beliau mula mengarang lagu dengan bermain piano pada kira-kira jam 12 tengah malam hingga beliau mula rasa mengantuk. Di kala itu pianonya berbunyi kuat dan beliau pula mula mengarut tatkala menyanyi. Selepas itu beliau tinggalkan pianonya dan terus naik ke atas dan tidur. Itu adalah kebiasaan amalan P. Ramlee.

Dari situ saya memandang dengan lebih dekat antara P. Ramlee dengan keluarganya serta kasih sayang beliau terhadap anak-anaknya. Tetapi yang paling jelas saya nampak P. Ramlee terlalu sayang kepada Sazali. Pernah semasa saya sedang melihat Zauyah memasak di dapur, datang Sazali dan ketuk kepala saya dengan senduk besi hingga berbintang mata saya. Melihat apa yang berlaku P. Ramlee ketawa pula. "Kenapa abang ketawa? Saya keluar bintang ni," kata saya. "Jeliboy ketuk tu... cantek, macam orang kelakar," jawab P. Ramlee. Saloma pula berkata "Sakit tu..." "Alah...apa kederat, Jeliboy tu...budak," kata P. Ramlee.

Tetapi Sazali memang budak yang terlalu nakal. Menurut Ngah, semasa Sazali kecil seringkali dia di pukul oleh Norizan. Bila Norizan bergaduh dengan P. Ramlee, Sazali yang menjadi mangsanya. Pernah Norizan cuba menekan pisau di leher Sazali apabila P. Ramlee membawa baju hendak keluar dari rumahnya kerana pergaduhan besar di antara mereka. Saya juga pernah melihat Saloma memukul Sazali disebabkan Sazali telah

mematahkan pokok bunganya. P. Ramlee tidak suka pada sesiapa yang tak suka kepada Sazali. Beliau akan sayang pada seseorang yang sayang pada Sazali.

Beberapa bulan setelah saya tinggal di rumah P. Ramlee, Che Mah, ibu kepada P. Ramlee datang untuk berubat barah gusi. Pada suatu hari Che Mah panggil saya "Ramli..", tiba-tiba P. Ramlee datang, lalu beliau bertanya kepada ibunya, "Awat Mak panggil Cek?" "Aku bukan panggil cek, aku panggil Ramli Kecil," kata Che Mah. "Lain kali kalau panggil Ramli, panggil Ramli Kecil dan panggil Cek, Ramli Besar," kata P. Ramlee kepada ibu nya. "Susah pasal di satu rumah ada dua Ramli," kata ibunya. "Siapa kasi nama kau ni, kan kalau nama Samdul lagi bagus.", gurau P. Ramlee kepada saya. "Kau duduk dekat Mak, layan dia bercakap", kata P. Ramlee kepada saya. Bila saya duduk berbual dengan ibu P. Ramlee, banyak cerita yang diceritakannya kepada saya.

Katanya "Ramlee lahir pada Hari Raya Puasa. Pagi tu Mak dah rasa perut sakit, Pak Puteh tengah pergi Sembahyang Raya. Yang ada di rumah nenek, Mak punya Mak lah. Lepas takbir Mak punya Mak panggil bidan dan orang ramai pun datang. Bila Pak Puteh pulang, Mak sudah melahirkan Ramlee." Inilah cerita Che Mah kepada saya. P. Ramlee lahir pada hari Jumaat, 22 Mac 1929 di Pulau Pinang iaitu pada Hari Raya Puasa.

Tanya saya pada Che Mah "Kenapa nama Teuku Zakaria ditukar kepada Ramlee?" Jawab Che Mah "Neneknya susah hendak panggil Zakaria, jadi dia beri nama Ramlee." "Macam mana Mak boleh berkenalan dengan Pak Puteh?" tanya saya pada Che Mah. "Ceritanya panjang," jawab beliau "Mak ketika itu janda, ada anak satu, abang Sheikh tu lah. Berapa lama Mak menjanda. Hang tahu laa, bila janda ni macam-macam tuduhan. Pak Puteh ni kerja kapal, Mak berjumpa dengan dia, tapi tak payah Mak cerita. Hang tahu bapak abang hang tu, lawa orang nya, banyak juga lah orang perempuan yang tergila-gila kat dia. Tapi dia pening kalau orang mahu cari menantu, orang cari keturunan Mamak atau Arab. Mak kahwin dengan bapak abang hang pun tak ada saudara yang setuju. Hanya Mak punya emak saja yang suka Mak kahwin, tak kira siapa dan apa keturunan dia," cerita Che Mah kepada saya.

Che Mah semasa berada di rumah P. Ramlee di Cedar Avenue, setiap malam berbual dengan saya mengenai P. Ramlee. "Mak dulu tak tahu bagaimana orang buat piring hitam untuk pusing dalam radio. Mak ingat kan orang menyanyi terus, bila buka radio. Bila abang hang (P. Ramlee) selalu menyanyi dalam radio, nenek abang hang suruh tutup radio. dia kata kesian kat Ramlee penat dia asyik menyanyi." "Nenek abang hang pergi tutup radio. Orang dulu mana tahu. Satu rumah ada radio sudah megah besar dan besar hati", kata Cik Mah.

Teuku Nyak Puteh, ayah P. Ramlee, berasal dari Aceh. Dia keluar dari Kampung kerana merajuk. Apa yang dirajukkan itu tiada siapa yang tahu kerana Nyak Puteh tidak pernah ceritakan kepada sesiapa. Nyak Puteh cerita pada Che Mah dia adalah anak tunggal, tidak mempunyai adik beradik, hanya mempunyai ibu bapa. Inilah yang diceritakan oleh Che Mah kepada saya. Tidak lama Che Mah tinggal di rumah P. Ramlee di Singapura, selepas itu beliau pulang ke Pulau Pinang.



Teuku Nyak Puteh Bin Teuku Karim. Berasal dari Lhok Seumawhe, Aceh, Indonesia. Beliau adalah pelayar yang berlayar dari satu tempat ke tempat lain.

Nyak Puteh mengembara kerana merajuk hati kepada salah seorang keluarganya. (mengikut cerita Che Mah). Dalam hati Nyak Puteh beliau berjanji tidak akan pulang ke tanah airnya jika belum berjaya.

Bila Nyak Puteh menetap di Pulau Pinang, beliau berkahwin dengan seorang janda beranak satu. Hasil perkahwinan dengan Che Mah dikurniakan cahaya mata di pagi Raya selepas umat Islam membaca khutbah. Bayi itu diberi nama Teuku Zakaria Bin Teuku Nyak Puteh. Oleh kerana nenek P. Ramlee kesukaran memanggil nama Zakaria, lalu ditukar nama Zakaria kepada Ramlee.

Che Mah Bt Hussin berasal dari Pulau Pinang. Beliau adalah seorang janda beranak satu. Che Mah mula bertemu Nyak Puteh menerusi seorang kenalan yang juga kawan kepada Nyak Puteh. Che Mah dan Nyak Puteh hanya berjumpa sekali sahaja. Bila Che Mah hendak berkahwin dengan Nyak Puteh ada yang menentang. Tetapi Che Mah bersama ibunya tidak peduli, lalu jodohnya bermula dengan perkahwinan pada tahun 1925 di Kubang Buaya, Butterworth. Daripada perkahwinan tersebut mereka mendapat seorang anak lelaki yang diberi nama Ramlee Bin Puteh.

Che Mah meninggal dunia akibat penyakit barah gusi pada tahun 1960 an. Pada masa itu P. Ramlee tinggal di 38, Jalan Bunga Kantan, Setapak, Kuala Lumpur.





P. Ramlee, Sazali, Nasir, Saloma, Safarina, Armali
Duduk ialah anak saudara Saloma, Haslina dan Rozita



PERJALANAN HIDUP P. RAMLEE

PETIKAN DARI CERITA P. RAMLEE HENDAK DI BUKUKAN TAK JADI

P Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1929 selepas umat Islam berpuasa iaitu pada Hari Raya. Beliau tidak di fitrahkan pada tahun pertama lahir. Beliau suka pada bidang seni semenjak masih di bangku sekolah dan pada ketika itu hidupnya susah, bapanya bekerja sebagai kuli dengan pendapatan hanya cukup untuk makan.

Mereka tinggal di rumah kecil, kepunyaan ibu P. Ramlee. Hati kecil P. Ramlee selalu bertanya "Sampai bila hidup ku dalam kemiskinan." Dengan itu P. Ramlee belajar bersungguh-sungguh semasa beliau di bangku sekolah. (Dalam bidang agama, P. Ramlee tidak abaikan samasekali kerana beliau tahu segala aspek ilmu yang berada dalam Al Quran.)

Apabila P. Ramlee mula menjadi anak muda beliau menghayati rakan-rakan yang bermain muzik di kampung, ada di antara mereka yang menjadi kesukaan wanita di kampung masing-masing. P. Ramlee merasai mungkin muzik akan menjadi satu mata pencarian di masa hadapan. Dengan itu beliau menceburi bidang muzik sebagai pemain biola.

Cara P. Ramlee hendak mendapatkan biola ialah dari jenis pertaruhan ikat perut. Iaitu apabila beliau mendapat duit upahan dan orang suruh beliau pergi ke kedai makan. P. Ramlee tidak belanjakan duit upah dan terpaksa simpan duit itu sehingga cukup untuk membeli biola. Semasa asyik bermain muzik, beliau sempat pula belajar ilmu kedukunan. Selalu apabila beliau mendengar ada orang pandai berubat, beliau akan pergi belajar daripada orang tersebut.

Cerita sepintas lalu oleh P. Ramlee bersama Cikgu Ibrahim Zain, kawan sekolah beliau semasa bertemu dan berbual bersama di rumah P. Ramlee di nombor 38, Jalan Bunga Kantan, Taman Ferlong, Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1964. Mereka ada berbual dan bercerita bersama mengenai P. Ramlee semasa kecil. (Semasa di sekolah, P. Ramlee adalah murid yang pintar dan suka bergaduh. Beliau juga suka menolong kawan yang hendak bergaduh. Beliau adalah seorang budak yang beragama semasa kecil lagi.)


CERITA DARI P. RAMLEE DAN IBRAHIM OSMAN PELAKON NOMBOR LIMA PERSIARAN SATU, SEMASA P. RAMLEE BERADA DI KUALA LUMPUR

Semasa pemerintahan Jepun, P. Ramlee menjadi ketua dalam satu batalion seramai 150 orang. Kawannya bernama Ibrahim adalah seorang penakut, yang setiap kali mendapat tugas jaga, beliau mau berjaga bersama P. Ramlee. Untuk mengambil hati P. Ramlee, Ibrahim membawa kopi untuk minum bersama. Pada suatu malam P. Ramlee tinggalkan Ibrahim seorang diri apabila beliau pergi berpusing-pusing meronda. Akhirnya kopi yang Ibrahim bawa untuk diminum bersama habis diminum sendiri oleh Ibrahim. Sebelum subuh, bila Ibrahim sudah tertidur, P. Ramlee tidak mengejutkannya. Bila Ibrahim sedar dia mendapati P. Ramlee sudah tidak ada di tempat tugas mereka.

Semasa pemerintahan Jepun, di kalangan tentera Jepun pada setiap malam minggu diadakan pertunjukan pentas oleh askar Jepun. P. Ramlee adalah salah seorang penyanyi dalam tentera Jepun. Mereka berminat pada beliau hinggan sampai tiga empat kali beliau disuruh menyanyi. Ada kalanya bila orang lain menyanyi, lagu belum habis lagi tentera Jepun minta orang itu turun dari pentas. Mereka terus menyuruh P. Ramlee menyanyi. Dari situlah P. Ramlee mula merasa beliau boleh menyanyi. Apabila tamat zaman pemerintahan Jepun di negara kita, P. Ramlee terus masuk ke sekolah Penang Free School, Pulau Pinang.

Dalam masa pemerintahan Jepun, P. Ramlee adalah pelajar bahasa Jepun yang mantap kebolehannya. Pihak Jepun menggunakan beliau di merata tempat untuk membuktikan kepintaran beliau memahami bahasa yang dipelajari di dalam waktu yang begitu singkat sekali.

Pada awal tahun 70 an, Ibrahim Osman, kawan P. Ramlee semasa berkhidmat sebagai askar Jepun telah menjadi pelakon drama radio Pelakon nombor lima Persiaran Satu di RTM, Kuala Lumpur.



Rumah tempat P. Ramlee dilahirkan. Beliau lahir pada 22 Mac 1929 di pagi Hari Raya Puasa selepas umat Islam berkhotbah Raya. 19 tahun P. Ramlee menetap di rumah ini bersama kedua ibubapanya. Kemudian beliau pergi ke Singapura untuk mencuba nasib dalam dunia seni. Akhirnya beliau berjaya menjadi insan seni yang disanjung oleh segenap lapisan masyarakat. Setelah beliau tiada, hasil karya seni beliau terus diminati dan disanjung oleh para peminatnya sehingga beliau mendapat gelaran Seniman Agung.



Rumah ini tempat P. Ramlee menghembuskan nafas terakhir pada 29 Mei 1973, jam 4 pagi, hari Selasa kerana sakit jantung. Rumah nombor 22, Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur. Beliau tinggal di rumah ini sesudah tamat kontrak dengan Merdeka Film Production pada tahun 1970.

[Handwritten signature]

[Handwritten mark]

[Handwritten signature]



P. RAMLEE MEMULA KERJAYA SEBAGAI PENYANYI

CERITA DARI P. RAMLEE DAN AHMAD REJAB SERTA KAWAN-KAWAN

Semasa P. Ramlee bersekolah di Penang Free School, beliau adalah pelajar dalam bahasa dan tulisan yang paling cantik sekali. Mr. Hashim (Bapa Ahmad Daud) adalah guru kepada P. Ramlee. Setiap hari Mr. Hashim suruh P. Ramlee bawa pulang bukunya untuk di hantar ke rumahnya. Bila sampai sahaja di rumah Mr. Hashim, isterinya (ibu Ahmad Daud) menyuruh P. Ramlee masuk ke rumah dulu sebelum pulang. P. Ramlee selalu merasa senang hati kerana dapat makan di rumah Mr. Hashim, gurunya dan beliau tak payah makan di rumahnya.

Semasa di sekolah P. Ramlee tidak membuang masa dengan begitu sahaja. Waktu tengahari beliau pergi belajar agama dan di sebelah petang pula beliau bersukan. Selepas sembahyang waktu malam P. Ramlee berlatih muzik bersama pancaragam Sinar Bintang Sore. Kemudian beliau masuk pula pancaragam Teruna Sekampong, sebagai pemain biola dan penyanyi serta pencipta lagu. Bermula dari situ Mr. Kamaruddin pula melihat bakat P. Ramlee yang begitu tinggi, dan dengan itu terlintas di hatinya untuk mengajar P. Ramlee bermain piano. Mr. Kamaruddin menyuruh P. Ramlee pergi ke rumahnya untuk belajar bermain piano. Tetapi P. Ramlee tidak begitu tekun untuk bermain piano di rumah Mr. Kamaruddin. Oleh itu Mr. Kamaruddin menyuruh anak perempuannya, Normah melayan P. Ramlee, dengan membawa kopi untuk beliau supaya beliau tekun belajar.

Suatu hari, apabila pertandingan menyanyi diadakan di bawah anjuran Radio Malaya di kawasan utara, P. Ramlee telah mencuba nasibnya sebagai penyanyi yang dikenali. Pada tahun 1945, tahun pertama beliau bertanding, beliau hanya berjaya mendapat tempat ketiga. Pada tahun berikutnya iaitu tahun 1946, bagi penyertaan kali kedua beliau mendapat tempat kedua, pada penyertaan kali ketiga, tahun 1947 barulah beliau berjaya seba-



gai johan bagi kawasan utara Malaya anjuran Radio Malaya. Semenjak dari itu nama P. Ramlee dan pancaragam Teruna Sekampong dikenali ramai di kawasan utara.

Apabila rombongan sandiwara 'Rayuan Asmara' yang diketuai Ahmad C.B datang dari Medan, Indonesia, mereka membuat pertunjukan pentas di Pulau Pinang. P. Ramlee mencuba hendak melihat sehebat mana pemuzik dari Indonesia itu. Beliau bercadang hendak masuk menonton tetapi beliau tidak mempunyai wang. Selalunya bila beliau dapat duit dari menyanyi keramaian dan pertunjukan pentas, beliau terpaksa membeli pakaian. Ada kalanya beliau terpaksa memakai baju koyak, tetapi itu tidak nampak kerana di luar baju beliau memakai kot.

Suatu malam P. Ramlee memanjat pagar untuk melihat pertunjukan muzik dari sandiwara 'Rayuan Asmara'. Ketika itu Kasma sedang menyanyi (di waktu itu Kasma belum dikenali lagi, kerana beliau belum menjadi bintang filem). Secara kebetulan Ahmad C. B mendapat tahu di Pulau Pinang ada sebuah pancaragam bernama Teruna Sekampong yang mempunyai ramai peminat. Kemudian Ahmad CB pergi berjumpa dengan ketua Pancaragam Teruna Sekampong. Beliau mencadangkan hendak menggabungkan Pancaragam Teruna Sekampong dengan kumpulan sandiwara Rayuan Asmara dalam suatu pertunjukan pentas.

Pada pertunjukan gabungan kedua pancaragam tersebut, disitulah P. Ramlee kali pertama berjumpa dengan Kasma.



Gambar P. Ramlee ketika berusia 8 tahun di Sekolah Melayu, Kampung Jawa, Pulau Pinang.

Gambar diambil dalam kawasan sekolah pada tahun 1937.

Inilah sekolah tempat P. Ramlee menimba ilmu sebelum menceburi dunia senisuaru dan dunia pertileman. Beliau mendapat didikan pertama mengenai senisuaru di Sekolah Kampung Jawa, Pulau Pinang.



P. Ramlee, nombor tiga berdiri di belakang bersama 'Sinar Bintang Sore' Pulau Pinang. Sejak usia muda lagi beliau sudah mula mengasah bakat dalam bidang seni muzik dan seni menyanyi. Jika kejayaannya sukar ditandingi, usahanya sukar ditemui sekarang.



Dari kiri, Hamzah Dolmat, Ahmad C. B., P. Ramlee, Osman Gumanti dan Saloma.
 Ahmad C. B., ketua rombongan Rayuan Asmara yang membawa masuk Kasma Booty ke Pulau Pinang pada tahun 1946. Ketika itulah kelompok Pancaragam Teruna Sekampong digabungkan dengan Pancaragam Rayuan Asmara dalam suatu pertunjukan pentas di Pulau Pinang.
 Ahmad C. B., pencipta lagu 'Bulang Mengambang' yang dinyanyikan oleh P. Ramlee dalam tahun 60 an.



Ahmad Jais, Rafiah Buang, P. Ramlee dan Saloma bersama peminat ketika pertunjukan pentas di Ipoh, Perak pada tahun 1966.

CERITA DARI KASMA BOOTY, P. RAMLEE DAN BOOTY JACCOB

Pada suatu malam, diadakan persembahan antara pancaragam Rayuan Asmara dengan Teruna Sekampong. Di waktu itu di atas pentas P. Ramlee mula berjumpa dengan Kasma, (ketika itu Kasma belum berkahwin dengan Booty dan usianya baru 13 tahun). Di antara mereka tidak kenal antara satu sama lain. P. Ramlee menyanyi solo dan Kasma pun menyanyi solo juga.

Di atas pentas P. Ramlee berjinak-jinak dengan Jaafar (bapak tiri Kasma Booty) pemain saxophone dalam rombongan Rayuan Asmara. Selepas itu, P. Ramlee tidak berjumpa lagi dengan Kasma Booty kerana rombongan Rayuan Asmara berpindah dari satu tempat ke tempat lain.

Apabila pihak Shaw Brothers di Singapura mula membuat filem Melayu dan sedang mencari pelakon, kerana filem pertamanya berjudul 'Singapore Waktu Malam' tidak mendapat sambutan. Pengarahnya B.S. Rahjan pergi ke merata tempat untuk mencari pelakon. Apabila beliau tiba di Bukit Mertajam, pada suatu malam P. Ramlee sedang mengadakan pertunjukan di satu pentas. Rahjan masuk untuk melihat pemuda-pemudi yang sesuai untuk dipilih menjadi pelakon filem. Jadi apabila Rahjan melihat P. Ramlee menyanyi, beliau begitu terpicik dengan suara P. Ramlee. Tetapi kepadanya P. Ramlee tidak sesuai untuk dijadikan pelakon kerana terlalu kurus.

Seterusnya, Rahjan pergi ke belakang pentas untuk berjumpa dengan P. Ramlee. Beliau bertanya kepada P. Ramlee sama ada beliau mahu menjadi penyanyi suara latar untuk filem keluaran Shaw Brothers di Singapura. P. Ramlee bersetuju dengan cadangan itu. Selepas itu, Rahjan menyuruh P. Ramlee pergi berjumpa beliau di hotel di mana beliau tinggal. Keesokan harinya, P. Ramlee pergi berjumpa dengan Rahjan dan di masa itu bulan puasa hampir tiba iaitu tinggal beberapa hari saja lagi. Rahjan seterusnya meminta alamat P. Ramlee dan nama penuhnya.

Tidak lama selepas itu tersiar dalam akhbar Utusan Melayu bahawa Studio Jalan Ampas perlukan pelakon filem, dan kepada sesiapa yang berminat bolehlah datang untuk *screen test* (uji bakat). Apabila P. Ramlee menerima tiket keretapi untuk ke Singapura, jangkannya beliau akan berangkat ke Singapura selepas Hari Raya. Kawan baik P.

Ramlee, Sukardi, pergi lebih dulu ke Singapura dan P. Ramlee meminta supaya Sukardi menunggu beliau di Tanjung Pagar pada hari yang ditetapkan dalam tiket keretapi. Semasa beliau pergi menukarkan tarikh tiket keretapi beliau tidak sedar tarikhnya terkena pada Hari Raya Puasa. Dengan kerana itu terpaksa beliau meninggalkan kampung halaman pada Hari Raya Puasa, iaitu pada 15 Ogos 1948.

Pada hari beliau bertolak selepas bersalam dengan kedua orang tuanya, bapanya, Nyak Puteh memberi pesan kepadanya, "Kalau keluar dari kampung dengan dua helai baju dan pulang dengan dua helai baju juga, jangan pulang." Kata bapanya kepadanya lagi, "Kalau keluar dari kampung mesti ada bukti mengembara. Pulang dengan kejayaan."

Pada hari Raya Puasa P. Ramlee menaiki keretapi dari Pulau Pinang menuju ke Singapura. Dalam keretapi beliau melihat ramai juga umat berHari Raya. Apabila sampai di Tanjung Pagar, Sukardi menunggu beliau (ini menurut maklumat Kasma Booty dan P. Ramlee. Hanya Sukardi yang dapat memperbetulkan sama ada P. Ramlee menaiki keretapi bersama Sukardi atau Sukardi menunggu beliau di Singapura). Setelah berada di Singapura P. Ramlee dan Sukardi datang ke Studio Jalan Ampas untuk uji bakat.



P. Ramlee duduk kanan sekali bersama dengan anggota Orkes Pulau Pinang semasa P. Ramlee berada di Pulau Pinang, pada tahun 1947 ketika beliau masih di bangku sekolah. Beliau adalah berpendidikan sehingga ke Kelas Lapan Francis Light English School Penang.



Dari kiri berdiri P. Ramlee bersama ahli pancaragam 'Teruna Sekampong'. Beliau menjadi penyusun lagu-lagu dari pancaragam 'Teruna Sekampong' di Pulau Pinang. Beliau juga memimpin sebuah badan pancaragam bernama 'Mastika' di Butterworth.



P. Ramlee berbaju hitam bersama anggota Orkes Mutiara Pulau Pinang semasa rakaman di Radio Malaya Pulau Pinang. Ketika itu beliau sudah dikenali sebagai pelakon filem.



Kasma Booty bersama P. Ramlee

P. Ramlee bersama Kasma Booty berpadu suara di malam PERSAMA di Happy World, Singapura. Ketika beliau masih menjadi Presiden PERSAMA.



P. Ramlee bersama S.M. Salim sedang berlawak di Radio Medan Indonesia. Ini adalah jemputan khas oleh Radio Medan Indonesia.



P. Ramlee bersama S.M. Salim berlawak di pentas di satu malam amal di Perak.



Gambar atas: A. Bakar Ali, Saloma, Runme Shaw, P. Ramlee.

Runme Shaw bersama Saloma memegang hadiah Fotografi Hitam Putih Terbaik bagi filem 'Sumpah Orang Minyak' Asia Film Festival di Manila, 1958.



Gambar tengah: P. Ramlee bersama Nordin sedang bermain biola.

Gambar bawah: Osman Ahmad bermain Vibrophone. P. Ramlee bersama Ms Judith Osborne dan Ms. Ina Crawford peminat beliau dari England. Secara kebetulan semasa mereka melawat ke Studio rakaman di jalan Ampas Singapura, P. Ramlee bersama rakan-rakannya sedang merakam lagu latar untuk filem 'Petarongan' arahan Omar Rojek.

Pelawat dari England merasa kagum melihat cara P. Ramlee bekerja semasa dalam studio. Menurut Ms. Crawford, di tempat beliau ada kawan yang boleh menyanyi lagu Melayu ciptaan P. Ramlee seperti lagu Azizah dan Hamidah dan juga beberapa buah lagu lain ciptaan P. Ramlee. Menurut beliau lagi lagu-lagu ciptaan P. Ramlee sungguh merdu iramanya ditambah pula dengan suara nyanyian P. Ramlee yang merdu. Begitulah kata dua gadis dari England ketika ditemu-ramah oleh wartawan majalah.





P. RAMLEE MENJADI PELAKON FILEM

CERITA DARI KASMA BOOTY

Menurut cerita Kasma Booty, Sukardi tidak lulus dalam uji bakat tetapi P. Ramlee telah lulus. Selepas itu, Kasma Booty tidak tahu kemana Sukardi telah pergi. P. Ramlee pula mendapat tempat tinggal di rumah Boon Teck Road, iaitu rumah tempat pekerja dan pelakon di Shaw Brothers.

Di waktu itu rumah yang P. Ramlee tinggal ialah rumah papan dan oleh kerana beliau masih bujang terpaksa beliau tinggal di bilik kecil di belakang dapur antara rumah Kasma Booty dengan rumah Hayat Haris. Pada hari pertama P. Ramlee tinggal di Boon Teck Road beliau tidak mempunyai bantal dan tikar. Beliau memohon meminjam bantal dan tikar dari Kasma Booty. Tetapi Kasma juga tidak mempunyai bantal dan tikar lebih. Akhirnya Hayat Haris memberi satu bantal dan satu tikar kepada P. Ramlee.

P. Ramlee mula bekerja di Studio Jalan Ampas dengan gaji tujuh puluh ringgit sebulan sebagai penyanyi suara latar untuk filem keluaran Shaw Brothers. Ketika itu studio Jalan Ampas berinding dan beratap zink.

Ketika P. Ramlee datang, Siput Sarawak bersama ayahnya Dollah Sarawak sudah ada di tempat yang sama dan mereka tinggal di hadapan rumah Kasma Booty. Di rumah Pak Dollah ada biola dan bila P. Ramlee mendapat tahu Pak Dollah ada biola, beliau sering kali ke rumah Pak Dollah dan berkawan rapat dengan Siput Sarawak. Setiap hari jika P. Ramlee tidak ada kerja di studio, rumah Pak Dollahlah tempat beliau bermain biola.

Setiap waktu makan, Kasma Booty menjemput P. Ramlee ke rumahnya untuk makan. Bila Bong Ramlee makan (demikian Kasma menyebut nama P. Ramlee), beliau datang dengan membawa satu pinggan besi untuknya. Selepas makan beliau mencuci baju kerana ketika itu beliau tidak mempunyai banyak baju untuk dipakai semasa bekerja. Setelah

selesai cuci baju, sebelum tidur, selalunya beliau membunyikan gendang penggang besi. Kasma Booty berapa kali marah kepada beliau kerana bising. Ketika itu Kasma mempunyai anak kecil bernama Cempaka, iaitu anak pertama setelah berkahwin dengan Booty sempena filem pertama lakonan Kasma Booty yang berjudul 'Cempaka'.

Suatu kali, adik tiri Kasma, Yusni yang masih kecil lagi, memekik kepada P. Ramlee kerana memainkan gendang besinya. Kasma meminta P. Ramlee berhenti memainkan gendang besinya kerana anak-anak kecil mahu tidur. Tetapi Booty berkata, "Biarlah P. Ramlee itu bermain muzik, kalau penggangnya tidak diketuk, apalagi alat muzik yang akan dipukulnya." Begitulah seterusnya keadaan P. Ramlee setiap malam. Di waktu siang bila tidak ada *shooting* beliau bermain biola di rumah Pak Dollah.

Pada suatu hari, datang D.Haris bersama dua anak perempuannya, iaitu Junaidah, seorang janda yang mempunyai seorang anak dan Junainah, gadis berusia belasan tahun. P. Ramlee mula tertarik hati pada Junainah. Setiap hari P. Ramlee pergi berbual, beliau berbual dengan Junainah dan Junaidah di rumahnya. Pada suatu hari, P. Ramlee telah ambil biola di rumah Pak Dollah, dan membawa alat muzik itu ke rumah Junainah dan Junaidah.

Bila Siput Sarawak balik dari kedai, dan mendengar bunyi biola di rumah D.Haris, beliau pulang ke rumahnya dan mendapati biolanya tidak ada. Ayahnya, Pak Dollah memberi tahu kepada Siput Sarawak bahawa P. Ramlee telah meminjam biolanya. Dengan sertamerta Siput Sarawak terus pergi ke rumah D.Haris dan marah kepada P. Ramlee.

Bermula kejadian itu telah berlaku satu perkelahian antara Siput Sarawak dengan P. Ramlee. Masing-masing mengeluarkan kata-kata yang kesat antara satu sama lain. Pak Dollah seterusnya keluar dari rumahnya dan mencabar P. Ramlee. Kata Pak Dollah, "Ini anak Sarawak, tak takut siapa." P. Ramlee dengan hati yang panas memukul Pak Dollah dan Pak Dollah pula jatuh ke dalam lubang tempat buang sampah. P. Ramlee pergi mengambil beluti palang pintu kerana hendak memukul Pak Dollah lagi. Sementara itu, Booty menahan P. Ramlee. Jika tidak ditahan entah apa akan terjadi kepada P. Ramlee dan Pak Dollah. Semenjak dari itu, perhubungan antara P. Ramlee dengan Siput Sarawak menjadi renggang. Hubungan P. Ramlee dengan kedua anak perempuan D.Haris, iaitu Junaidah dan Junainah bertambah rapat.

Apabila pelakon filem bertambah jumlahnya, ramai orang baru datang untuk menjadi pelakon filem, dan mereka tinggal di Boon Teck Road. Antara pelakon-pelakon baru itu, termasuklah S. Roomai Nor, hero dalam filem 'Chinta'. P. Ramlee turut berlakon bersama Siput Sarawak dan S. Roomai Nor. Semasa itu, permusuhan antara Siput Sarawak dan P.

Ramlee masih ada. Filem 'Chinta' ialah filem pertama bagi P. Ramlee bermain bersama S. Roomai Nor.

Pada Suatu malam, apabila P. Ramlee hendak tidur beliau tidak dapat tidur kerana tangisan Yusni yang kena demam panas. P. Ramlee terus pergi ke rumah Kasma Booty dan bertanya kenapa Yusni menangis. Jaafar, bapa Yusni, menerangkan bahawa Yusni terkena demam panas. Dengan serta-merta P. Ramlee mengambil satu gelas, lalu meminta izin kepada Jaafar untuk mengubat Yusni. Jaafar berkata pada P. Ramlee jika Yusni sembuh dari demamnya dia elok menjadi adik angkatnya. P. Ramlee terus menjampi air dalam gelas dan sapu ke muka Yusni. Pada keesokan harinya Yusni beransur pulih dari demam panasnya.

Seterusnya, hubungan P. Ramlee dengan Junainah menjadi semakin mesra dan bertambah rapat. P. Ramlee bertugas di studio selain daripada menyanyi dan berlakon di Studio Jalan Ampas. Beliau bertugas sebagai *continuity* dan *clepbox*. Walaupun beliau menjalankan berbagai jenis kerja di studio, gajinya masih lagi tujuh puluh ringgit sahaja. Beliau berlakon satu demi satu filem dengan pelbagai watak. Cuma peranan hero belum diberikan kepada beliau.

D R RAMLEE PELAKON FILEM

Ketika filem 'Bakti' hendak dimulakan dengan lakonan Kasma Booty dan S. Roomai Nor, doa selamat sudah diadakan hanya yang di tunggu ialah penggambaran sahaja. Di saat akhir, ketika penggambaran filem itu hendak dimulakan, S. Roomai Nor menolak perannya dalam filem tersebut kerana dia tidak mahu berlakon. L. Krishnan tidak ada jalan lain untuk menggantikan tempat S. Roomai Nor. Lalu beliau memanggil P. Ramlee untuk berpasangan dengan Kasma Booty dalam filem tersebut. Kasma Booty pula tidak yakin filem 'Bakti' boleh mendapat sambutan, kerana P. Ramlee adalah seorang yang terlalu kurus bagi seorang 'hero'. Bila Kasma menyatakan kepada Booty, yang beliau tidak yakin filem 'Bakti' boleh menarik minat orang ramai, kerana heronya terlalu kurus, Booty marah kepada Kasma. Kata Booty, "Jangan terlalu ingat Ramlee itu kurus dan tak ada peminat. Dengan nyanyiannya orang sudah suka kepadanya; apalagi kalau dia menjadi hero buat kali pertama."

Apabila filem 'Bakti' mendapat sambutan luar biasa, maka P. Ramlee telah menjadi rebutan setiap pengarah. Selepas filem 'Bakti' dikeluarkan, P. Ramlee mendirikan rumah-tangga dengan Junaidah, seorang janda yang mempunyai seorang anak. Tetapi sebenarnya yang P. Ramlee tergilang-gilakan ialah Junainah, adik kepada Junaidah. Tetapi bapa mereka, D.Haris, mahu anaknya yang lebih tua, Junaidah berkahwin lebih dahulu daripada adiknya, Junainah.



Filem 'Chinta', 1948



Filem 'Anjoran Nasib', 1952



Filem 'Sejoli', 1951



Filem 'Nilam', 1949



P. Ramlee bersama T.K. Lee, Pengurus bagi pihak Shaw Brothers, Singapura dan Merdeka Film Production, Ulu Klang, Kuala Lumpur.

*Filem 'Sarjan Hassan',
1958*

Barisan pelakon:

P. Ramlee

Saadiah

Salleh Kamil

Jins Shamsuddin

Omar Rojek

Arahan:

Lamberto Avellana

Muzik: P. Ramlee



P. Ramlee berperanan sebagai Sarjan dalam filem 'Sarjan Hassan'. Beliau diberi penghormatan bergelar 'Sergeant Titular' pada tahun 1959.






PERKAHWINAN PERTAMA P. RAMLEE

Perkahwinan P. Ramlee hanya sekejap sahaja penuh dengan kebahagiaan, kerana Junaidah terlalu cemburu terhadapnya. Ketika itu nama P. Ramlee sedang meningkat naik dan beliau sudah menjadi hero kepada empat filem.

Cemburu Junaidah kepada P. Ramlee pernah berlaku suatu hari tatkala beliau hendak pergi ke pertunjukan pentas. Sebelum beliau memakai kasut, Junaidah telah membalik kasutnya. P. Ramlee pernah bercerita pada waktu *shooting* di studio, "Aku cemas dengan Jun, belum pakai kasut, tetapi kasut telah terbang dulu dibaling oleh si Jun."

Selepas setahun P. Ramlee mendirikan rumah tangga dengan Junaidah mereka mendapat seorang cahayamata yang diberi nama Nasir. Sedang Nasir masih kecil, bangunan-bangunan kayu di Boon Teck Road dipecahkan kerana akan dibuat rumah batu. Kesemua pelakon dan pekerja Shaw Brothers dipindahkan ke sebuah Banglo di Katong, termasuk P. Ramlee bersama keluarganya.



CERITA DARI KASMA BOOTY

Kasma Booty menyatakan apabila nama P. Ramlee mula meningkat naik dan orang berrminat dengan nyanyiannya. Suaminya, Booty, yang menjalankan pertunjukan pentas telah memastikan P. Ramlee dan Kasma, yang kedua-duanya bintang filem, dapat mencari wang di pentas. P. Ramlee bersama Kasma seringkali mengadakan pertunjukan pentas di seluruh Malaya (Malaysia). Di kala itu Junaidah pula menjadi bertambah cemburu kepada P. Ramlee, hinggakannya beliau menuduh Kasma Booty mempunyai hubungan sulit dengan P. Ramlee. Dengan kerana itu, suasana di banglo telah menjadi hangat.

Kasma Booty bersemuka dengan Junaidah dan bersumpah dengan Al Quran. Bila pergaduhan besar ini berlaku semua rahsia Junaidah telah dilepaskan oleh P. Ramlee. Semenjak itu, hubungan P. Ramlee dengan Junaidah menjadi semakin tegang walaupun mereka sudah mempunyai seorang anak. Ketika itu Junaidah sudah mengandung lagi tiga bulan.

Semasa pergaduhan terakhir mereka berdua, P. Ramlee telah terajang Junaidah hingga beliau tumpah darah. P. Ramlee melakukan demikian kerana beliau tahu isterinya curang kepadanya. Tetapi P. Ramlee tidak mahu menuduh secara melulu kerana beliau tidak nampak dengan matanya sendiri. Tetapi bila ada kesalahan yang dibuat oleh Junaidah, barulah dikeluarkan kata-kata kepadanya oleh P. Ramlee. Semenjak itu, jodoh antara P. Ramlee dengan Junaidah telah habis. Junaidah telah meninggalkan anaknya, Nasir kepada P. Ramlee. Itulah cerita Kasma Booty kepada saya.

CERITA DARI P. RAMLEE SENDIRI KEPADA SAYA

P. Ramlee pernah menceritakan bagaimana beliau telah menghantar anaknya, Nasir, ke Pulau Pinang untuk tinggal bersama ibunya, Che Mah. "Bila Jun pergi, tinggal Nasir dengan aku, satu beban bagi aku," kata P. Ramlee. "Bila berpindah ke Boon Teck semula nasib aku baik kerana ada orang boleh jaga. Kalau tidak, susah juga. Ketika itu aku buat *shooting* banyak, pertunjukan pentas pun banyak. Mana boleh aku jaga anak lagi, itu sebabnya aku hantar Nasir ke Pulau Pinang."

Bila Nasir, anaknya, tidak ada bersama dengannya, seringkali P. Ramlee bercerita

dengan orang bahawa beliau bebas dari penjara hidup. Pernah orang bertanya kepada P. Ramlee kenapa beliau tidak menjaga anaknya sendiri kerana itu akan rapatkan kasih sayang. Tetapi P. Ramlee menjawab, "Biar dia duduk di Penang, lebih baik, kerana dapat kasih sayang dari neneknya," kata P. Ramlee.

P. Ramlee pernah menceritakan isi hatinya kepada kawan-kawannya. Beliau berkata, "Bila aku bercerai dengan Jun, hidup aku mula bebas, aku boleh pulang jam berapa pun. Kalau aku tak mahu pulang pun tak ada siapa yang cemburu. Bila aku ada masa, aku pergi melihat L. Krishnan buat *editing*, kerana aku rasa kalau betul mahu cebur dalam dunia perfileman, aku perlu tahu semua aspek dalam pembikinan filem."

Ketika itu nama P. Ramlee sedang meningkat naik sebagai pelakon serta penyanyi yang hebat. Pernah juga seorang ahli UMNO, menempah sebuah kapal terbang untuk P. Ramlee dan Kasma Booty bersama rakan-rakan, untuk mengadakan pertunjukan pentas di Malaya walaupun pihak Shaw Brothers melarang keras pelakonnya pergi menunjukkan wajah masing-masing di atas pentas. Selepas itu, semakin banyak P. Ramlee berlakon, semakin kemuncak namanya naik di merata tempat. Beliau menerima banyak panggilan untuk pertunjukan pentas, dan ramai pula pemuda yang mengikut gaya dan pakaian beliau. Di kalangan anak gadis ramai pula yang tergila-gila dengan P. Ramlee. Di waktu itu, beliau bujang semula setelah bercerai dengan Junaidah.

P. Ramlee tidak gelojoh dengan wanita kerana beliau mahu menjaga nama baiknya. Booty pernah menceritakan terdapat seorang gadis yang datang untuk memecah pintu bilik P. Ramlee semasa beliau menginap di hotel. Menurutnyanya lagi, ada satu pertunjukan pentas yang P. Ramlee terlambat sampai dan beliau telah disangkakan P. Ramlee oleh para peminat P. Ramlee. Bila beliau turun dari kereta, ramai orang menyerbunya. Katanya, kalau tak ada polis habis beliau dikeroyokkan mereka. Kata beliau lagi, "Malam itu terpaksa saya panggil polis lebih ramai untuk menjaga di belakang pentas sebelum P. Ramlee sampai. Kereta yang P. Ramlee naik terpaksa berhenti betul-betul di belakang pentas dekat dengan tangga naik ke pentas. Itulah kemasyhuran P. Ramlee. Belum ada anak wayang sepertinya." Kata Booty lagi, "Banyak saya buat pertunjukan, tetapi di mana-mana tak seperti pertunjukan P. Ramlee. P. Ramlee betul-betul seorang bintang," lanjut beliau.

Pada masa itu P. Ramlee makin banyak berlakon dan semakin menjulang namanya. Di kala itu, gaji dan kedudukan P. Ramlee telah berubah, tetapi beliau masih membujang. Selepas beliau menandatangani kontrak baru, sesudah selesai penggambaran filem 'Abu Hassan Penchuri'. Norizan pula muncul dan bertemu dengan P. Ramlee.



P. Ramlee bergambar bersama isteri pertama dan keluarga.

P. Ramlee mendukung Nasir, anak lelaki beliau, berdiri di tengah, Abdul Rahman (Bachok), anak Junaidah dari perkahwinan terdahulu dan Junaidah.



Gambar kiri:
Junaidah, isteri pertama
P. Ramlee.
Junaidah berasal
dari Indonesia.
Beliau adalah anak
kepada pelawak D.
Haris. Junaidah
juga seorang
pelakon filem pada
tahun 1950 an.



Pada 22 Mac 1971 adalah kali pertama P. Ramlee mengadakan sambutan harijadi ke 42, di rumah bernombor 22, Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur. Sebelum itu beliau tidak pernah mengadakan jamuan atau apa keramaian untuk meraikan hari-jadinya. Selalunya pada hari lahirnya beliau bersama keluarga atau kawan-kawan pergi makan di luar. Pada hari itu tanpa diketahu P. Ramlee, Saloma merancang dan menjemput kawan-kawan rapat P. Ramlee untuk meraikan harijadi P. Ramlee di rumah mereka.





P. RAMLEE BERKAHWIN KALI KEDUA

CERITA DARI NORIZAN KEPADA SAYA SELEPAS BELIAU BERCERAI DENGAN P. RAMLEE DAN TINGGAL DI JALAN MAWAR, SETAPAK PADA TAHUN 1964

Kata beliau, "Kak Nor berasal sebagai penari joget yang kemudiannya berkahwin dengan Sultan Yusof, Sultan Perak. Kak Nor mengambil dua anak angkat yang diberi nama Norma dan Norbete. Mula-mula sekali kak Nor bertemu dengan P. Ramlee dan berminat kepadanya, ialah ketika beliau mengadakan pertunjukan di Perak. Sebab apa diadakan pertunjukan kak Nor telah lupa." Katanya lagi, "Pada malam pertunjukan itu, Kak Nor bersama Sultan Yusof makan bersama P. Ramlee. Sambil makan Kak Nor memandang mukanya, dan makin melihat makin meresap wajahnya di hati Kak Nor. Waktu itu, Kak Nor tahu yang P. Ramlee tengah membujang. Jadi Kak Nor ambil keputusan pergi ke Singapura untuk berjumpa dengannya. Selepas dua kali berjumpa dengannya Kak Nor pulang ke Perak," demikian Norizan bercerita pada saya.

Bila Norizan bercerai dengan Sultan Yusof, beliau terus pergi ke Singapura dan tinggal bersama P. Ramlee di Boon Teck Road. Mengikut kata orang Norizan lari dari Sultan Yusof sebelum bercerai daripada Baginda. Bila saya tanya mengenai hal ini, jawab Kak Nor, "Lebih kurang begitulah."

Tidak lama kemudian mereka pindah dari Boon Teck Road ke Yarrow Garden, Siglap. Bila pindah dari Boon Teck Road, Norizan bawa bersama dua orang anak angkatnya, Norma dan Betty. Kata Kak Nor kepada saya, "Apabila abang kau hendak berlakon filem 'Hang Tuah', Kak Nor minta ditangguhkan dulu sebab Kak Nor mahu menikah dengannya sebelum filem 'Hang Tuah' dijalankan penggambarannya." Kata Kak Nor lagi, "Maklumlah filem sejarah ni banyak risikonya, sedangkan Kak Nor dengan abang kau tu belum kahwin lagi." Kata Kak Nor seterusnya, "Selepas kami berkahwin, filem 'Hang Tuah' sudah mula, dan abang sedang buat lagu untuk filem 'Hang Tuah', kalau tak salah Kak Nor lagunya ialah

'Berkorban Apa Saja'. Kak Nor duduk di sebelah abang dan Kak Nor suruh abang kau ambil Nasir. Tetapi dia berat hendak bawa Nasir tinggal bersama kami. Entah, mungkin dia takut Kak Nor ibu tiri yang jahat."

Saya tanya kepada Kak Nor, "Kak Nor panggil abang, apa? "Kak Nor panggil abang kau, Darling", jawab Norizan. "Abang pula, panggil Kak Nor?" tanya saya. "Ling, kadang-kadang Nor," kata beliau. "Bila dia marah, hoi, lagi sedap," kata Norizan pada saya. "Selalu abang marah pasal apa?" tanya saya pada beliau. "Yang selalu abang kau meradang, pasal Jeliboy. Menangis Jeliboy, orang lain yang salah. Jeliboy main api kena tangan dia, orang lain juga yang salah." jawab beliau. Kata beliau lagi, "Ngah, tukang masak, yang tengok dan jaga Jeliboy, jadi mangsa. Abang kau kata, Ngah cuai jaga budak, padahal Jeliboy tu terlalu nakal." "Jeliboy ni anak siapa?" tanya saya kepada Kak Nor. "Bila dapat Jeliboy?" tanya saya lagi. Kata Kak Nor "Selepas abang kau berlakon filem 'Hang Tuah' dia jadi pengarah filem 'Penarik Becha'. Kemudian dia berlakon filem 'Anak Ku Sazali'. Sedang dia buat lagu 'Anak Ku Sazali' ada orang serah Jeliboy. Dia terus beri nama Sazali, selepas itu, baru Nasir datang dari Pulau Pinang dan bersekolah di sini." (Nasir dihantar ke Singapura oleh Zauyah dan Che Mah, nenek Nasir).

Saya tanya lagi, "Apa sebab Kak Nor boleh bercerai dengan abang sedangkan Kak Nor gilakan Abang dan sanggup tinggalkan semua kemewahan di Perak." Jawab Kak Nor, "Kak Nor asal perempuan joget dan bila berkahwin dengan Sultan hidup jadi bagus. Tapi Kak Nor tak boleh nampak P. Ramlee dalam filem dan majalah. Kak Nor sanggup bercerai dengan Sultan kerana ikut nafsu. Kata Kak Nor lagi, "Kak Nor bercerai dengan abang kau kerana dia dapat tahu yang Kak Nor menduakannya." "Siapa bagi tahu?" tanya saya. "Entah," kata Kak Nor. Saya jawab, "Mengikut kata abang, pasal cincin. Dia terjumpa cincin atas almari *make-up* seorang pelakon muda" Kata saya lagi kepada Kak Nor, "Ini abang sendiri cerita pada saya dan Samat Art Galary, sewaktu kita makan bersama di kedai nasi kandar. Abang cerita, selepas beliau bermain sepak raga, beliau pergi hendak sikat rambut. Beliau ternampak cincin di atas almari seorang pelakon muda," kata saya. Jawab Kak Nor, "Sebelum itu, Kak Nor kasi cincin itu kepada seorang pelakon muda juga, tetapi pelakon muda tersebut kasi kembali pada P. Ramlee.." "Betul?" tanya saya. "Entah lupa Kak Nor," jawab Kak Nor.

Malam itu, bila P. Ramlee pulang ke rumah, beliau tanya pada Ngah, tetapi Ngah kata dia sudah tidur. Bila P. Ramlee tanya Hamdi, "Entah" jawabnya. Kata P. Ramlee lagi, "Aku jumpa Yusof B. Aku suruh dia tengok, Yusof B kata, "Betul." Aku sendiri pandu kereta. Malam jam sepuluh aku ada dengan Yusof B., di jalan depan rumah, aku nampak motor pelakon muda tu ada." Saya tanya pada Norizan, "Itu Kak Nor tak tahu?" Jawab Kak Nor "Tapi malam itu dia pulang ke rumah, Ngah buka pintu. Tapi, entah jam berapa Kak Nor tak

tahu.”

P. Ramlee pulang ke rumah dengan muka masam; beliau tidak naik ke tingkat atas, tetapi terus main piano di bawah. “Bila Kak Nor dengar bunyi piano, Kak Nor tersedar. Sejak dari itu hidup Kak Nor bersama P. Ramlee sudah tidak mesra lagi,” kata Kak Nor. “Abang pernah cerita,” kata saya pada Norizan. “Kata abang, enam bulan dia tidak tidur bersama kak Nor, betul?” tanya saya kepadanya “Betul” jawab Kak Nor. “Ada suatu petang P. Ramlee ambil dua baju, dua seluar dan seluar dalam. Dia masukkan ke dalam beg kecil. Bila beliau turun ke bawah, Kak Nor pukul Jeliboy. Sekejap lepas tu P. Ramlee naik, lalu dia ketuk pintu. Kak Nor gerak P. Ramlee. Kak Nor kata kepadanya, “Kalau you keluar rumah, Nor bunuh Jeliboy! Lepas tu tak jadilah dia keluar.” “Macam mana Jeliboy boleh naik atas dan berada dalam bilik?” tanya saya kepada Kak Nor. “Jeliboy bukan engkau tak tahu, bila daddy dia naik dia ikut naik. Ke mana daddy dia pergi dia ikut,” kata Kak Nor lagi.

Semenjak itulah P. Ramlee telah mencipta lagu yang bagus, dan terkena dengan jiwanya yang sedang terbakar. Semasa dalam selisih faham antara P. Ramlee dengan Norizan, beliau mencipta lagu seperti; ‘Di mana kan ku cari ganti’, ‘Jeritan Batinku’ serta lagu ‘Barang yang lepas jangan di kenang’.

“Siapa yang minta cerai?” tanya saya kepada Kak Nor. “Kak Nor dah tak tahan lagi hidup seperti dalam penjara. Ada laki tapi tak bercakap,” kata beliau. “Abang pernah cerita bukan pada saya tapi pada kawan-kawannya.” “Saya ada sama,” kata saya. “Dia hanya menunggu Kak Nor minta cerai sahaja kerana dia berfikir tidak mahu kahwin lagi. Sebab dia tak ada isteri yang betul,” kata Kak Nor.

Apabila P. Ramlee membujang sekali lagi, ramai pula wanita termasuk bintang filem yang mengharapkan beliau akan memilih mereka untuk menjadi pasangan hidupnya.



P. Ramlee bersama Norizan, isteri kedua dan dua anak angkat Norizan.

Setelah sekian lama P. Ramlee hidup membujang apabila bercerai dengan isteri pertama, Junaidah, beliau berkahwin semula dengan Norizan, janda kepada Sultan Yusof pada tahun 1961.

Gambar di atas: P. Ramlee mendukung anak kesayangannya, Sazali. Berdiri di sebelah kiri P. Ramlee ialah Norma Yusof. Berdiri di sebelah kanan Norizan ialah norbaity, anak angkat Norizan semasa berkahwin dengan Sultan Yusof. Selepas perpisahan P. Ramlee dengan Norizan kesemua anak tersebut tinggal di bawah jagaan P. Ramlee.

P. RAMLEE BERKAHWIN DENGAN SALOMA PADA TAHUN 1961



Pada tahun 1961 P. Ramlee berkahwin dengan Saloma di rumah Musalmah di nombor 271, Tembeling Road, Singapura.



Norizan, isteri P. Ramlee yang kedua, setelah P. Ramlee berpisah dengan isteri yang pertama, Junaidah. Selama beberapa tahun P. Ramlee hidup membujang. Pada tahun 1955 di rumah bernombor 271, Tembeling Road, Singapura mereka berkahwin dan berpisah di tempat yang sama pada tahun 1961.





PERKAHWINAN TERAKHIR P. RAMLEE

CERITA IBU SALOMA (KALSOM) KEPADA SAYA SETELAH SALOMA MENINGGAL DUNIA

Kalsom, ibu kepada Saloma pernah menceritakan kepada saya bagaimana P. Ramlee meminang Saloma. Tanya saya kepada Kalsom, Ibu kepada isteri ketiga P. Ramlee iaitu Saloma. "Bagaimana mulanya abang boleh kahwin dengan Kakak (Saloma)?" Kalsom menjawab dan bercerita panjang mengenai Saloma kepada saya. Kata Kalsom, "Ibu pun terperanjat. Pada mula si Salmah kasi tahu ibu, katanya Ramlee ajak dia kahwin. Ibu jawab, si Ramlee tu bergurau dengan kau, bukan kau tak tahu perangai si Ramlee, kalau orang percaya dengan gurau dia, jadi harapan." Bila Kalsom kata, Salmah jawab, "Betul Bu, dia datang terus cakap pasal kahwin. Si Ramlee datang dan terus kata, "Sally, I mahu kahwin dengan you." Saya diam tetapi dia cakap lagi, "I mahu kahwin dengan you, you mahu tak?" Habis saya cakap pergi jumpa ibu." "O.k besok malam I datang rumah you," kata Ramlee, mengikut Saloma. Cerita Saloma adalah kepada ibunya dan ibunya pula menceritakan kembali kepada saya.

Kata saya kepada Kalsom, "Kakak ada cerita kepada saya tetapi tidak semuanya." Kata Kalsom, "Pagi-pagi si Ramlee datang. Salmah masih belum bangun lagi, budak-budak kasi tahu ibu, P. Ramlee datang. Bila ibu lihat melalui tingkap, betul dia datang dengan keretanya. Lalu ibukejut si Salmah. Kata ibu, Mah...Mah...Si Ramlee datang. Sambil tidur Salmah jawab, "Katanya dia hendak datang malam." Salmah bangun dan terus pergi mencuci muka. Ibu suruh Ramlee masuk. Bila si Ramlee masuk budak-budak seronok pasal P. Ramlee datang ke rumah. Yang besar semua dah tak ada di rumah pasal pergi sekolah, yang tinggal di rumah Rozi, Dian."

Kata Kalsom lagi, "Salmah tanya dengan si Ramlee, "You kata hendak jumpa ibu malam nanti". Si Ramlee pegang dadanya, sambil berkata, "Hati I dah tak tahan lagi bergoncang macam motor bot". Ibu suruh Rozi dengan Dian pergi bermain di luar. Bila

semua budak-budak tu tak ada, si Ramlee terus cakap dengan ibu. Katanya "Bu...Saya mahu kahwin dengan Salmah." Ibu jawab, "Kalau sudah kau berdua setuju...ibu ikut saja.. Si Ramlee tanya ibu, "Ibu setuju tak?" Kata ibu, "Bukan ibu yang hendak kahwin, kalau Salmah setuju, terpulanglah pada dia. Si Ramlee pula jawab, "Betul juga kata Ibu. Kemudian P. Ramlee tanya kepada Salmah secara bergurau, "Sally, you mahu kahwin dengan I tak?" Salmah tak jawab. Si Ramlee pula jawab, "Itu tanda setuju. Nanti saya cari satu hari yang baik, kita langsungkan pernikahan. Tapi satu syarat, jangan bagi tahu siapa pun, walaupun anak you," kata Si Ramlee pada Salmah. Salmah kata pada ibu, "Ibu jangan kasi tahu orang, bila masanya..saya kasi tahu bapak." Si Ramlee pula jawab, "Itu perlu, kerana dia jadi wali." Lepas itu Si Ramlee pulang. Sebelum P. Ramlee pulang, kata Ramlee pada Salmah, "Jangan lupa malam periteh Panca Sitara." Kemudian budak-budak masuk dan tanya pada ibu, pasal apa P. Ramlee datang."

Seterusnya saya tanya pada ibu Saloma, "Abang Ramlee pernah cerita pada saya, dia benci pada kakak." "Entah! Ibu tak tahu," kata Ibu Saloma. "Dulu dari kecil lagi bila berjumpa dengan si Ramlee, Salmah nanti ajuk Ramlee benggol-benggol." "Macam mana kakak selalu jumpa abang?" tanya saya. "Waktu itu Pak Mail (bapak Saloma) kerja drebar Kasma Booty. Kadang-kadang si Salmah ikut bapaknya ke Boon Teck Road. Si Ramlee pula tinggal di Boon Teck Road, waktu dia bujang dulu. Bila dia kahwin dengan Norizan baru dia pindah ke Siglap. Salmah selalu cakap si binjol tu bawa perempuan Cina. Itu selepas dia bercerai dengan Junaidah, selepas dia putus kasih dengan Latifah," kata Kalsom. "Ibu kurang tahu sangat tentang si Ramlee ni." "Kenapa dia tak kahwin di rumah ibu? Mengapa kahwin di rumah ongek (Musalmah)?" tanya saya pada Kalsom. "Entah, Si Ramlee dengan Salmah yang uruskan semua. Yang ibu tahu bila dibawa oleh Salmah pada malam pernikahan. Semua tingkap di rumah ongek ditutup, yang datang pada malam itu ialah Pak Mail, Osman Ahmad, Yusof B. dan beberapa orang kawan rapat Tak banyak oranglah. Jurugambar Cina dekat Katong, Kamsani (suami Musalmah) yang panggil," kata Kalsom.

"Saya pernah tanya kakak, bagaimana mulanya abang boleh kahwin dengannya. Kakak ada cerita kepada saya, sama ada betul atau tidak, tak tahulah," kata saya kepada ibu Saloma. Kata Saloma, "Kakak tak ada terlintas yang kakak boleh kahwin dengan P. Ramlee. Sebab selepas P. Ramlee bercerai dengan Junaidah, banyak gadis yang gilakan dia. Lepas dia jadi hero, nama dia dikenali ramai. Bila dia kahwin dengan Norizan, yang bekas isteri Sultan Perak, cantik orangnya. Tak mungkin dia boleh bercerai, jadi harapan kakak sudah tak ada lagi," demikian kata Saloma kepada saya.

"Bila dia bercerai dengan Norizan, dan Panca Sitara berpecah. Kakak ketika itu sedang dalam kumpulan Kalong Senandung, bersama Ahmad Daud, ketuanya ialah

Ahmad Wan Yet. Abang Ramlee datang lihat kita orang berlatih dan menyanyi bersama. Dia dengar khabar yang Panca Sitara akan ditubuh semula." kata Saloma lagi.

Pada suatu hari Wak Maji (S.Sudarmaji) datang berjumpa dengan Saloma. Kata Wak Maji, "Sally, P. Ramlee panggil you datang ke studio." Dalam hati Saloma pula berkata, "Kenapa Si Ramlee suruh datang ke studio, suruh menyanyi?, tak mungkin...". Jawab Wak Maji, "Kerana filem 'Nujum Pa' Belalang." Wak panggil kakak, Hasimah Yon dan Mama (Rahmah Rahmat).

Seterusnya Saloma berkata, "Keesokan harinya kira-kira jam sepuluh pagi kakak pergi ke studio Jalan Ampas. Abang Ramlee sedang bermain dam, bila kakak datang dia suruh tunggu, dia hendak habiskan dam dulu". Kata Abang Ramlee, "Sally, tunggu sekejap, dia ni hendak kalah. Dia tak nampak I hendak makan tiga. Selesai dia main dam lalu dia ajak kakak masuk studio. Dia suruh kakak berjumpa dengan Mr. Kwek. Bila kakak jumpa Mr. Kwek, baru tahu yang kakak dipanggil berlakon filem 'Seniman Bujang Lapok'. Semasa shooting filem 'Seniman Bujang Lapok' kakak terasa P. Ramlee ada menaruh perasaan pada kakak, sebab cara dia melayan dalam percakapan. *Time* tak betul, dia marah, menangis aku," kata Saloma.

Bila rakaman lagu 'Gelora', baru P. Ramlee merancang untuk menubuh Panca Sitara II. Sedang Panca Sitara II rancak membuat rakaman di Radio Singapura, Saloma dapat tawaran kerja di Kuala Lumpur. Tiga bulan Saloma berada di Kuala Lumpur, P. Ramlee pernah telefon beberapa kali. Bila Saloma dapat tawaran di lain tempat, P. Ramlee suruh dia pulang untuk bekerja di Singapura.. "Itu betul," kata ibu Saloma. "Ada Salmah cerita dengannya. Ibu ingat, Ramlee suruh pulang pasal ada rakaman lagu. Selepas itu, terus mereka kahwin," kata ibu Saloma.



Saloma seringkali menemani dan turut menyanyi bersama P. Ramlee semasa beliau mencipta dan mengubah lagu baru.



1973

P. RAMLEE DAN SALOMA



1965



1967



Dari kiri: Jins Shamsudin, Kassim Masdor, Ahmad C, Zaki Karimi, P. Ramlee, Din, A. Rahim, Zaini Sattar dan Aziz Jaafar.

Persembahan kumpulan Panca Sitara di malam Bersama di Happy World, Singapura.



Panca Sitara menurut P. Ramlee adalah berasal dari perkataan Sanskrit. Panca ertinya lima dan Sitara ertinya suara. Panca Sitara bermakna lima paduan suara.

Panca Sitara sangat popular di rancangan Radio Singapura pada tahun 1960. Aziz Jaafar sebagai penyanyi utama, tetapi kebanyakan peminat menyangka suara penyanyi utama adalah suara P. Ramlee. Yang sebenarnya ialah suara Aziz Jaafar, kerana pada ketika itu nama Aziz Jaafar belum begitu terkenal kerana beliau belum muncul dalam filem yang menjadi minat ramai.

Ketika Aziz Jaafar menyanyi untuk suara latar dalam filem 'kasih sayang' dan filem 'doktor' dimana beliau sendiri berlakon untuk kali pertama. Peminat masih sangkakan Aziz Jaafar gunakan suara P. Ramlee bila beliau menyanyi.

Dalam kumpulan Panca Sitara, Aziz Jaafar sebagai penyanyi merakamkan sebanyak empat buah lagu iaitu 'Aku Debut', 'Aku Menangis', 'Tidurlah Wahai Sayang' dan 'Aduh Sayang'.

1973
20
24

PANCA SITARA II



PANCA SITARA II dibentuk apabila dua anggota menarik diri iaitu Aziz Jaafar dan Normadiyah.

Mereka diganti dengan dua penyanyi iaitu Ahmad Daud dan Saloma. P. Ramlee beri nama Panca Sitara II.



Panca Sitara II banyak membuat rakaman untuk filem mahu pun rakaman di radio dan juga rakaman piring hitam.

Penyanyi utama untuk Panca Sitara II terdiri dari P. Ramlee dan Saloma.





P. Ramlee ketika mengarah filem pertama, 'Penarik Becha', 1955.

P. RAMLEE MENJADI PENGARAH FILEM

Selepas P. Ramlee berlakon filem 'Hang Tuah', beliau ditawarkan menjadi pengarah filem oleh pihak Shaw Brothers. Bila ditanya oleh Mr. Lee Tung Kau sama ada P. Ramlee mempunyai skrip atau belum, P. Ramlee berkata skrip sudah ada. Kerana selama beliau menjadi pelakon, keseluruhan aspek dalam perfileman, beliau telah ketahui. Beliau telah memahami soal perfileman. Kerana menjadi seorang pengarah bukan satu perkara yang senang. Teraju bagi setiap sebuah filem bergantung kepada pengarah.

Dalam pengeluaran filem 'Penarik Becha', P. Ramlee tidak tinggal sembahyang dan berdoa supaya filem Melayu itu diarahkan oleh orang Melayu, kerana selama beliau menjadi pelakon tidak pernah beliau merasa arahan oleh orang Melayu. Filem Melayu pelakornya Melayu yang bercakap Melayu. Tetapi, Pengarahnya bangsa asing. Ada kalanya, Pengarahnya tidak tahu langsung bahasa Melayu, cuma Penolong Pengarah yang mengajjar pelakon. Kata P. Ramlee, "Saya mahu filem Melayu mempunyai Pengarah Melayu. Oleh itu, saya akan buat filem dengan teliti." Itulah yang dikatakan oleh P. Ramlee kepada setiap orang yang bertanya kepadanya. Pengarah Melayu yang pertama ialah Haji Mahadi, tetapi hanya satu filem sahaja yang diarahnya iaitu 'Permata Di Perlembahan'. Nordin Ahmad pula buat pertama kali menjadi hero. Selepas itu, Pengarah dengan hero sekali bermula dari pelakon pembantu. Apabila nama P. Ramlee menjadi sanjungan ramai, beliau disegani oleh segenap lapisan pekerja dan pelakon filem. Bila tertubuh Persatuan Artis-artis Malaya (PERSAMA), sebagai Presiden, semasa itu apa yang dikatakan oleh P. Ramlee dapat di terima oleh segenap lapisan orang seni.

Apabila filem pertama arahan P. Ramlee berjudul 'Penarik Becha' mendapat sambutan hangat, sebagaimana sewaktu beliau mula menjadi hero apa yang beliau pakai menjadi ikutan ramai. Bila filem 'Penarik Becha' ditayangkan, keseluruhan penarik beca merasa bangga, ada yang ikut memakai pakaian ala P. Ramlee dalam filem tersebut. Kepercayaan diberi oleh pihak majikan kepada P. Ramlee sebagai Pengarah Filem keluaran Shaw Brothers.

Filem kedua arahan P. Ramlee ialah 'Semerah Padi', dengan skripnya ditulis oleh

Omar Rojek. Ketika itu, Nordin Ahmad sedang membuat rancangan untuk berhijrah ke Studio Cathay Keris. P. Ramlee meminta supaya Nordin Ahmad berlakon untuk filem 'Semerah Padi' sebagai hero. 'Semerah Padi', filem kedua arahan P. Ramlee itu juga, mendapat sambutan hangat.

Dalam filem 'Anak Ku Sazali', arahan Phani Majumdar, P. Ramlee memegang dua watak sekaligus iaitu sebagai Bapak dan juga sebagai Anak. Semasa penggambaran filem 'Anak ku Sazali' muncul sepasang kekasih yang membawa bayi berusia tiga bulan, yang diserahkan kepada P. Ramlee dan Norizan. Ketika bayi itu diserahkan, P. Ramlee sedang menggubah lagu 'Anak Ku Sazali', untuk filem 'Anak Ku Sazali'. Lalu bayi itu diberi nama Sazali sempena filem 'Anak Ku Sazali'. Begitulah menurut cerita dari Ngeh, tukang masak P. Ramlee, yang mengasuh Sazali sejak dari itu. Dengan itu Sazali hanya nama sahaja, tanpa daftaran beranak. Norizan tidak mahu pergi mendaftar surat beranak Sazali, apa sebabnya tiada siapa yang tahu, hanya P. Ramlee dan Norizan sahaja yang tahu. P. Ramlee memberi kasih sayang kepada Sazali lebih dari yang lain, hinggakan Norizan sendiri sebagai isteri merasa cemburu kepadanya. Setiap kesalahan Sazali orang lain yang dimarahi oleh P. Ramlee. Jika kita menonton filem 'Anak Ku Sazali' ianya saling tak tumpah dengan keadaan P. Ramlee bersama Sazali.

Bila filem 'Hang Tuah' dihantar ke Asian Film Festival di Hong Kong, P. Ramlee memenangi anugerah pencipta lagu terbaik. Bila filem 'Anak Ku Sazali' pula dihantar ke Asian Film Festival di Tokyo, P. Ramlee berjaya digelar pelakon terbaik bagi seluruh Asia. Beliaulah pelakon filem Melayu yang pertama mendapat penghargaan pelakon terbaik. Perkara-perkara ini, menambahkan lagi kasih sayang P. Ramlee terhadap Sazali. Dalam filem ketiganya, sekali lagi P. Ramlee memecah rekod, pengarah filem dari bangsa India ke bangsa Melayu.

Bagi cerita 'Pancha Delima' pula skripnya ditulis oleh Run Run Shaw, tuan punya studio Jalan Ampas. Skrip tersebut diserahkan kepada setiap pengarah, tetapi tidak diterima oleh mereka dengan alasan ceritanya tidak baik. Lalu Run Run Shaw serah kepada P. Ramlee untuk membaca skrip tersebut. Selepas tiga hari, Run Run Shaw memanggil P. Ramlee dan bertanya sama ada skrip tersebut boleh jadi filem yang baik atau tidak. P. Ramlee berfikir bahawa tuan punya studio buat satu barang dan dia yang mengeluarkan modal supaya kita jadikan barangnya untuk berniaga. Fikirnya mustahil jika kita kata skripnya tak bagus. Walaupun skripnya tak bagus, kepada P. Ramlee haruslah beliau ambil dan buat filem itu. Jika tak laku tak mungkin dia marah, jika tak laku dia tak mahu buat dan beri pada orang.

Demikian juga dengan skrip 'Pancha Delima', menurut P. Ramlee bila beliau terima skrip 'Pancha Delima', semasa itu belum ada tajuk. Kebanyakan pengarah mengatakan jika

P. Ramlee buat apa pun, orang suka. Apa corak filem lakonan P. Ramlee, panggung senantiasa penuh sesak dengan penonton. P. Ramlee mengambil keputusan untuk tidak berlakon dalam filem 'Pancha Delima', untuk membuktikan kepada pengarah lain bahawa filem arahnya tersebut boleh mendapat sambutan meski pun beliau tidak berlakon. Oleh itu keseluruhan pelakornya adalah orang-orang baru, hanya beberapa orang sahaja pelakon lama. Pelakon-pelakon baru yang dipilih oleh P. Ramlee iaitu Jins Shamsuddin, Hashimah Yon dan Omar Suwita. Sharif Dol, Ali fiji dan ramai lagi, adalah sebagai pelakon tambahan. Ketika itu, Jins Shamsuddin masih menjadi pelakon tambahan bermula dengan filem 'Anak Ku Sazali'. Manakala Hashimah Yon pernah menjadi penari dalam filem 'Penarik Becha' dan pelakon pembantu dalam filem 'Anak Ku Sazali'.

Judulnya mengikut perkataan India, 'Pancha' ertinya lima, Delima itu erti 'kalong' digabungkan jadi 'Pancha Delima'. Apabila filem 'Pancha Delima' selesai dan hanya menunggu untuk ditayangkan, Run Run Shaw memanggil semua pengarah untuk menonton filem tersebut. Apabila sampai di babak Uda Omar naik kereta lembu, beliau bangun dari tempat duduknya dan pergi ke depan para pengarah yang sedang menonton filem 'Pancha Delima' itu. Beliau suruh hentikan tayangan filem itu dan lampu dibuka seluruhnya. P. Ramlee hairan kenapa Run Run Shaw berhentikan tayangan filem arahnya. Run Run Shaw memaki semua pengarah yang tak mahu terima skripnya. Kata Run Run Shaw (dalam Bahasa Inggeris), "Kamu semua pengarah bodoh, tak tahu dan tak mengenali cerita dan tak ada otak untuk membuat filem yang baik, jika ada cerita kurang baik. Ramlee seorang budak mentah, tapi boleh mengarah filem dengan baik. Lebih baiklah kamu semua berhenti dari menjadi pengarah di Studio Jalan Ampas."

Semenjak dari itu, di Studio Jalan Ampas sudah tidak ada pengarah lagi, hanya P. Ramlee seorang sahaja. Run Run Shaw bertanya kepada P. Ramlee siapa yang layak menjadi pengarah di kalangan orang Melayu. P. Ramlee meminta supaya memberi peluang kepada Jamil Sulong. Kebetulan pula Jamil Sulong sudah mempunyai skrip berjudul 'Batu Belah Batu Bertangkup'. Lagu dalam filem tersebut dicipta dan digubah oleh P. Ramlee, supaya filem tersebut menjadi lebih kuat. Kemudian Omar Rojek pula dilantik menjadi pengarah filem. Filem pertama arahan beliau yang berjudul 'Sumpah Wanita', dengan skrip ditulis oleh P. Ramlee.

Semenjak dari itu, di Studio Jalan Ampas semua filem Melayu diarahkan oleh orang Melayu; itulah harapan dan hasrat P. Ramlee selama beliau berkecimpung dalam dunia perfileman. Hanya sekali-sekala terdapat pengarah sambilan dari bangsa asing, seperti filem, 'Sarjan Hassan', 'Norlela', 'Neraca', 'Seri Menanti' dan dua tiga buah filem lagi.



Filem pertama arahan P. Ramlee pada tahun 1955 ialah filem yang menjadi kebanggaan orang Melayu kerana filem 'Penarik Becha' adalah filem bercorak kemelayuan yang sebenar. Filem 'Penarik Becha' juga menjadi ikutan setiap penarik beca. Cara pemakaian baju dan seluar P. Ramlee juga menjadi ikutan setiap penarik beca.





AHMAD ALBAB

Arahan

P. Ramlee

Ahmad Albab filem arahan P. Ramlee di tahun 1968 yang dilakonkan oleh P. Ramlee, Saloma dan Mariani. Turut berlakon dalam filem ini ialah Mimi Loma, adik kepada Saloma.



SIAPA SALAH

Arahan B.N. Rao

Pelakon

P. Ramlee, Normadiah


Neng Yatimah, Siti Tanjung Perak. D. Idris.

Lagu

P. Ramlee dan Ahmad Jaafar



Film Madu Tiga, 1964. Pelakon: Sarimah, Ahmad Nisfu, Mohd Rafee, Zeera Agus, Hj Mahadi



MADU TIGA

Arahan
P. Ramlee



*Pendekar Bujang Lapok, 1959
Pelakon*

*P. Ramlee, Mustarjo, Ahmad Nisfu,
Roseyatimah, A. Rahim, S. Shamsuddin,
Aziz Satar, Salleh Kamil, Ibrahim Pendek,
Momo Latiff, Aini Jasmin, Kemat Hassan.*

PENDEKAR BUJANG LAPOK

Arahan
P. Ramlee



TELATAH KELUCHUAN YANG LEBER
GAMAT DARI SEGALA HIKMAT



Filem 'Ali Baba 40 penyamun', adalah filem bercorak action. Tetapi filem 'Ali Baba Bujang Lapok', 1961 adalah filem bercorak komedi. P. Ramlee memberi nama corak filem tersebut ialah 'peridi', seperti juga filem komedi Robin and 7 hood yang diambil dari filem action Robin Hood.





GERIMIS

Arahan P. Ramlee





PUTUS SUDAH KASEH SAYANG

Arahan P. Ramlee

Karya Osman Abadi

Barisan Pelakon

P. Ramlee, Latifah Omar, Mariani,

Bab Mustaffa, A.K. Jallani, Ibrahim Junid

Filem pertama bagi pelakon Latifah Omar ialah filem 'Panggilan Pulau'. Beliau berlakon bersama P. Ramlee. Setelah beberapa tahun tidak berlakon bersama P. Ramlee, beliau kembali berlakon dengan P. Ramlee dalam filem arahan P. Ramlee 'Putus Sudah Kaseh Sayang', 1971.



Filem **SEDARAH**



GELORA

Arahan : P . Ramlee



Arahan P. Ramlee
Cerita Osman Abadi

Pelakon
P. Ramlee
Sarimah
Herman Yadi

Memperkenalkan
Bab Mustaffa
Isma Rubi
Mariati Rahman





Gambar kiri


P. Ramlee memastikan akan membaca terlebih dahulu skrip bagi setiap filem yang di arahnya supaya setiap pelakon yang ambil bahagian akan laham jalan cerita sebab setiap pelakon yang berlakon dalam filem arahan beliau tidak akan menerima dialog sebelum hari penggambaran dijalankan.

Setiap pelakon yang berlakon di bawah arahan P. Ramlee menjadi bagus dalam apa segi lakonannya. Gambar ini menunjukkan P. Ramlee sedang memberitahu sudut (angle) akan diambil dalam filem 'Ibu Mertuaku', 1962.

Gambar kanan


P. Ramlee sedang meneliti skrip sebelum mengarahkan jurugambar meletakkan kamera dan kemudian beliau akan mengarah para pelakon melaksanakan setiap babak yang terdapat di dalam skrip.

Dalam gambar ini P. Ramlee tengah mengarahkan filem 'Ibu Mertuaku' pada tahun 1962. Filem ini mengambil masa selama lapan bulan dalam penyelesaiannya.





P. Ramlee sedang memerhatikan nota lagu



P. Ramlee sedang meneliti skrip bersama Bakar Jaafar



P. Ramlee sedang meneliti nota lagu ketika membuat rakaman di studio rakaman di Singapura.



A.V. Bavat sedang merias P. Ramlee ketika penggambaran filem 'Ibu Mertuaku'.



Gambar kiri P. Ramlee sedang membentulkan nota lagu untuk filem 'Dr. Rushdi', 1970 di Studio Merdeka.



SUKA-DUKA KEHIDUPAN P. RAMLEE

Menurut cerita dari P. Ramlee, semenjak semua filem Melayu di Studio Jalan Ampas diarahkan oleh orang Melayu beliau bergiat mengadakan pertunjukan pentas untuk Persatuan Persama. Beliau mengadakan drama pentas Purbawara berjudul 'Kacip Mas' yang dilakonkan oleh Jins Shamsuddin dan Kasma Booty. Menurut kata P. Ramlee, yang seringkali dikatakannya kepada rakan-rakannya, semenjak berlatih drama 'Kacip Mas' kemesraan di antara Norizan dengan seorang pelakon muda ketara sekali. Tetapi siapa sangka antara adik dengan kakak. Kata P. Ramlee desas-desus sudah kedengaran, tetapi kata beliau, buat apalah hendak jadi permusuhan semata-mata kerana perempuan.

Bila P. Ramlee keluar negeri untuk menyertai filem Festival bertakulah kejadian Norizan menduakan P. Ramlee. Selama enam bulan P. Ramlee menunggu Norizan meminta cerai daripadanya. Walaupun selama enam bulan mereka duduk di sebuah rumah, mereka tidur berasingan. Hanya Sazali yang bermanja setiap hari dan malam bersama P. Ramlee. Sazalilah yang menjadi hiburan hatinya, kata P. Ramlee. Apabila P. Ramlee berpisah dengan Norizan, beliau menjadi bujang buat kali kedua. Norizan pula meninggalkan dua orang anak angkatnya kepada P. Ramlee iaitu Norma dan Norbetty. Di rumah P. Ramlee, Ngah yang menguruskan segala keperluan anak-anaknya serta makan minum beliau selama beliau tinggal tanpa isteri.

Kemudian P. Ramlee membawa anak saudaranya (menurut kata sepupu P. Ramlee) kerana saya tak pernah bertanya hubungan antara P. Ramlee dengan Ahmad Rejab dan Zauyah. Setahu saya, Zauyah, isteri Ahmad Rejab, memanggil P. Ramlee dengan sebutan Pak Kecil. Ahmad Rejab bersama Zauyah dan seorang anak bernama Hussin datang tinggal bersama P. Ramlee, di rumah P. Ramlee di Cedar Avenue, Singapura.

Pada bulan Oktober 1961, secara senyap-senyap P. Ramlee telah berkahwin dengan Saloma, di rumah Musalmah di Tembeling Road, Katong, Singapura. Musalmah atau lebih dikenali dengan nama panggilan Ongek di kalangan bintang filem adalah isteri kepada Kamsani. Ketika itu Saloma mempunyai seorang anak, hasil perkahwinannya dengan A.R.Tompel yang bernama Armali dan seorang anak angkat bernama Safarina dengan

nama timangan Dian. Tetapi Saloma membawa Armali sahaja ke rumah P. Ramlee untuk tinggal bersamanya kerana Dian berusia sama dengan Sazali. Kenapa Saloma tidak membawa Dian bersama ke rumah P. Ramlee ialah kerana Sazali terlalu nakal dan suka memukul Dian. P. Ramlee nanti tentu akan marah kepada Dian bila dia menangis. Sekaligus ibu Saloma membawa Dian berjumpa Saloma; kadang-kala Saloma pula pulang ke rumahnya di Mount Emily Road, di belakang panggung Rex, Singapura.

Tidak berapa lama selepas P. Ramlee berkahwin dengan Saloma, dari Macpherson Road, beliau berpindah ke 28, Cedar Avenue, Singapura. Armali di hantar bersekolah bersama Nasir. Norma dan Betty bersekolah di Cedar School di hadapan rumah P. Ramlee yang baru disewa. Ketika P. Ramlee berpindah rumah, Hamdi tidak menjadi pemandunya lagi. Jadi terpaksa beliau memandu kereta sendiri. Ketika itu beliau menggunakan kereta SU 7071, manakala Saloma pula menggunakan kereta Triumph Haley. Di sebelah kanan pintu keretanya ada tulisan 'Pancha Sitara' dan di pintu sebelah kiri pula ada tulisan 'Kalong Senandung'.

Ketika itu saya kerap kali ke rumah P. Ramlee melihat latihan drama purbawara berjudul 'Damaq' karya H.M.Rohaizak, di mana pelakon kesemuanya adalah bintang filem seperti Rahmah Alias, Mariani dan Malik Selamat. Pada ketika itu Ahmad Asmawira belum menjadi pelakon filem lagi. Kadang-kala saya juga tidur di rumah P. Ramlee kerana latihan bermula dari jam 8 malam hingga ke jam 5 pagi setiap hari. Walaupun saya tidak berlakon, tetapi saya berasa seronok melihat P. Ramlee menunjuk ajar pelakon yang turut berlakon.

Beberapa bulan selepas 'Damaq' dipentaskan, P. Ramlee mengarah lagi sebuah drama purba bertajuk 'Kacip Mas' yang pernah dipentaskan ketika beliau beristerikan Norizan. Dalam 'Kacip Mas' saya dipilih oleh P. Ramlee untuk turut berlakon dalam drama tersebut. Selepas itu saya berlakon dalam drama karya Kalam Hamidi berjudul 'Anak Yang Belum Lahir', arahan Mohd. Nor Affendi (Yusnor Ef). Ketika itu Gelanggang Filem semakin merosot, kerana Majalah Hiburan mula menjadi banyak, seperti 'Mastika Filem', 'Majalah Filem Malaysia', 'Suasana Bintang Filem' dan banyak lagi.

Kebanyakan Majalah baru yang diterbitkan, adalah diterbitkan oleh bekas kakitangan Gelanggang Filem, manakala pemberita dan juru gambar adalah pekerja Gelanggang Filem. Pemberita dan juru gambar Gelanggang Filem membuat kerja sambilan dengan majalah yang baru itu. Bahan isi kandungan yang terdapat dalam majalah Gelanggang Filem didapati sudah tidak begitu hangat lagi dan pembacanya sudah mula berkurangan. Bermula dari situ, satu demi satu pekerja Gelanggang Filem berhenti kerana mencari kerja di tempat yang lebih baik. Di kala itu hutang Gelanggang Filem kepada percetakan telah bertambah.

Nasib baiklah P. Ramlee sebagai pengarah dan pelakon, pencipta lagu serta penyanyi bagi setiap satu filem mendapat bayaran tiga puluh ribu ringgit. Dalam masa tiga bulan filem yang diarahkannya mestilah siap; jika tidak bayaran dari tiga puluh ribu ringgit itu akan dipotong mengikut kadar hari yang ditetapkan bagi kesiapan filem yang diarahkan. Pernah P. Ramlee membuat sebuah filem dengan tidak mendapat bayaran, malahan beliau ter-hutang balik kepada Shaw Brothers, iaitu filem 'Ibu Mertua Ku'.

Filem 'Ibu Mertua Ku' siap selepas lapan bulan. Keterlambatan ini bukan kerana arahan P. Ramlee, tetapi kerana banyak halangan yang ada seperti bila *shooting* gambar yang tak keluar, pelakon pula sakit, adakalanya pelakon pengsan dalam set. Menurut kata P. Ramlee sendiri, ada orang yang dengki kepadanya dan ada pula yang tak suka kepadanya, itulah yang membuat filem penuh gangguan. Ketika itu beliau dijatuhkan dari Persama, hinggan kawan di studio pun sudah tidak ada yang dekat dengannya. Cuma yang paling rapat dengannya ialah Yusuf.B, Osman Ahmad, S. Sudarmaji, Kassim Masdor dan beberapa orang pelakon yang sering berlakon dalam filem arahan beliau.

Pada tahun 1962 P. Ramlee dianugerahkan Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang DiPertuan Agong Malaysia. Kepulangan beliau dari menerima pingat tersebut disambut dengan upacara doa selamat yang telah diadakan di rumahnya di nombor 28, Cedar Avenue. Pada malam tersebut rombongan Persama yang diketuai oleh Jamil Sulong dan Jins Shamsudin dan beberapa orang pelakon MFP telah membuat ucapan disusuli dengan Jamil Sulong menyarungkan songkok hadiah Persama kepada P. Ramlee. Sangkaan beliau dengan datangnya rombongan Persama ke rumahnya beliau dapat bebas bekerja di studio semasa membuat penggambaran. Tetapi sangkaan itu salah. Ramai yang menjadi semakin busuk hati terhadap beliau, kerana bila beliau kerja lebih sedikit dari jam lima petang terpaksa mematikan lampu. Ini adalah perintah Union, katanya.

BUKA - DUKA

KEHIPUPAN P. RAMLEE



P. Ramlee menerima pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dari Yang DiPertuan Agong ketiga, DYMM Tuanku Syed Putra Alhaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada tahun 1962.



P. Ramlee bergambar bersama Saloma selepas beliau dianugerahkan Ahli Mangku Negara oleh DYMM Yang DiPertuan Agong ketiga, Raja Perlis.



**TENGGU ABDUL
RAHMAN PUTRA
ALHAJ**
Bersama
P. RAMLEE

P. Ramlee A.M.N diraikan oleh Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama ketika P. Ramlee dianugerahkan Ahli Manguku Negara oleh Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong.



*Gambar kiri.
P. Ramlee sedang mendengarkan Kassim Masdor menyanyikan lagu ciptaannya sambil memainkan gitar. Lagu ciptaan beliau diberi judul 'Sapu Tangan Tanda Kasih' dan akan dinyanyikan oleh Saloma. Kassim Masdor dan P. Ramlee sering berbincang bersama bila mencipta lagu baru.*



Siti Mariam, P. Ramlee, Zain Mahmud dan Ahmad Wanyet, bermain piano, dalam satu latihan menyanyi di Radio Singapura untuk rancangan terbitan radio Singapura yang diterbitkan oleh Zain Mahmud.



P. Ramlee bila mencipta sesebuah lagu akan menghadapi piano dengan tekun. Sambil mencipta lagu sambil beliau menyanyi supaya lagu dengan senikata boleh seirama dan sedap didengar oleh setiap pendengar selama-lama.



Yusof B.



Gambar atas.

P. Ramlee berjoget bersama Yusof B. diperhatikan oleh M. Rafi di satu majlis meraikan P. Ramlee apabila beliau mendapat pingat A.M.N. Turut hadir ialah Nordin Ahmad.



Gambar kiri tengah.

Babjan turut menyampaikan tahniah kepada P. Ramlee A.M.N.

Gambar atas sebelah kiri.

Yusof B. bukan sahaja sebagai kawan rapat P. Ramlee, beliau juga adalah guru muzik kepada P. Ramlee dan pemain muzik tenor soksofon untuk lagu-lagu ciptaan P. Ramlee. Yusof B. juga selalu meminta tunjuk ajar dan kerjasama dari P. Ramlee apabila beliau mencipta lagu-lagu untuk filem keluaran Malay Film Production, Jalan Ampas, Singapura.



Gambar kiri.

Gambar kenangan, berdiri dari sebelah kiri: Rahman Rahmat (yang pernah berlakon sebagai watak P. Ramlee semasa kecil seperti dalam filem 'Ibu'), P. Ramlee, Yusof B., Kawan Rahman dan Ahmad Kassim (pemain piano untuk lagu-lagu ciptaan P. Ramlee seperti lagu 'Getaran Jiwa' untuk filem 'Antara Dua Darjat', 1960.



MULA TINGGAL BERSAMA P. RAMLEE

S elepas filem 'Labu-Labi', di awal tahun 1962, saya diajak oleh P. Ramlee untuk tinggal bersama di rumahnya. Semasa saya mula tinggal di rumahnya di 28, Cedar Avenue, yang berada bersamanya ialah isterinya, Saloma, Ahmad Rejab dan isterinya, Zauyah, serta anak mereka yang belum setahun umurnya bernama Hussin. Ngah, sebagai tukang masak yang juga menjaga anak-anak P. Ramlee yang tinggal bersama dengannya seperti, Nasir anak belia dengan Junaidah, Armali anak Saloma dengan A.R.Tempel, Norma dan Norbety anak angkat Norizan dengan Sultan Yusof dan Sazali. Ketika itu Sazali berusia lebih kurang lima tahun.

Kerja saya di rumah P. Ramlee ketika itu ialah mencuci keretanya, iaitu menggantikan tugas Ahmad Rejab yang sebelum ini menjadi pencuci kereta P. Ramlee. Di hari pertama saya mencuci keretanya, P. Ramlee bertanya kepada saya, "Berapa lama kau belajar cuci kereta? Biar aku lihat bersih tak." P. Ramlee melihat keretanya, lalu berkata kepada saya, "Bagus macam hati kau juga. Nanti aku bagi upah." Saya tak berkata apa-apa. Bila P. Ramlee naik ke atas, saya terus pergi ke Gelanggang Filem, ketika itu saya bertugas sebagai penolong kepada Zainol Salleh, jurugambar Gelanggang Filem.

Apabila A.S.Amin berhenti dari menjadi pengurus Gelanggang Filem, P. Ramlee melantik Ahmad Rejab sebagai pengurusnya dan saya pula sebagai penolong kepada Ahmad Rejab. Apabila Ahmad Rejab mula menjadi pengurus, Gelanggang Filem sudah mula merosot, penyelewengan dari pekerja pun bertambah menjadi. Setiap keluaran majalah mendapat kekurangan dua ribu naskah, padahal *printingnya* cukup, dan ada pula kedai yang tidak mahu terima Majalah Gelanggang Filem. Oleh itu P. Ramlee menyuruh saya pergi menyiasat di seluruh kedai di Singapura, mana kedai yang tidak mahu menerima Majalah Gelanggang Filem. Saya pun pergi siasat di seluruh Singapura, mencari kedai yang tidak mahu menerima Majalah Gelanggang Filem, tetapi semua kedai ada menjual majalah tersebut.

Bila saya tanya pekedai mereka menyatakan ada orang yang hantar Majalah Gelanggang tetapi harganya lebih murah daripada yang diambil terus dari pengedar

Gelanggang. Pada keesokan harinya, saya bagi tahu kepada P. Ramlee apa yang terjadi itu. Beliau mengajak saya pergi ke setiap kedai dan beliau sendiri bertanya kepada kedai yang menjual Majalah Gelanggang Filem itu. Bila beliau mendapat tahu yang pekerjajanya menyeleweng, beliau tidak mahu mengambil tindakan. Bila saya tanya kepadanya, "Abang mahu *report* Polis?" Beliau menjawab, "Kalau dia ditangkap, aku juga yang susah, hendak kasi anak-bini dia makan lagi. Yang kena jail tu ada makan. Apahal dengan yang di luar, anak-bini dia?" kata P. Ramlee kepada saya. Kata beliau lagi, "Biar dulu, kalau dia buat lagi, suruh dia cari kerja lain, berhenti dari Gelanggang Filem, habis cerita." Apabila saya pergi ke Gelanggang Filem pada esok harinya, saya memberitahu pada Joffry pemandu kereta untuk edaran Majalah Gelanggang Filem. Kata Joffry kepada saya, "Aku hanya bawa kere-ta ikut perintah Man."

Semakin lama Gelanggang dibuka, semakin bertambah banyak hutang. Lalu P. Ramlee berbincang dengan Ahmad Rejab dan saya di rumahnya. Kata P. Ramlee, "Kita harus tutup sahaja majalah. Kalau setiap bulan hendak membayar gaji kepada pekerja, duit poket aku yang keluar, macam aku tanggung anak yatim pula. Yatim kanak-kanak tak apa, ini yatim tua hendak mampu". Beliau menulis surat pekeliling untuk para pekerja dengan memberi tahu yang Gelanggang Filem akan ditutup tiga bulan dari tarikh surat tersebut. Semua pekerja membaca surat tersebut, ada yang setuju dan ada yang tidak, kerana mereka sukar mendapat kerja lain.

Apabila P. Ramlee mula mengarahkan filem 'Nasib Labu-Labi', beliau tidak mengambil berat lagi kepada 'Gelanggang Filem', kerana beliau bertumpu penuh kepada filem yang diarahkannya itu. Beliau juga mencari lagu yang sesuai untuk filem yang akan diarahkan itu. Inilah filem pertama yang saya berlakon di bawah arahan P. Ramlee. Yang memanggil saya untuk shooting filem 'Nasib Labu-Labi' bukan P. Ramlee sendiri melainkan S. Sudarmaji yang datang untuk memberitahu saya. Saya berasa hairan kerana pada ketika itu saya tinggal bersama dengan P. Ramlee. Hati saya bertanya, "Kenapa P. Ramlee tak kasi tahu pada saya. Dia suruh pula Wak Maji kasi tahu."

Apabila filem 'Nasib Labu-Labi' selesai keseluruhannya, P. Ramlee mengambil keputusan untuk menutup terus Majalah Gelanggang Filem dalam tahun 1963. Pada ketika itu keluarannya sudah tidak tetap waktu lagi. Bila para pekerjaanya mendengar Gelanggang Filem akan ditutup, Joffry bersama rakan-rakannya berpakat hendak mencuri huruf-huruf taip yang diperbuat daripada timah untuk dijual kepada orang lain. Bila saya memberitahu kepada Ahmad Rejab dan P. Ramlee mengenai hal ini, P. Ramlee menyuruh saya siasat bila orang-orang itu hendak datang mencuri huruf. Hari keluaran terakhir Gelanggang Filem ialah hari Rabu dan pada hari Jumaat pengisytiharan dibuat, Gelanggang Filem ditutup. Menurut kata P. Ramlee pada hari itu perangnya tidak bagus dan baguslah syarikat yang

tidak mendatangkan keuntungan ditutup. Pada hari Jumaat juga pejabat Gelanggang Filem di tutup.

Pada pagi hari Sabtu, saya bersama P. Ramlee, sebelum pergi ke studio untuk penggambaran filem 'Nasib Labu-Labi', pergi dulu ke Gelanggang Filem. Bila kami masuk ke lorong pejabat Gelanggang Filem dari Tembeling Road kami ternampak Joffry bersama kawannya sedang berdiri di depan pejabat Gelanggang Filem. Bila saya nampak Joffry saya beritahu P. Ramlee, Joffry sedang berdiri di depan Gelanggang Filem. Tetapi beliau tidak kenal Joffry kerana tidak pernah berjumpa dengannya. Beliau berhentikan kereta jauh dari pejabat dan masuk ke satu lorong. Beliau berjalan sambil melihat keadaan Joffry dari jauh. Apabila Joffry pergi dari situ, P. Ramlee mengajak saya pergi ke studio, kerana hari itu saya juga ada *shooting*. Dalam perjalanan dari Tembeling Road ke Jalan Ampas P. Ramlee berbual dengan saya. Beliau berfikir bila Joffry bertugas dan bagaimana dia mahu masuk ke dalam pejabat. "Tak apa, malam ni nanti kita pergi, jangan kasi tahu orang," kata P. Ramlee kepada saya.

Bila sampai sahaja di studio Jalan Ampas, beliau terus masuk ke dalam studio dan saya pergi ke bilik rias untuk di *make-up* kerana pada hari itu saya turut penggambaran filem pertama. Saya ikut berlakon filem di bawah arahan P. Ramlee dan juga itulah filem pertama yang saya berlakon semasa tinggal bersama di rumah P. Ramlee. Bila saya masuk ke dalam studio A, semua orang sedang berlatih menyanyi lagu 'Allah Selamatkan Kamu'. Saya disuruh oleh S. Sudarmaji duduk di belakang Uda Omar dan Mariani yang menyanyi bersama dalam filem 'Nasib Labu-Labi'.

Bila selesai sahaja penggambaran filem kira-kira jam lima petang, P. Ramlee suruh saya pulang bersama Saloma dan anak beliau. Saloma memberitahu pada P. Ramlee yang keretanya tak boleh muat, kerana ramai berada dalam keretanya. Beliau akan menghantar ibunya serta anak saudaranya pulang dahulu.

Oleh itu saya dengan Sazali menunggu P. Ramlee dan kami pulang bersama ke rumah, kira-kira jam tujuh malam pada hari tersebut iaitu hari Sabtu. Selepas itu saya bersama beliau dan Ahmad Rejab menaiki kereta P. Ramlee dari rumah di Cedar Avenue menuju ke pejabat Gelanggang Filem di Tembeling Road. Bila sampai sahaja di sana beliau letak kereta di tepi jalan dan kami bersama berjalan kaki menuju ke belakang pejabat Gelanggang Filem. Tidak lama kemudian kami nampak lampu kereta masuk ikut belakang pejabat Gelanggang Filem. P. Ramlee menyuruh saya dan Ahmad Rejab masuk ke dalam longkang dan bersembunyi. Apabila kami melakukan demikian kami diikuti oleh P. Ramlee.

Joffry datang bertiga dan salah seorang daripada kawannya naik pintu belakang peja-

bat Gelanggang Filem. P. Ramlee dari dalam longkang terus naik dan pergi ke dekat Joffry bersama kawan-kawannya. Lalu beliau menyuruh kawan Joffry turun dari pintu pejabat tersebut. Beliau berkata pada Joffry dan kawan-kawannya, "Apa, kamu tak ada jalan lain untuk dapatkan wang? Aku sudah bayar gaji kepada kamu semua. Majalah ini kamu curi, timah pun kamu mahu kebas? Selepas timah kau kebas, pejabat ni nanti kau kebas juga. Aku tak mahu bawa polis. Tapi kalau ada polis sudah tentu kamu semua ni masuk penjara, tak payah soal lagi. Kalau kamu masuk ke dalam pejabat, aku kunci dari luar, mampus kau tak keluar. Sudah! cari rezeki yang halal untuk makan anak-bini, janganlah hendak mencuri, untuk bagi makan anak-bini. Kekik-kekik tak mampus dah besar susahkan orang," kata P. Ramlee kepada Joffry dan rakan-rakannya.

Beliau menyuruh Joffry bersama kawan-kawannya pulang dan mencari kerja yang halal. "Kalau hendak jadi penyamun, biar betul jadi penyamun," kata P. Ramlee. Bila Joffry bersama kawannya pergi, P. Ramlee bersama saya dan Ahmad Rejab pulang ke rumah. Bila sampai sahaja di rumah, P. Ramlee cadangkan supaya Tumphmen ambil semua huruf timah itu dan tolak hutang. Beliau suruh saya bersama Ahmad Rejab pergi berjumpa Tumphmen. Tetapi saya tidak dapat pergi kerana pada hari itu saya ada penggambaran filem 'Nasib Labu-Labi'. Kata P. Ramlee. "Yalah kau ada *shooting*, pergi lusa, esok habis *part* kau." Sambil berfikir P. Ramlee memberitahu pada saya.

Kemudian saya bersama Ahmad Rejab menguruskan segala masalah Gelanggang Filem, dan mendapati Penerbitan P. Ramlee terhutang kepada syarikat pencetak sebanyak tujuh ribu ringgit. P. Ramlee berkata "Apa guna buka majalah, kerana nama sahaja Penerbitan P. Ramlee dan yang membayar aku sendiri."

Tidak lama kemudian, Che Mah (Ibu P. Ramlee) datang dari Pulau Pinang ke Singapura untuk tinggal di rumah P. Ramlee, kerana mahu berubat sakit barah gigi. Semenjak P. Ramlee berkahwin dengan Saloma itulah pertama kali ibu P. Ramlee datang ke rumah beliau untuk duduk serumah dengan menantunya, Saloma. Daripada ibu P. Ramlee banyak maklumat yang saya dapat tahu mengenai kisah P. Ramlee semasa kecil serta juga kisah Nyak Puteh, bapak P. Ramlee. Kerana setiap malam ibu P. Ramlee mengajak saya berbual dengannya, disebabkan tidak ada orang lain yang hendak melayan dan berbual dengannya. Agaknya mereka tak tahan sebab mulutnya berbau, atau sebab-sebab lain yang saya tak tahu.

P. Ramlee juga pernah menyuruh saya melayan ibunya berbual dan ibunya pernah bersuara kepada saya, "Apa nasib abang hang, tiga bini, tiga ragam, tak ada yang betul." Sedang Che Mah kata begitu P. Ramlee datang, kerana hendak melihat ibunya. P. Ramlee menjawab, "Yang keempat nanti isteri paling bagus." Che Mah pula jawab sambil ketawa,

"Cek tak pandai cari bini!" "Nyak Puteh yang pandai cari bini, dapat Che Mah," kata P. Ramlee sambil terus turun ke tingkat bawah. "Kau layan Mak tu," kata P. Ramlee kepada saya. Che Mah jawab, "Nasib baik ada Ramli Kecil, boleh aku bersembang, kalau Ramli Kecil tak ada, macam orang bisulah aku." Bila P. Ramlee turun ke tingkat bawah beliau ketawa.

Kira-kira jam empat pagi saya masih berbual dengan Che Mah dan bila beliau mahu tidur, saya turun ke tingkat bawah dan mendapati P. Ramlee sedang bermain piano. Ternyata beliau sedang mencipta lagu 'Madu Tiga'. Sambil bermain piano P. Ramlee menyanyi senikata lagu 'aku kawin tiga'. Beliau menyuruh saya membawakan kopi kepadanya; lalu saya pun pergi membuat kopi dan bawa kepadanya. Kemudian bila Saloma turun dari tingkat atas, dan melihat saya belum tidur, beliau tanya saya, "Kau belum tidur lagi?" P. Ramlee menjawab, "Dia tunggu I. Apa I hendak, senang..., si Ramli ni boleh tolong ambil." Saloma pergi menghampiri P. Ramlee yang sedang bermain piano, lalu bertanya kepadanya, "Lagu apa ni?" P. Ramlee menjawab dengan cepat "Madu Tiga". Dengan hairan Saloma tanya balik, "Madu Tiga? Apa, filem baru ya?" "Yalah, untuk filem 'Madu Tiga'," kata P. Ramlee. Tanya Saloma lagi, "Duet?" "Solo," jawab P. Ramlee.

Kata Saloma, "Cuba you nyanyi? I dengar kahwin tiga you nyanyi." Sedang P. Ramlee mencipta lagu, Saloma berdiri di sebelahnya. Kira-kira jam lima pagi, Sazali keluar dari biliknya dan terus menghampiri P. Ramlee. Lalu beliau berhenti bermain piano dan peluk Sazali. Melihat P. Ramlee mula bermain dengan Sazali, Saloma memberitahu P. Ramlee, beliau mahu naik ke atas hendak tidur. Beliau terus naik ke tingkat atas dan P. Ramlee terus berbual dengan Sazali entah apa perkaranya.

Saya baring di sofa, lalu tertidur di situ dan tidak tahu bila P. Ramlee naik tidur. Bila P. Ramlee mulakan penggambaran filem 'Madu Tiga' saya pula kena penyakit campak. Pada mulanya, P. Ramlee kata sakit itu tak banyak. Tetapi bila seluruh badan saya penuh dengan campak, hinggan kain baju tak boleh pakai, ternyata memanglah penyakitnya teruk. Kadang-kala P. Ramlee sengaja menyuruh saya naik ke tingkat atas untuk mengambil rokok baginya. Tetapi bila beliau melihat saya berjalan terkangkang-kangkang beliau ketawa dan menyuruh saya turun kembali.

Bila beliau melihat penyakit saya semakin teruk, beliau ambil daun semambu untuk membuat ubat kepada saya. Sedang beliau menyuruh orang India ambil daun semambu, dua polis datang bertanya kepadanya, "Hendak buat apa daun ni?" tanya Polis. "Untuk shooting," jawab P. Ramlee. "Shooting apa sedikit sangat?" tanya Polis lagi. "Banyak lagi, kalau boleh dengan pokok ni, besar sangat," kata P. Ramlee. Lalu beliau menyuruh orang India mengambil sebanyak daun semambu. Sedang beliau berjalan pulang ke rumah, Polis

ikut dari belakang kereta beliau. Beliau tak jadi pulang ke rumah dan terus ke Geylang.

Pada waktu malam, barulah P. Ramlee pulang ke rumah. Bila sampai sahaja di rumah beliau menyuruh Ngah mengambil daun semambu dalam keretanya. Kata P. Ramlee "Sebelum buka kereta kau lihat dulu ada polis tak." Saloma tanya kepada P. Ramlee, "Kalau ada Polis, kenapa?" "Polis ikut I, dia tahu, I ambil daun semambu," jawab beliau. Kalau ada polis bagaimana?" Tanya Saloma lagi kepada P. Ramlee. "Si Ramli ni kena bawa ke hospital, ditaruk satu rumah seorang, tak boleh campur orang. Kita hendak pergi pun tak boleh," jawab P. Ramlee. "Kenapa?" tanya Saloma lagi. "You ni banyak tanyalah. Penyakit ni tak boleh campur orang, nanti jangkit," kata P. Ramlee. "Habis, dekat rumah ni tak jangkit?" tanya Saloma lagi. "Penyakit ni semua orang nanti kena, tak payah sembunyi," jelas P. Ramlee. Beliau menyuruh Ngah tumbuk daun kemudian ambil airnya. P. Ramlee jampi air, selepas itu beliau suruh saya minum air daun semambu dan disapukan ke seluruh badan saya air itu. Tetapi bila Saloma minta hendak sapu ke badan saya, P. Ramlee tak beri. Kata beliau, "Nanti you jangkit, you tu lemah, anak you si Dian tu jangan bawa ke mari selagi si Ramli belum baik betul."

Belum saya pulih daripada sakit, S. Sudarmaji datang dan mengambil saya untuk penggambaran filem 'Madu Tiga', di mana babak perkahwinan antara P. Ramlee dengan Jah Mahdi di Boon Teck Road berdepan dengan rumah Sarimah. Ketika itu saya tidak membawa baju kurung. P. Ramlee mahu saya memakai baju kurung; lalu Kassim Masdor memberi bajunya kepada saya untuk dipakai.

Setelah selesai penggambaran pada jam 11.30 malam P. Ramlee mengajak saya pulang bersamanya, dan dalam perjalanan pulang, beliau bercerita kepada saya bahawa banyak lagi penggambaran boleh diambil, tetapi masa terhad dan Union tak benarkan penggambaran lebih masa. Presidennyalah yang buat peraturan. "Aku dah tak ada mood lagi hendak kerja di studio Jalan Ampas ni. Banyak sangat peraturannya, pekerja malas, tapi tiga kali sebulan gaji minta naik. Bapa sendiri pun marah kalau kerja tak mahu, duit diminta", kata P. Ramlee.

P. RAMLEE BERSAMA KELUARGA



P. Ramlee sedang memangku anak kesayangannya, Sazali dan anak kedua Ahmad Rejab iaitu Zazaloma yang menjadi kesayangan P. Ramlee dan Saloma.



*Gambar kiri
P. Ramlee bersama isterinya
Saloma dan zazaloma.*

*Gambar kanan
P. Ramlee sedang men-
dukung anak lelaki Ahmad
Rejab, Hussin yang diberi
nama sempena nama datuk
P. Ramlee, bapa kepada Che
Mah. Ahmad Rejab ialah
sepupu kepada P. Ramlee,
manakala isterinya, Zauyah
adalah anak saudara P.
Ramlee. Mereka dikurniakan
dua cahaya mata iaitu Hussin
dan Zazaloma.*





*'Nasib si Labu Labi',
1963.*

*Inilah filem pertama
kali Ramli Ismail (Ramli
Kecik), berlakon di
bawah arahan
P. Ramlee.*





Gambar di atas diambil oleh Ramli Ismail dengan automatik kamera pada tahun 1964, ketika Cik gu Ibrahim Zain, kawan P. Ramlee semasa di sekolah datang melawat dari Pulau Pinang ke rumah P. Ramlee di 38, Jalan Bunga Kantan, Setapak, Kuala Lumpur. Juga datang melawat dari Singapura ialah S. Sudarmaji, Hussin dan Ahmad Rejab.

Keterangan gambar:

Berdiri di belakang: Cik gu Ibrahim, Yusof Surya, Saloma dan P. Ramlee.

Berdiri di hadapan: S. Sudarmaji, Hussin, Ahmad Rejab, Zazaloma didukung oleh isteri Cik gu Ibrahim dan Ramli Ismail.



P. RAMLEE MENDAPAT ANUGERAH FILEM

Setelah penggambaran filem 'Madu Tiga' selesai, P. Ramlee dijangka berangkat ke Tokyo untuk turut serta dalam Festival Filem Asia, pada tahun 1963. Kerana dua buah filem arahan beliau dicalonkan ke peringkat anugerah iaitu filem 'Ibu Mertua Ku' dan 'Antara Dua Darjat'.

Penghantaran P. Ramlee ke lapangan terbang tidak sama seperti sebelumnya, di mana ketika beliau menerima anugerah pelakon terbaik bagi filem 'Anak Ku Sazali' dan filem 'Hang Tuah'. Pada masa itu boleh dikatakan seluruh pelakon dan pegawai pekerja di studio Jalan Ampas menghantar dan menyambut P. Ramlee semasa pergi dan pulang dari festival filem. Sebab ketika itu P. Ramlee adalah Presiden Persama dan pada masa itu boleh dikatakan semua orang menghormati beliau, orang-orang muda memanggil beliau 'abang' dan orang-orang tua memanggil beliau 'wak'. Ada pula setengah-setengah yang memanggil beliau 'boss'. Bagi sahabat karib pula, memanggil beliau dengan sebutan 'Remi' seperti Jamil Sulong, Jaafar Abdullah, Rosnani dan beberapa orang lagi.

Setelah P. Ramlee digugurkan daripada Presiden Persama, banyak pelakon yang pernah berlakon bersamanya dalam siri 'Labu-Labu' dan yang pernah P. Ramlee ambil berlakon, menjadi musuh P. Ramlee. Ada yang menuduh beliau tak mahu membantu pelakon dan pekerja untuk naik gaji, sebab beliau sendiri sudah mempunyai gaji tiga puluh ribu setiap sebuah filem. Sedangkan pengarah lain hanya mendapat gaji dua ribu ringgit satu bulan, manakala pelakon pula mendapat empat ratus ringgit satu bulan. Itu gaji hero, pelakon pembantu pula tak sampai sebanyak itu. Mengikut pendapat P. Ramlee pula, bagaimana hendak menyebelahi pelakon dan pekerja, dalam setahun hingga tiga kali minta naik gaji. Maka dengan itu para pekerja tidak mahu bekerjasama dengan P. Ramlee semasa mengadakan penggambaran.

Dengan itulah, bila P. Ramlee hendak berangkat ke Festival Filem tidak ada pelakon yang menghantar beliau di lapangan terbang. Hanya terdapat satu dua orang pelakon sahaja yang menghantar di lapangan terbang Singapura. Bila tiba di Tokyo hanya beliau seorang sahaja wakil dari Singapura dan Malaysia, manakala pelakon dan pengarah dari

Indonesia lebih dari sepuluh orang yang turut serta.

Beliau terpaksa tinggal di hotel bersama penginap pelakon dari Indonesia dan bila hendak menghadiri seminar, P. Ramlee terpaksa duduk dalam bas bersama dengan pelakon serta pengarah dari Indonesia. Berbagai macam pelakon dan pengarah Indonesia peri P. Ramlee. Ketika itu Malaysia dan Indonesia sedang berkonfrontasi. Menurut kata P. Ramlee yang paling sombong ialah Usmar Ismail dan Norbaini Yusof, yang pernah melawat pejabat Gelanggang pada tahun 1962, sebelum konfrontasi.

Dari Tokyo P. Ramlee telefon kepada Saloma dan memaklumkan bahawa beliau tertangguh satu hari untuk pulang ke Singapura. Beliau menerangkan kepada Saloma yang beliau mendapat anugerah yang belum ada dalam dunia iaitu, 'Pelakon Serba Boleh'. Beliau ialah pelakon dan pengarah pertama yang dianugerahkan, 'The Most Versatile Talent'. Manakala bagi filem 'Antara Dua Darjat' pula P. Ramlee terpaksa bertanding dengan Toshro Muffune dari Jepun sebagai pelakon terbaik. Kata P. Ramlee beliau kalah satu mata, kerana pihak Indonesia tidak memberi sebarang markah kepadanya. Jika pihak Indonesia memberi dua mata, beliau akan menerima anugerah sebagai pelakon terbaik untuk kali kedua. Oleh itu, anugerah bagi pelakon terbaik telah dimenangi oleh Toshro Muffune, kawan dan pelakon yang diminati oleh P. Ramlee.

Kepulangan P. Ramlee dari menerima hadiah di Tokyo adalah yang paling tertinggi bagi orang seni di dunia; hadiah itu belum pernah diterima oleh mana-mana pelakon dalam dunia. Inilah situasi yang begitu hebat sekali, tetapi bila P. Ramlee pulang beliau hanya disambut oleh keluarganya sahaja. Tidak ramai pelakon dan pekerja dari studio yang menyambutnya. Yang datang dari studio ke lapangan terbang untuk menyambut P. Ramlee balik dari Tokyo hanyalah Mr. Kwek, Jaafar Abdullah dan Ahmad Zakaria serta beberapa orang lagi. Yang mengalungkan bunga kepada beliau ialah Saloma dan saya sendiri.

Di sebelah malam, Nordin Ahmad datang ke rumah P. Ramlee sambil mengucap tahniah di atas kejayaan beliau menerima anugerah bintang serba boleh. Semasa berbual dengan Nordin Ahmad pada malam tersebut, menurut P. Ramlee inilah pertama kali hadiah bintang serba boleh yang diadakan dalam dunia. Nordin Ahmad tanya kepada P. Ramlee, "Macam mana boleh terfikir hadiah seumpama itu diadakan?" P. Ramlee menjawab, "Menurut kata juri hakim, tiada hadiah yang sepadan dengan kemampuanku dalam filem 'Ibu Mertuaku'. Dalam filem tersebut, aku terlibat sebagai pelakon drama serta muzik. Lagu dalam filem tersebut, aku juga yang tulis. Bagi nyanyiannya, aku sendiri yang menyanyi untuk filem tersebut, dan aku mengarah filem itu. Jadi semua ahli juri berbincang apa hadiah yang patut aku dapat?" Dikatakan aku adalah seniman serba boleh. Dalam filem 'Antara Dua Darjat' ini kalau Indonesia beri dua mata, aku akan dapat hadiah sebagai

pelakon terbaik dalam filem 'Antara Dua Darjat' itu."

Nordin terus bertanya pada P. Ramlee, "Betul ke hang mahu pergi ke studio Cathay?" "Belum tahu," kata P. Ramlee. "Aku rasa lebih baik hang jangan pergi ke Cathay," kata Nordin Ahmad. "Tapi aku dengar Run Run Shaw mahu aku pergi ke Hong Kong untuk buat filem Melayu di sana," jawab P. Ramlee. "Hang jumpa Run Run?" tanya Nordin Ahmad. "Run Run yang cakap pada aku. Tengok dulu aku pergi ke studio baru dapat tahu," kata P. Ramlee. Kira-kira jam tiga pagi Nordin mahu pulang ke rumahnya di Bedok dan P. Ramlee menghantar beliau pulang, kerana beliau tidak ada kereta dan tidak tahu memandu kereta.

Pihak Shaw mahu P. Ramlee pergi ke Hong Kong untuk membuat filem Melayu di Hong Kong, kerana beliau tidak begitu gemar dengan sikap pekerja yang ikut kata-kata pihak Union. Shaw telah serah sebuah skrip yang ditulis Run Run Shaw kepada P. Ramlee untuk membuat filem pertama di Hong Kong. Skripnya berjudul 'Seniwati' dan pihak Shaw menyuruh P. Ramlee mencari sekurang-kurangnya tiga cerita lagi untuk dijadikan filem Melayu di Hong Kong. Pelakon yang akan P. Ramlee bawa bersama ke Hong Kong untuk filem pertama berjudul 'Seniwati' itu ialah Sarimah, Uda Omar dan Ahmad Nisfu serta beberapa orang lagi pelakon dari studio Jalan Ampas.

Apabila Union mendapat tahu perkara ini semua pelakon di bawah naungan Union tidak dibenarkan mengikuti P. Ramlee ke Hong Kong. Beliau mengarah sebuah filem lagi di studio Jalan Ampas, sementara menantikan untuk ke Hong Kong. Filem itu berjudul 'Tiga Abdul', yang menggunakan dua pelakon yang menjadi tulang belakang kepada Union. P. Ramlee turut berlakon dalam filem 'Tiga Abdul'.



Filem 'Ibu Mertua Ku', 1962



Pengarah Produser bergambar bersama di hadapan rumah Haji Arsed, di Kuala Selangor. Berdiri dari kiri, Salleh Ghani, isteri Ho Ah Loke, Ho Ah Loke, Takagaya, P. Ramlee, L. Krishnan, Haji Arsed dan duduk ialah kawan-kawan beliau.

ANTARA DUA DARJAT

**Karya Omar Rojek
Arahan P. Ramlee**



*Filem 'Antara dua darjat', 1960.
Di bintanginya oleh P. Ramlee, Saadiyah, Yusof
Latif, S. Kadarisman, S. Shamsuddin,
Kuswadinata, Mariam dan Ahmad Nisfu.*





Piala penghargaan hasil perjuangan P. Ramlee dalam dunia seni sebagai Pencipta lagu terbaik, Pelakon lelaki terbaik, Pengarah filem komedi terbaik dan sebagai Bintang serba boleh untuk seluruh Asia.



Gambar kiri atas, P. Ramlee bersama Bat Latif, yang mendapat anugerah Pelakon kanak-kanak terbaik dalam filem 'Nujum Pa' Bialang', 1959.

P. Ramlee ketika menerima anugerah.





Filem
'Nujum Pa' Blalang'
1959

Dibintangi oleh:
P. Ramlee,
Hashimah Yon,
Bat Latif,
Ahmad Nisfu,
Malik Sultan Muda,
Aziz Sattar,
S. Shamsuddin,
Sharif Dol.



P. Ramlee menerima anugerah
dalam filem 'Nujum Pa' Blalang'.



ANAKKU SAZALI

Arahan Phani Majumdar



Pelakon

*P. Ramlee,
Zaiton,
Nordin Ahmad,
Rosnani,
Daeng Idris,
Tony Castello*



Filem 'Anakku Sazali', 1956, adalah filem yang memperkenalkan kepada Asia yang ada pelakon filem Melayu yang handal. P. Ramlee digelar sebagai pelakon lelaki terbaik dalam filem 'Anak Ku Sazali'. Sebelum ini belum ada pelakon filem Melayu mendapat gelaran pelakon terbaik.





P. Ramlee bersama Zaiton

Hang Tuah

Arahan
Phani Majumdar

Barisan pelakon:
P. Ramlee,
Ahmad Mahmud
Sa'adiah,
Zaiton,
Yusof Latiff.



'Hang Tuah' adalah sebuah filem yang membuktikan P. Ramlee sebagai pencipta lagu terbaik dalam Festival Filem Asia pada tahun 1955. Anugerah ini diberikan oleh para pengadil dalam bidang seni pada Festival Filem Asia di Tokyo. Pengadil tidak kenal siapa P. Ramlee, mereka hanya tahu nama peserta mengikut senarai setiap filem yang turut serta dalam festival filem tersebut.





P. Jalil, peminat setia P. Ramlee. Setiap gaya dan pakaian P. Ramlee akan diikuti oleh P. Jalil.



Empat tokoh muzik dari MFP, Osman Ahmad, Yusof B., Kassim Masdor dan P. Ramlee. Semasa P. Ramlee mengarah filem 'Madu Tiga', 1964.



Duduk: Saloma, Zaiton, Normadiyah, Latifah dan Maria.

Berdiri: P. Ramlee, Abdullah Sani, Wahid Sattar dan S. Roomai Nor.

Gambar diambil ketika Festival Filem di Manila bagi hadiah seni gambar terbaik untuk filem 'Sumpah Orang Minyak'.



P. Ramlee bersama Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, duduk di sebelah kanan beliau. Di sebelah kiri P. Ramlee ialah bintang filem Tamil nombor satu pada masa itu yang datang ke Kuala Lumpur pada tahun 1960 an. P. Ramlee bersama Tan Sri Taib Mahmud menjadi tetamu di satu pertemuan dengan peminat di Stadium Negara Kuala Lumpur. Peminat India memberi pekikan yang sama dengan perkataan, "P. Ramlee ...MGR, MGR ...P. Ramlee!"



P. Ramlee menerima sijil penghargaan dari Pendita Zaaba kerana beliau menaikkan nama bangsa Melayu dalam dunia seni. P. Ramlee yang membawa nama filem dan Bangsa Melayu ke peringkat antara bangsa. Beberapa kali filem arahan dan lakonan beliau dinominasikan dan mendapat anugerah peringkat antara bangsa.



P. Ramlee bersama seniman dari Jepun, Okumura Rashio ketika Festival Filem Asia, di Singapura pada tahun 1973.



Saloma, Latifah Omar dan P. Ramlee .

SAHABAT HANDAI P. RAMLEE DI SINGAPURA

Ketika penggambaran filem 'Tiga Abdul', Mohd Nor Affendi, seorang guru yang bersahabat baik dengan Kassim Masdor terlalu berminat untuk berdamping dengan P. Ramlee. Pada suatu hari, Kassim Masdor menanyakan pada P. Ramlee mengenai anak-anak beliau, sama ada orang mengajar di rumah atau tidak. P. Ramlee menerangkan tidak ada siapa yang mengajar anak-anak beliau, tetapi guru muzik ada mengajar Nasir dan Armali iaitu Vera Wee (pelakon filem 'Sesudah Subuh'). Kassim menerangkan dia ada kawan guru sekolah yang juga berminat menulis skrip. "Siapa?", tanya P. Ramlee kepada Kassim Masdor. "Mohd Nor Affendi, pengarah drama 'Anak Yang Belum Lahir'," jawab Kassim. "Entah," kata P. Ramlee "Aku tak nampak rupanya." "Kan abang pergi nonton," kata Kassim. "Ya..... aku lihat si Ramli Kecil berlakon. Kau suruh dia datang ke rumahlah," jawab P. Ramlee. Pada sebelah malamnya, Mohd Nor Affendi datang bersama kawannya Aziz, juga seorang guru, lalu mereka berbual pasal budak sekolah. Mohd Nor mengajar Nasir bersama Armali, manakala Aziz pula mengajar Norma dengan Norbaity.

Bila Mohd Nor pulang P. Ramlee mengubah lagu 'Tolong Kami Bantu Kami'. P. Ramlee memanggil semua anaknya untuk menyanyi dan dirakamkan. Bila semua anak-anaknya menyanyi semuanya berbunyi sumbang. Lalu P. Ramlee marah dan berkata kepada anak-anaknya, "Kamu semua kalau tak mahu belajar dengan betul, terpulang kepada kamu. Aku sudah memberi semua pelajaran kepada kamu. Yang lelaki, cukup umur 19 tahun keluar dari rumah aku, cari makan sendiri. Kalau mahu jadi penyamun, pencuri, penipu, terpulang kepada kamu. Jangan kamu harap dari harta aku, aku tidak akan tinggalkan harta, kerana ada antara kamu ni yang hati tidak betul. Kalau kamu cari sendiri, suka hati kamu mahu bantu antara satu sama lain atau kamu berasa bangga dengan hidup kamu. Yang lain merempat kaki lima jangan kamu pedulikan, itu harta kamu. Aku bila usia 19 tahun aku keluar dari kampung cari makan sendiri. Tahukah kamu bagaimana aku hendak jadi begini? Betapa seksa hidup aku. Sudah! Kamu semua pergi tidur dan ingat apa aku cakap. Itu terpulang kepada kamu. Esok ada guru datang untuk ajar kamu". Selepas itu, semua anak P. Ramlee masuk tidur dan beliau terus mencipta lagu untuk filem 'Tiga

Abdul'.

Hari pertama Mohd Nor datang bersama Aziz untuk mengajar anak-anak P. Ramlee di rumahnya. Selepas Mohd Nor mengajar anak P. Ramlee, beliau bertanya pada P. Ramlee cara membuat skrip yang baik. P. Ramlee mempunyai perangai tidak mahu mengajar orang, termasuk anaknya yang tak pernah beliau ajar. Tetapi bila ditanya P. Ramlee tidak pernah beritahu. Beliau meminta Mohd Nor membuat satu cerita dan beliau memberitahu jalan ceritanya. Tajuknya ialah 'Syaitan Ke Shorga'. Mohd Nor mula membuat skrip cerita tersebut.

Selepas satu minggu Mohd Nor tunjuk kepada P. Ramlee dan bila beliau melihat cara Mohd Nor membuat skrip. Beliau memberitahu Mohd Nor, "Bila kita membuat skrip, kita bayangkan setiap watak yang mahu membawakan cerita tersebut, boleh di bawa atau tidak, bolehkah pelakon itu menghidupkan skrip tersebut. Skrip adalah kertas yang ditulis oleh si penulis dan pelakon yang memegang watak itu yang menggerakkan tulisan dan kertas itu." Mohd Nor bingung mendengar penerangan dari P. Ramlee. P. Ramlee melihat muka skrip yang ditulis oleh Mohd Nor iaitu 'Cerita Asal: P. Ramlee. A.M.N, Skrip: Mohd Nor Affendi'. Kemudian beliau berkata, "Ini tak sedap, Mohd Nor Affendi, nama seni tak ada, nama kampung pun tak ada, ini nama, macam nama Mamak jual kacang putih". Lalu beliau menyuruh Mohd Nor menggunakan nama Yusnor Ef. "Sedap nama tu..." kata P. Ramlee.

Setiap malam, Yusnor Ef datang ke rumah P. Ramlee untuk belajar membuat skrip. Waktu itu saya kena pula sakit sampuk hantu. Pada mulanya Ahmad Chetty, seorang pelakon filem, bertugas di kubur bidadari kawasan yang tak jauh dari rumah yang P. Ramlee tinggal. Setiap hari waktu senja Ahmad Chetty datang ke rumah P. Ramlee dan pada hari pertama Ahmad Chetty datang dia membawa botol air mawar untuk disiram di kubur. Ahmad Chetty beri botol air mawar kepada Szali. Keesokan harinya, dia datang lagi untuk menjual kain pada Ngah sebanyak tiga ringgit. Kemudian dia datang lagi hanya untuk minum air sejuk.

Pada waktu malam, selepas Yusnor Ef mengajar anak-anak P. Ramlee, Aziz pulang tetapi Yusnor Ef tidak mahu pulang kerana keesokan harinya ialah hari minggu. P. Ramlee tengah mencipta lagu 'Sedang Kan Lidah Lagi Tergigit' dan di waktu itu Saloma berdiri di sebelah P. Ramlee, sambil menyanyi bersamanya. Saya baring di kerusi panjang di sebelah pintu masuk. Bila saya terlena, saya terasa seperti orang cekik saya dan bila saya beritahu kepada P. Ramlee, beliau berkata, "Kau mengarutlah. Mana ada hantu? Kau ni darah tak kuat." Bila P. Ramlee dan Saloma naik ke tingkat atas kira-kira jam empat pagi, saya tidur di kerusi panjang, manakala Yusnor Ef pula bersama Ngah dan Szali tidur di ruang tamu. Bila lampu gelap dan saya baring di kerusi panjang, saya rasa satu lembaga datang

hendak cekik leher saya, lalu saya pekik. Yusnor Ef bangun lalu buka lampu bagi terang seluruh ruang tamu. Beliau memberitahu kepada saya supaya jangan tidur hingga esok pagi. Kebetulan pula P. Ramlee tinggalkan rokok di atas piano. Saya ambil rokok, mancis berada di atas televisyen, dan bila saya ambil mancis hendak pasang rokok, satu tangan tepis saya hingga tercampak rokok di mulut saya. Bermula dari itu saya sudah tidak sedarkan diri lagi dan P. Ramlee bersama Saloma serta Ahmad Rejab turun dari tingkat atas, pegang saya tetapi saya dapat meronta. Saya sedar bila muka saya disiram air oleh P. Ramlee. Pada malam itu semua orang tak dapat tidur, termasuklah P. Ramlee yang tidak naik ke tingkat atas, kerana beliau juga takut diganggu hantu. Satu malam semua orang jaga saya hingga ke pagi.

Keesokan malam, bila senja saya mula tak sedar lagi dan P. Ramlee pada setiap malam tidur bersama saya dan Saloma di ruang tamu. Beliau yang sebenarnya penakut hantu, tidak mahu tidur di tingkat atas. Pada waktu itu, Zauyah, isteri Ahmad Rejab sedang sarat mengandung. P. Ramlee cuba mengubat saya dengan berbagai cara dan cuba menangkap hantu. Tiga empat malam, beliau tidak dapat tidur dengan sempurna, kerana saya selalu diganggu oleh hantu. P. Ramlee menggunakan ilmu rohani, dan menekan belakang Nasir. Bila Nasir tutup mata, dia nampak segala hantu, lalu disuruhnya Nasir tangkap hantu di atas kepala saya serta di belakang saya.

Pada suatu malam, Zauyah sakit hendak bersalin tetapi Ahmad Rejab pula pergi kerja dan belum pulang lagi. P. Ramlee sudah telefon kepada bidan yang tinggal tidak jauh dari situ tetapi bidan itu tidak datang, sedangkan saya pula tidak boleh bergerak dalam rumah. Yang boleh saya duduk ialah di satu tempat sahaja, iaitu di ruang tamu di atas kerusi panjang. Akhirnya P. Ramlee menjadi bidan dan menyambut bayi, anak kedua kepada Zauyah yang bersalin. Anak itu diambil terus dan diberi nama Zazaloma, tetapi Ayahnya, Ahmad Rejab memberi nama dalam surat beranak ialah Zakiah Binti Ahmad. Bila P. Ramlee tanya kenapa tak beri nama Zazaloma, Ahmad Rejab menjawab, "Saya ingat, Pak Cik main-main dengan nama Zazaloma" (Ahmad Rejab memanggil P. Ramlee dengan sebutan Pak Cik).

Pada malam kelima saya sakit, P. Ramlee sudah tidak boleh tahan lagi, pada jam tiga pagi. Lalu beliau duduk di sebelah saya di kerusi panjang dan beliau tutup mata lalu sebut nama Yusuf B. Kata beliau, "Bang Yusuf datang sekejap, si bahlol ni buat lagi." Tidak lama kemudian Yusuf B datang dengan motosikalnya dan masuk ke rumah P. Ramlee, lalu beliau tanya kepada P. Ramlee. "Hai apa dah kacau gua mahu tidur dah". "Ini dah, si bahlol ni," kata P. Ramlee. "Apa dah lu, hantu pun takut. Lu ni hantu," kata Yusuf B kepada saya. "Hai Ramlee lu ada air?" tanya Yusuf B kepada P. Ramlee. "Ada" kata P. Ramlee, lalu beliau suruh Ngah pergi ambil air di tingkat atas. Yusuf B beri saya minum air setengah gelas lalu saya tidur hingga tengahari. Semenjak dari itu saya tidak berasa takut lagi.



Gambar dari kiri: Ramli Ismail (penulis), Yusnor Ef, Ngah, Cikgu Aziz.



Ahmad Rejab, sepupu kepada P. Ramlee bersama isterinya Zauyah, anak kemenakan P. Ramlee

Ramli Ismail atau lebih dikenali sebagai Ramli Kecil, mula tinggal bersama P. Ramlee sejak awal tahun 1962 semasa P. Ramlee tinggal di 28, Cedar, Avenue, Singapura sehingga tahun 1973 ketika P. Ramlee telah berpindah ke Kuala Lumpur.

Ngah, beliau berasal dari Terengganu dan dibawa ke Singapura untuk tinggal bersama A.R. Tompel dan Saloma, isterinya untuk menjaga Armali, anak mereka yang baru lahir. Apabila A.R. Tompel berpisah dengan Saloma, ketika itu P. Ramlee masih membujang selepas bercerai dengan Junaidah. Tompel serahkan Ngah kepada P. Ramlee untuk menjaga makan-minum dan pakaian P. Ramlee. Bila P. Ramlee berkahwin dengan Norizan, Ngah adalah sebagai tukang masak, kerana P. Ramlee tidak suka masakan orang lain selain daripada masakan Ngah. Bila ada Sazali, Ngah yang menjaganya. Bila P. Ramlee berpisah dengan Norizan dan berkahwin dengan Saloma, Ngah kembali duduk bersama Saloma. Ngah berpisah dengan P. Ramlee ketika berada di 38, Jalan Bunga Kantan. Setapak, Sabarudin, anak angkat P. Ramlee tak sempat mengenalinya kerana ketika itu Sabarudin baru berusia satu bulan.

Yusnor Ef, seorang guru sekolah di Singapura dan pengarah drama pentas. Beliau setiap malam datang ke rumah P. Ramlee untuk mengajar anak-anak beliau iaitu Nasir dan Armali. Ada kalanya selepas mengajar, Yusnor Ef meminta tunjuk ajar dari P. Ramlee untuk menulis skrip. Nama Yusnor Ef juga telah ditukar oleh P. Ramlee dari nama asal iaitu Mohd Nor Effendi.

Cikgu Aziz, juga seorang guru, datang ke rumah P. Ramlee untuk mengajar anak-anak P. Ramlee iaitu Norma dan Norbetty, tetapi beliau tidak pernah tidur di rumah P. Ramlee. Selalunya selepas mengajar anak P. Ramlee mereka berdua pulang ke rumah masing-masing.

Ahmad Rejab, sepupu kepada P. Ramlee, tinggal bersama P. Ramlee di Singapura sejak beliau berkahwin dengan Norizan sehingga P. Ramlee berpindah ke Kuala Lumpur.

Zauyah, anak sepupu kepada P. Ramlee yang lahir di rumah tempat P. Ramlee dilahirkan di Pulau Pinang. Zauyah berkahwin dengan Ahmad Rejab di rumah tempat kelahiran P. Ramlee. Mereka mendapatkan dua orang anak iaitu Hussin dan adiknya, Zazaloma.

P E R J O D O H A N



P. Ramlee bersama Normadiah



Nordin Ahmad bersama P. Ramlee

Nordin Ahmad adalah rakan rapat P. Ramlee, mereka tidak pernah berselisih taham, malahan kerap berjumpa dan saling bertukar fikiran.

Nordin Ahmad datang ke rumah P. Ramlee di nombor 28, Cedar Avenue, Singapura apabila beliau mendapat tahu yang P. Ramlee tak jadi ke Hong Kong atas sebab pihak Union tidak membenarkan pelakon yang menjadi ahlinya turut serta ke Hong Kong bersama P. Ramlee.

Ura-ura P. Ramlee akan hijrah ke Kris Film. Nordin datang berjumpa P. Ramlee. Kata Nordin, "Aku rasa lebih baik hang cari tempat lain selain dari Cathay, kerana di sana juga banyak orang yang hang tak boleh bersama." Jawab P. Ramlee, "Aku ingat aku akan ke Kuala Lumpur." "Baguslah, di sana tak ada musuh hang. Tapi kalau hang buat filem 'Hidayah' eloklah," kata Nordin kepada P. Ramlee. Jawab P. Ramlee, "Belum tahu apa gambar aku akan buat."

P. RAMLEE BERSAMA NORDIN AHMAD



Gambar di atas dan di sebelah kiri diambil oleh Ramli Ismail, penulis, ketika Nordin Ahmad datang melawat P. Ramlee di rumahnya di nombor 28, Cedar Avenue, Singapura.





Mesyuarat PERSAMA ketika P. Ramlee menjadi presidennya. Beliau sedang berbincang bersama para ahli jawatan kuasa di mana Jamil sulung sebagai bendahari, manakala Salleh Ghani sebagai setia usaha agong. PERSAMA ditubuh pada tahun 1957 dan berpejabat di nombor 271, Tembeling Road, Singapura.




Datuk Senu Abdul Rahman sedang berbincang dengan P. Ramlee dan ahli PERSAMA di Studio Malay Film Production, Jalan Ampas, Singapura. Datuk Senu, wakil Tengku Abdul Rahman, datang untuk menjelaskan permintaan para pelakon dan pekerja MFP supaya majikan tidak memberhentikan para pelakon dan para pekerja dengan semena-mena. Hasil rundingan berjaya menaikkan taraf filem Melayu setanding dengan filem-filem luar.



*Gambar kiri:
Saloma, P. Ramlee
dan Latifah Omar
bergambar bersama
ketika P. Ramlee dan
Saloma melawat
Studio Cathay Keris
Film, Singapura*





P. RAMLEE BERHIJRAH KE KUALA LUMPUR

Sedang P. Ramlee membuat penggambaran filem 'Tiga Abdul', Musalmah Kamsani (Ongek), sebagai pengurus kepada P. Ramlee, memberitahu kepadanya yang bayaran dari Cathay Keris tidak memuaskan. Musalmah sedang berunding dengan Ho Ah Loke, tuan punya Studio Merdeka Filem Ulu Klang, Kuala Lumpur. Waktu itu P. Ramlee masih mengadakan penggambaran filem 'Tiga Abdul'. Pada masa yang sama diadakan perbincangan untuk P. Ramlee bagi penawaran untuk bertugas di Merdeka Film Studio, di Kuala Lumpur.

Setelah P. Ramlee berfikir sedalam-dalamnya dan berasa kecil hati kepada rakan-rakan di studio Jalan Ampas, kerana berbagai tindakan yang kena ke atasnya. Beliau memberitahu kepada Musalmah (Ongek) yang beliau bersetuju untuk bertugas di Merdeka Filem Studio, Ulu Kelang, Kuala Lumpur.

Pada suatu hari, Ho Ah Loke datang ke rumah P. Ramlee untuk berbincang sesama sendiri pula. Dalam perbincangan mereka berdua saya ada bersama. Dalam perbincangan itu, Ho Ah Loke bersedia memberikan kemudahan kepada P. Ramlee seperti rumah, petrol 45 galen satu bulan, bayaran dua puluh ribu ringgit setiap sebuah filem, tak kira masa, tiga empat bulan jika P. Ramlee boleh siap. Bayaran tetap tidak dipotong. P. Ramlee bersetuju dengan apa yang dibincangkan dan meminta tangguh sehingga filem 'Tiga Abdul' siap. Kepada P. Ramlee walaupun filem 'Tiga Abdul' itu adalah filem terakhir baginya di studio Jalan Ampas, namun beliau tetap mengarah filem tersebut dengan teliti sekali.

Sebelum P. Ramlee berangkat ke Kuala Lumpur, beliau telah berbincang dengan Ahmad Rejab, Saloma, Zauyah dan saya. Kata P. Ramlee kepada Ahmad Rejab, "Pak Cik pergi ke Kuala Lumpur tak mahu bawa apa barang pun hanya pakaian sahaja. Yang lain hang ambil, piano aku jual pada Nona Asiah. Nasir bersama Armali, tinggal dengan hang buat sementara, cukup tahun, nanti aku tukarkan sekolah di Kuala Lumpur." Ahmad Rejab bertanya pada P. Ramlee "Ramli Kecil tak ikut? Banyak orang larang supaya jangan bawa si Ramli ni. Tapi, aku ingat dimana dia nak tinggal di sini." Zauyah jawab, "Bawalah dia, boleh tolong Pak Cik disana." "Ya, takya juga, siapa hendak jaga kereta aku. Pergi mam-

pus dengan kata orang," kata P. Ramlee. "Kau pun ada orang dengki juga?" Aku ingat aku sahaja seorang yang sakit hati," kata P. Ramlee kepada saya. Jawab saya "Entahlah Bang, siapa yang tak kasi Abang bawa saya ke Kuala Lumpur?" "Sudahlah, aku mahu kau ikut Kakak. Perduli dengan orang lain," kata Saloma kepada saya. Demikianlah perbincangan pada malam tersebut.

Orang yang pertama memberi ucapan tahniah kepada P. Ramlee ialah Kasma Booty yang datang khas dari Kuala Lumpur berjumpa dengan beliau di rumahnya di Cedar Avenue, Singapura. Ketika Kasma bersama Booty, suaminya dan anak perempuannya, Cempaka tiba, P. Ramlee sedang menyambut hari jadi Hussin, anak Ahmad Rejab. Dalam perbualan P. Ramlee dengan Kasma Booty pada waktu itu, beliau menceritakan yang beliau merasa sedih kerana hendak meninggalkan Studio Jalan Ampas, kerana pada mulanya beliau dikenali ramai, ialah di studio tersebut. Di kala mana studio itu masih berding zink hinggalah ke berding batu. "Yang baru datang, studio sudah cantik menjadi batu dan segala kemudahan pun semua cukup; hendak jadi raja, dia tak berfikir pada orang yang bersusah-payah", jawab Kasma Booty kepada P. Ramlee. Kata P. Ramlee pula, "Manusia tak mempunyai otak, mana dia boleh berfikir, yang dia rasa sudah baguslah. Dia tak tahu dunia filem, hendak naik susah, hendak jatuh dengan sekelip mata." Kasma Booty bertanya kepada P. Ramlee bila beliau akan berangkat ke Kuala Lumpur. Jawab P. Ramlee beliau belum tentu dapat siapkan gambar 'Tiga Abdul', tetapi beliau akan terus berangkat ke Kuala Lumpur.

Apabila selesai sahaja keseluruhan filem 'Tiga Abdul', P. Ramlee tak sempat hendak *preview* tetapi terus berangkat ke Kuala Lumpur. Pada 16 April 1964 jam 10 pagi P. Ramlee keluar dari rumahnya di 28 Cedar Avenue, Singapura dengan memandu kereta SU 7071, manakala Saloma pula memandu keretanya, JC 5460 menuju ke Jalan Ampas. Sebelum bertolak P. Ramlee hendak berjumpa dengan kawan-kawan seperti Yusof.B, Osman Ahmad dan yang lain-lain. P. Ramlee pernah meminta tunjuk ajar dari Yusof.B dan Osman Ahmad dalam dunia mencipta lagu, demikian pula sebaliknya, mereka juga pernah meminta tunjuk ajar dari P. Ramlee dalam mencipta lagu.

P. Ramlee keluar dari Singapura dengan tidak membawa apa-apa barang perkakas rumah, hanya pakaian sahaja yang di bawa. Pianonya telah dijual kepada Nona Asiah, manakala pinggan mangkuk pula ditinggalkan kepada Ahmad Rejab. Waktu itu, Nasir dan Armali tidak ikut bersama kerana mereka masih bersekolah dan terpaksa menunggu hingga akhir tahun. Dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur, P. Ramlee berjalan di hadapan diikuti dengan kereta Saloma di belakang.

Saya adalah bersama Saloma dengan dua anak Norizan. Manakala dalam kereta P.

Ramlee ada Sazali dan Ngah. Bila sampai di Air Hitam, kami berhenti makan. Sedang menunggu hidangan makanan datang. Saloma bertanya pada P. Ramlee, "Kenapa you laju di Skudai?" "Orang kenal kereta I," kata P. Ramlee. Saya pula jawab, "Kereta abang semua orang kenal, mana boleh sembunyi." "Orang situ kenal aku dah", jawab P. Ramlee lagi. "Dulu aku, dekat situ dengan Yusof.B. dan Rafi hendak pergi belajar silat, guru tu sudah masak minyak panas, suruh murid rendam tangan dalam kawah," kata P. Ramlee. "Bukan minyak panas, dalam minyak tu dia masukkan kabaik, berasaplah. Kita selalu buat *shooting* dia hendak temberang. aku hidupkan api suruh guru tu masuk tangan, dia tak berani. Muridnya marah, aku cabut, sebelum jadi hal," kata P. Ramlee.

Kemudian setelah selesai makan P. Ramlee bersama Saloma teruskan perjalanan menuju ke Kuala Lumpur. Kira-kira jam lima setengah petang sampai di Kuala Lumpur. Kami berhenti di jalan Bukit Bintang berdepan dengan Federal Hotel, ada satu hotel kecil bernama Mandarin Hotel. Kami berhenti di situ menunggu Ho Ah Loke datang untuk membawa kami ke rumah tempat tinggal yang dijanjikan itu.

Lebih kurang jam enam setengah petang, Ho Ah Loke sampai dan dia tanya bilik kosong di Mandarin Hotel, tetapi sayangnya tidak ada bilik kosong. Lalu Ho Ah Loke mengajak kami makan di hotel tersebut. Sesudah selesai makan, kami berjalan lagi ke Peninsular Hotel, dekat dengan Selangor Kelab. P. Ramlee bersama keluarganya bermalam di situ. Kira-kira jam sembilan malam, Kasma bersama Booty, suaminya, datang berjumpa. Mereka adalah orang pertama yang menyambut kedatangan P. Ramlee di Kuala Lumpur. Keesokan harinya, P. Ramlee bersama saya pergi ke Studio Merdeka Filem di Ulu Klang. P. Ramlee melihat barang peralatan filem yang tidak memuaskan; kesemuanya barang lama, para pekerja pun tidak cukup terlatih. Keadaannya tidak seperti di Studio Jalan Ampas yang serba cukup dan para pekerja semua pula matang dalam dunia perfileman. Selepas P. Ramlee melawat setiap studio dan melihat peralatan filem, beliau pergi melihat dan berbual dengan Salleh Ghani yang sedang membuat penggambaran filem 'Hujan Darah' dalam studio A.

Semasa perjalanan pulang, P. Ramlee berbual dengan saya dalam kereta. Katanya, "Semua barang dalam studio tu, barang lama, apa gambar yang mahu dibuat. Studio pulak dalam kandang zoo, silap-silap harimau terlepas, habis dingapnya. Kalau buat gambar Si Tora memang bagus. 'Tora' tu bahasa Jepun, bahasa Melayu maknanya harimau." P. Ramlee memberi cerita berjudul 'Si Tora Harimau Jadian' sambil menulis skrip tersebut di bilik hotel.

Semasa berada di hotel, Datuk Harun Idris datang bersama isterinya Datin Salmah yang memang sudah kenal lama dengan Saloma semenjak dari kecil lagi. Datin Salmah

memanggil P. Ramlee seperti sahabat karib. Beliau memanggilnya Remi. Para sahabat karib yang memanggil P. Ramlee dengan nama Remi ialah Rosnani, Jamil Sulong, Latifah Omar dan Jaafar Abdullah. Kenapa orang ini panggil 'Remi' pada beliau? Menurut kata mereka, sebab P. Ramlee terlalu banyak berlakon filem bersama Rosnani, dan nama P. Ramlee dalam filem ialah 'Remi'.

Datuk Harun meminta P. Ramlee mengadakan pertunjukan, semasa Datuk Harun berkempen untuk pilihanraya pada tahun 1964. Sebanyak tiga kali P. Ramlee telah mengadakan pertunjukan untuk Datuk Harun Idris, di kawasan Kuala Selangor (Nama tempat itu saya kurang ingat) iaitu tempat sawah padi; pentas terletak di tengah sawah padi. Datuk Harun akhirnya berjaya menjadi Menteri Besar Selangor.

Selama dua minggu kami tinggal di Peninsular Hotel, sebelum berpindah ke rumah di 38, Jalan Bunga Kantan, Taman Furlong (sekarang namanya Taman P. Ramlee), di Setapak, Kuala Lumpur. Rumah tersebut ditinggal oleh Ho Ah Loke, tuan punya Merdeka Filem Studio. Sewa rumah tersebut akan dibayar oleh pihak Merdeka Studio, mengikut perjanjian.

Bila filem 'Si Tora Harimau Jadian' hendak dimulakan, P. Ramlee bermasalah dengan pelakon wanita. Beliau menyuruh saya mencari pelakon wanita, saya jawab, "Manalah ada perempuan yang saya kenal; saya baru berapa hari sahaja saya tinggal di Kuala Lumpur. Hendak merayap pun tak tahu." Jawab P. Ramlee, "Yang kau cari panggung wayang? Sampai sesat hendak pulang ke hotel. Itu sahaja yang kau tahu." Entah dari mana P. Ramlee dapat Fadlizaitun (Nama asal Zaitun Din), adik kepada Ibrahim Din. Ketika itu filem terakhir arahan P. Ramlee di Singapura, 'Tiga Abdul' disiarkan di panggung Federal. P. Ramlee mengajak saya pergi menonton filem tersebut. Beliau meminta saya pergi mengambil tiket tiga di atas. Saya pun pergi membeli tiga tiket untuk tayangan pada jam 9.30 malam. Beliau terpaksa menonton filem tersebut di Kuala Lumpur, kerana beliau tak sempat menonton semasa filem tersebut siap prosesing sebab pada masa itu beliau sudah berada di Kuala Lumpur.

Malam itu, saya pergi menonton filem 'Tiga Abdul' bersama P. Ramlee dan Saloma. Kami menaiki kereta Saloma. P. Ramlee tak mahu membawa keretanya kerana takut orang kenal keretanya, nanti orang kata kenapa P. Ramlee menonton gambar sendiri. Bila sampai di panggung P. Ramlee menyuruh saya pergi melihat sama ada sudah mula, kerana beliau tidak mahu masuk jika lampu masih terang. Bila filem hampir tamat beliau mengajak Saloma keluar dari panggung. Bila kami keluar dari panggung dan pergi dekat kereta, kami tak dapat keluar kerana kereta Saloma terhalang kereta orang yang sedang menonton. Jadi terpaksa P. Ramlee bersama Saloma dan saya menunggu sehingga wayang sele-

sai dan orang keluar dari panggung. Maka P. Ramlee pun duduklah dalam kereta. Ramai orang yang ternampak beliau datang bersalam dengannya dan ada yang memberitahu filem 'Tiga Abdul' begitu bagus.

Dalam perjalanan pulang P. Ramlee berkata, "Dalam filem 'Tiga Abdul' aku dapat maki orang yang betul-betul pernah busuk hati. Kalau maki di luar filem tentulah akan bertumbuk." Saya bertanya pada beliau, "Adakah orang tak sedar yang Abang maki tu adalah satu dendam?" P. Ramlee menjawab, "Mana dia ingat apa kesalahan yang dia buat dan mana orang ingat semasa berlakon." Seterusnya kata beliau lagi, "Mungkin kalau dia menonton filem tersebut, dia tersedar yang dia dah kena maki."



'Tiga Abdul', adalah filem terakhir arahan dan lakonan P. Ramlee bersama Malay Film Production, Singapura pada tahun 1964 setelah beliau berkhidmat selama 16 tahun iaitu sejak tahun 1948.



P. RAMLEE DI ATAS PENTAS



P. Ramlee tengah melawak bersama dengan pelawak Radio Malaysia ketika pertunjukan pentas oleh Angkatan Tentera. Pelawak tiga sekawan terdiri daripada S.M. Salim, Ibrahim Din dan Jamal Mohamad. Dari situ P. Ramlee tertarik kepada Ibrahim Din untuk menjadikan siri komedi 'Do Re Mi'. Pertunjukan ini diadakan pada tahun 1965.

P. Ramlee bermain gitar sambil berpadu suara bersama isterinya, Saloma dalam lagu 'Di mana Suara Burung Kenari'. Di satu pertunjukan untuk membantu Datuk Harun Idris berkempen untuk pilihanraya pada tahun 1964.

Datuk Harun akhirnya berjaya untuk menjadi Menteri Besar Selangor.



P. Ramlee sedang bermain akordion sambil menyanyi bersama Saloma dalam lagu 'Aci-aci Buka Pintu' dalam suatu pertunjukan amal pemuda UMNO Jelbu, Negeri Sembilan pada tahun 1967.

P. RAMLEE MENGARAH FILEM PERTAMA DI KUALA LUMPUR

Apabila kami pulang ke rumah selepas menonton filem 'Tiga Abdul', P. Ramlee mula mencipta lagu untuk filem 'Si Tora Harimau Jadian' sehingga jam tiga pagi. Saya terpaksa menunggu beliau mencipta lagu, kerana menjaga kopinya. Bila beliau berehat, sambil meminum kopi, beliau bercerita kepada saya pasal pemuzik untuk buat rakaman. Kemudian beliau teruskan lagi mencipta lagu. Kira-kira jam tiga pagi barulah beliau masuk tidur.

Pada keesokan hari, di sebelah petang kira-kira jam enam, beliau mengajak saya pergi ke rumah Ahmad Nawab di Gombak, yang tidak jauh dari tempat kami tinggal di Taman Furlong. P. Ramlee meminta tolong Ahmad Nawab mencari pemuzik. Di rumah Ahmad Nawab, P. Ramlee berbual lebih dari dua jam, mereka berbagi cerita lama. Cerita yang menarik ialah ketika P. Ramlee menceritakan mengenai Ahmad Nawab. Katanya, "Bila ada Cina mati, Ahmad Nawab akan bermain muzik, dengan topi tak nampak muka. Tetapi kita semua kenal anak Pak Nawab, dia yang paling tinggi dalam kumpulan muzik tu," kata P. Ramlee. "Dia takut jumpa kita, nanti kena peri. Sekarang baguslah kerana dia kerja di radio," kata P. Ramlee lagi. Kata Ahmad Nawab, "Tapi belajar muzik bukan senang, yang mengajar tu, ludah naik ke muka tapi hendak belajar apa hendak buat." Bila P. Ramlee hendak pulang, beliau meminta Ahmad Nawab pergi ke rumahnya untuk mengambil nota muzik untuk dibuat salinan. Ahmad Nawab menerima dan menyanggupi apa yang disuruh oleh P. Ramlee. Selepas itu P. Ramlee bersama saya pulang ke rumah.

Di waktu malam P. Ramlee teruskan tugasnya sebagai pengarah filem dan pencipta lagu untuk filemnya. Begitulah seterusnya sehingga lagu siap keseluruhannya. Ahmad Nawab pula sudah mendapatkan semua pemuzik yang didatangkan khas dari RTM, yang boleh membaca nota lagu dengan baik. Yang datang untuk bermain muzik lagu ciptaan P. Ramlee, untuk filem 'Si Tora Harimau Jadian', terdiri daripada Zainal Abu, Ahmad Amin, Jaafar Haris, Rahman Rahmat (pelakon kecil sebagai P. Ramlee waktu kecil dalam filem 'Ibu' dan kawan dalam filem 'Panggilan Pulau'), Ismail Puteh dan Ahmad Nawab.



Apabila siap lagu, P. Ramlee mula membuat penggambaran filem 'Si Tora Harimau Jadian' dengan seorang pelakon baru iaitu Zaitun Din (adik kepada Ibrahim Din). Beliau biasa memperkenalkan seorang pelakon baru dalam filem arahnya. P. Ramlee menukar nama Zaitun Din kepada Fadliyatun, sebagaimana beliau menukar nama Rosnah kepada Rosyatimah.

Tiga hari pertama P. Ramlee mula mengarah filem pertama di Merdeka Studio, Mohd Khir Johari mengadakan satu parti untuk P. Ramlee di Hotel Eastern di Jalan Campbell. Majlis itu dimulakan dengan ucapan wakil Mohd Khir Johari iaitu Yusof Surya. Dalam ucapannya beliau berasa bertuah kerana mendapat seorang pengarah filem, pelakon filem, penyanyi, pencipta lagu dan penggubah lagu, yang selama ini tidak ada di Malaysia. Katanya P. Ramlee adalah rakyat Malaysia, tetapi beliau mencipta nama di Singapura. Waktu itu di Malaysia tidak ada studio filem, kata Yusof Surya. Selepas Yusof Surya memberi ucapan, beliau meminta P. Ramlee pula memberi ucapan sebelum beliau menyanyi.

Pada malam itu, jempunan adalah seramai 80 orang yang terdiri daripada sahabat Mohd Khir Johari, dan sahabat P. Ramlee yang termasuk Datuk Senu Abdul Rahman. Bila Yusof Surya sebut nama P. Ramlee supaya memberi ucapan, beliau terus pergi ke pentas dan bermula dengan katanya, "Malam ini saya tidak dibenarkan menyanyi, kerana sahabat lama saya, Encik Khir kata beliau seronok dengan dah lama tak bersama dengan saya. Kalau tak percaya tanya Encik Khir," ucap P. Ramlee. Semua orang pandang kepada Khir Johari, sambil bertepuk tangan. P. Ramlee meneruskan ucapannya yang sukar dilupa oleh kawan-kawannya. Kata beliau lagi, "Kalau kita susah tidur sebabnya tak ada bantal, kalau senang tidur, kita berbantal dan bertilam. Jika kita bangun dari tidur, adakah bantal itu ikut sama?" Semua orang diam dan P. Ramlee meneruskan ucapannya lagi, "Siapa pergi kerja bawa bantal bersama, tak ada bukan? Tidur sedap, tapi bila tak perlu tinggal begitu. Tidur berbantalkan lengan, tak sedap tidur, tapi kemana pergi pun lengan ikut, mati pun dia ikut. Siapa mati bawa bantal? Tak ada kan? Begitulah antara sahabat dan kawan, antara isteri dengan bini serta antara perempuan dengan wanita. Betina pula lain, namanya betina dan bunyinya pun kasar". Semua orang tepuk tangan, ada yang mengatakan paduan sukar dicari.

Dalam ucapannya P. Ramlee terus berkata "Saya keluar dari Singapura, tanpa teman yang mengadakan parti begini. Encik Khir, bukan orang wayang tetapi sanggup bersusah payah mengadakan parti pertemuan begini. Kalau selalu diadakan seperti inikan bagus untuk mendekati antara satu sama lain. Merapatkan persahabatan, saya diundang selalu, tak payah saya keluarkan duit untuk pergi ke night Club. Duit boleh buat main majung". Semua yang hadir ketawa mendengar ucapan P. Ramlee. Akhir kata beliau mengucapkan

jutaan terima kasih kepada Encik Khir Johari dan meminta beliau bangun supaya semua para tetamu beri tepukan kepadanya.

Apabila selesai parti itu kira-kira jam dua pagi, P. Ramlee mengajak kawan-kawannya seperti S. Sudarmaji, Samat juga Saloma, dan saya termasuk Yusof Bujang, pemandunya, pergi makan di Brickfield. Di sana beliau banyak mencurahkan perasaannya terhadap kawan seperjuangan dengannya di Studio Jalan Ampas, Singapura. Kata P. Ramlee, "Aku sebenarnya sayang hendak tinggalkan Studio Jalan Ampas. Aku dikenali ramai sebab studio tersebut. Masa aku mula dulu, tak ada apa hinggakan menjadi studio yang cantik. Mula aku masuk dulu gaji aku tujuh puluh ringgit sebulan. Aku buat bermacam-macam kerja dalam studio tetapi hati aku rasa seronok, pasal kerja tak ada gangguan, tak ada yang gila kuasa, tak ada itu tak boleh dan ini tak boleh. Bila ada yang sesetengah yang menunjuk pandai, mulalah itu tak boleh, kerja lebih tak boleh, yang si bahlol ikut. Mana *company* mahu setahun sampai tiga kali minta naik gaji. Apa studio tu bapak kita punya?" Cara P. Ramlee bercakap seperti orang marah. Seterusnya kata beliau, "Tiga puluh ribu satu gambar aku tinggal. Terlalu sakit hati, dengan perangai pekerja yang ikut telunjuk Union, bila kena berhenti kerja barulah padan muka. Kalau kena berhenti kerja, adakah Union akan beri makan pada anak-bini? Mampus kebuluran!" Perbualan P. Ramlee seolah-olah hendak lepas geram terhadap kawan yang tak setia kepadanya. Setelah kedai mahu tutup barulah P. Ramlee berhenti bercakap. Kalau kedai itu tidak ditutup mungkin banyak lagi cerita yang beliau keluarkan.

Itu adalah perangai P. Ramlee. Selalu bila Saloma ajak pergi tempat keramaian parti, beliau memang malas hendak bersiap. Tetapi bila sudah pergi dan mula berbual, beliau tak ingat hendak pulang ke rumah pula. Pernah juga Saloma tertidur dalam kereta, sambil menunggu P. Ramlee habis berbual semasa berjumpa dengan kawan. Pada masa itu, Samat dari Art Gallery mengajak P. Ramlee makan di rumahnya di Jalan Ampang. Setelah selesai makan, Samat dan dua tiga orang rakan lagi mendengar P. Ramlee bercerita sambil minum hingga ke pagi. Selalunya Saloma tak tahan lalu tidur dalam kereta. Isteri Samat pernah ajak Saloma tidur dalam bilik tetapi Saloma segan.

Apabila siap keseluruhannya filem 'Si Tora Harimau Jadian', pihak studio pegawai penerangan. Wahab Yusof menjemput semua wartawan akhbar. Ketika itu majalah belum ada di Kuala Lumpur, majalah yang ada semua keluaran dari Singapura. Yang ada di Kuala Lumpur hanya akhbar harian sahaja.

Ada yang menulis menyatakan P. Ramlee sudah patah sayap bila datang ke Kuala Lumpur kerana tak ada yang membantunya seperti S. Sudarmaji, A. Bakar Ali, Yusof. B dan lain-lain lagi yang sering bekerja bersama beliau semasa dalam penggambaran. Ada pula

yang menulis menyatakan P. Ramlee sudah tak boleh mengarah filem lagi kerana sudah tak ada bahan lagi. Bermacam lagi kecaman terhadap beliau, selepas beliau mengarah filem 'Si Tora Harimau Jadian'. Ini berlaku kerana pengkritik tidak tahu apa barang peralatan filem yang ada di Merdeka Filem Studio dan apa peralatan filem yang ada di Malay Film Production, Jalan Ampas Singapura.

Pada tahun yang sama iaitu 1964, P. Ramlee mengarah filem yang diberi nama 'Ragam P. Ramlee' iaitu tiga cerita dijadikan satu. 'Ramlee dan Saloma' merupakan sebuah cerita muzikal, 'Minta Nombor Ekor' pula cerita komedi dan 'Damaq Purbawara' adalah cerita drama yang pernah dipentaskan semasa P. Ramlee berada di Singapura pada tahun 1961.

Semasa pelancaran filem 'Ragam P. Ramlee', wartawan yang kecam beliau turut hadir pada hari pelancaran itu. Setelah selesai bacaan doa dan makan, P. Ramlee meletakkan tangan beliau ke muka wartawan tersebut sambil berkata, "Engkau orang wartawan hanya pandai mengkritik kelemahan orang. Kamu tahu perbuatan kamu ini? Merosakan orang. Kalau kamu pandai mengkritik, apa kamu boleh mengarah filem dengan baik?. Tahu menulis pelakon itu tak bagus, kalau kamu boleh berlakon dengan bagus, tak apa. Ini kamu hanya tahu menulis, tapi tak tahu membikin. Kamu inilah orang kata rumah siap, pahat berbunyi. Pihak kamu inilah yang paling jahat," kata P. Ramlee kepada wartawan itu. Wartawan tersebut berdiri di depan P. Ramlee tanpa menjawab apa yang dikatakan oleh beliau. "Mula hari ini aku haram wartawan datang menonton filem aku. Kalau wartawan macam kamu ni hendak menonton, pergi ke panggung, bayar duit. Itu baru padan dengan muka engkau. Kita beri menonton *free*, metang ke darah lagi. Kita pula kau hentam," kata P. Ramlee lagi. Lalu beliau suruh wartawan itu pergi.

Di sebelah malam, P. Ramlee berbincang dengan saya mengenai pakaian filem 'Ramlee dan Saloma', tujuh buah lagu kena guna tujuh pakaian. Beliau bertanya di mana tempat hendak tempah baju. Lalu saya memberitahu kepadanya, tempat yang saya tempah baju iaitu di Hawaii Tailor di Setapak. Beliau bertanya kepada saya bagaimana pula hendak pergi ke tempat itu. Saya memberitahu beliau, "Nanti saya bawa satu kot abang, biar tukang jahit ikut ukurannya."

Pada keesokan harinya, saya bawa kot P. Ramlee dan saya suruh tukang jahit ikut ukuran kot itu yang dibuat di Kwo Moheng Tailor Singapura. Bila siap, kot putih satu sut, P. Ramlee cuba dan beliau suka, lalu beliau suruh saya lihat skrip berapa baju dan apa baju yang diperlukan. Ketika itu beliau sedang mencipta lagu untuk filem tersebut. Sambil mencipta lagu beliau berfikir mengenai heroin filem 'Damaq' pula. Beliau berbincang dengan saya, siapa yang layak dijadikan heroin. Saya memberitahu beliau, Saadiah atau Sarimah.

Kata P. Ramlee, "Itu semua orang Union." Saya kata lagi, "Abang lama tak berlakon dengan Kasma Booty?" "Bolehkah? Si Booty ni cerewet sedikit. O.k besok kita pergi ke rumahnya," kata beliau.

Pada pagi esoknya, P. Ramlee bersama saya pergi ke rumah Kasma Booty di Klang Gate. Pada waktu itu Kasma Booty sudah tidak lagi berlakon kerana kontraknya sudah tamat dengan Merdeka Filem Studio. Pihak pengurusan Merdeka Studio Mr. Show Vee Ngok tidak berapa suka pada Kasma Booty, itulah sebabnya bila pengarah seperti Salleh Ghani, Nas Aknas mahu ambil Kasma Booty, pihak studio tidak mahu. Bila kami sampai ke rumah Kasma Booty, kami masuk dan duduk di ruang tamu. Booty bertanya pada P. Ramlee, "Ini tentu urusan penting, kalau pagi begini datang ke mari." "Ya, urusan penting, mahu dibagi rezeki," kata P. Ramlee. "Filem apa mahu dilakonnannya?" tanya Booty.

Sedang P. Ramlee bergurau dengan Booty, Kasma datang dan duduk berbual bersama di ruang tamu rumah mereka. Kasma bertanya pula kepada P. Ramlee, "Cerita apa Bong Ramlee mahu bikin?" "Ceritanya sedikit, bayarannya pun sedikit. Nama cerita 'Ragam P. Ramlee,'" jawab P. Ramlee. "Itu bagus.", kata Booty. "Sebab P. Ramlee hanya satu P. Ramlee. Kebolehannya adalah berbagai ragam dalam bidang seni. Pintar tu nama cerita," kata Booty. P. Ramlee seterusnya memberitahu pada Kasma, nama ceritanya 'Damaq'. "Cerita Purba?", tanya Kasma pada P. Ramlee. Kemudian P. Ramlee meminta Kasma pergi ke studio untuk berjumpa dengan Mrs. Shaw berbincang tentang bayaran. Kasma menjawab, "Esoklah." Setengah hari P. Ramlee berada di rumah Kasma Booty, makan tengahari di rumah Kasma, P. Ramlee seterusnya ke studio dan memberitahu dengan Mrs Shaw yang Kasma Booty menjadi heroin dalam filem 'Damaq', Mrs Shaw cuba menolak, tetapi P. Ramlee berkeras mahu juga Kasma Booty untuk berlakon di dalam filem 'Damaq'.

Akhirnya Kasma Booty berlakon dalam filem 'Damaq'. Sedang P. Ramlee mencipta lagu 'Hancur Badan Dikandung Tanah', Szali datang sambil menyanyi 'Angin Badak Gamba Solo'. P. Ramlee berhenti bermain piano, lalu bertanya kepada Szali, "Jeliboy, apa lagu yang Jeliboy nyanyi ni?" "Lagu daddy lah", kata Szali. P. Ramlee petik mata piano, sambil menyuruh Szali menyanyi. Szali pun menyanyi lagu "Angin Badak Gamba Solo". "Oh, 'Hancur Badan Dikandung Tanah'," kata Szali. Maka perkataan Szali itu digunakan oleh P. Ramlee dalam filem 'Masam-Masam Manis', di mana babak P. Ramlee marah kepada Mariani. Setiap lagu dalam filem P. Ramlee digubah oleh Ahmad Nawab. Beliau juga orang yang mencari pemuzik. P. Ramlee perlu kugiran untuk filem 'Masam-Masam Manis'. Kugiran tersebut adalah untuk dua buah lagu di mana dalam filem tersebut beliau berlakon sebagai penyanyi dan pemain tenor saksafon. Lagu-lagunya ialah 'Ai Ai Twest' dan 'Ku Rindu Padamu'.

Ahmad Nawab mengajak saya pergi berjumpa dengan pemimpin Kugiran Dendang Irama yang diketuai oleh Othman Maulud. Bila saya bersama Ahmad Nawab pulang ke rumah, kami memberitahu pada P. Ramlee, Kugiran Dendang Irama bagus dan ketua kugiran itu boleh membaca nota lagu kerana dia belajar dengan Jaafar Haris, juga seorang ahli muzik kepada P. Ramlee, bila beliau merakamkan lagu untuk filemnya.


Othman Maulud, ketua Kugiran Dendang Irama, bimbang hendak bermain di depan P. Ramlee, kerana takut salah di hari rakaman. P. Ramlee memberitahu kepada Othman Maulud, "Apa kau takut? Apa hendak takut, kalau salah buat lagi. Tak ada pemuzik yang tidak buat salah, kadang-kala yang tulis nota pun salah, kalau nota tu salah kau main pun salah. Kau ni ibarat pelajar. Aku dulu buat lagu pergi tanya Yusof B, pergi tanya Osman Ahmad. Ada juga yang salah. Kita kena cari kesalahan itu, kemudian kita perbetulkan apa yang salah. Yusof B adakalanya dia tulis lagu, kemudian dia suruh aku perbetulkan, di mana mahu bagi sedap, di mana mahu bagi lembut. Bukan buat lagu ikut siap; siapa pun boleh buat, tak payah baca nota pun boleh mencipta lagu. Tapi hendak gubah setiap lagu tu yang susah," kata P. Ramlee kepada Othman Maulud dan ahli kugiran Dendang Irama.

Bila siap filem 'Masam-Masam Manis', P. Ramlee minta supaya pegawai penerangan, Wahab Yusof, mengadakan pertunjukan pentas sebelum filem tersebut dimulakan. Permintaan beliau disetujui oleh pihak Merdeka Filem Studio. Bila filem tersebut ditayangkan di panggung Capitol Kuala Lumpur, P. Ramlee bersama kugiran Dendang Irama dan pelakon filem 'Masam-Masam Manis' mengadakan pertunjukan pentas. Sambutan lebih baik dari filem pertama iaitu 'Si Tora Harimau Jadian'.

Pada malam pertama, ramai wartawan yang datang menonton filem tersebut kerana P. Ramlee tidak mahu *preview* kepada wartawan. Ada wartawan menulis filem 'Masam-Masam Manis' lebih baik dari filem 'Si Tora' dan ada juga menulis P. Ramlee ikut penyanyi pop 60 an. Ketika itu lagu pop 60 an atau dikenali juga sebagai pop yeh yeh, sedang hangat menuju ke alam seni suara. P. Ramlee menjawab apa yang ditulis oleh wartawan, tetapi jawapannya bukanlah dalam akhbar harian, melainkan dalam sebuah majalah keluaran Singapura. Jawapan P. Ramlee dalam majalah tersebut berbunyi, "Saya tak ikut sesiapa. Saya membuat lagu atau filem untuk memberi kepuasan kepada setiap penonton yang telah membayar untuk pergi menonton filem. Tak ada siapa yang mencipta yang asli, semua ada satu pedoman dari ciptaan orang lain. Orang itu curi idea, tetapi dari mana, kita tak tahu. Pop ada bermula dari Barat seperti 'The Beatles'. Saya pernah buat lagu pop dengan menggunakan tiga gitar, satu drum, dalam filem 'Tiga Abdul. Waktu itu belum ada lagi penyanyi pop. Bagaimana wartawan kata saya ikut penyanyi pop? Sedangkan saya buat lagu pop lebih dulu dari dia. Bagaimana agaknya wartawan tulis saya meniru penyanyi

pop? Apa, wartawan tu tak ada telinga? Kalau mahu menulis pasal seni kita harus tahu tentang seni, jangan pakai tulis buta semata-mata."

Ketika itu lagu pop yeh yeh sedang berkembang pesat dan melanda seluruh negara, setiap corong radio dengan penyanyi pop yeh yeh. Jarang-jarang sekali kita dengar lagu-lagu pop nyanyian P. Ramlee, R. Azmi, Saloma dan penyanyi lain. P. Ramlee turut merakamkan lagu dalam filem 'Masam-Masam Manis' di Singapura, kerana beliau masih mempunyai kontrak dengan Syarikat Rakaman EMI Singapura.



Arahan
P. Ramlee

Pelakon
P. Ramlee,
Rosmawati,
Mahmud
June,
Minah
Hashim,
Fadziyaton.



HARIMAU JADIAN



Filem "Si Tora Harimau Jadian" adalah filem pertama arahan P. Ramlee di Merdeka Filem Production, Ulu Klang, Kuala Lumpur pada tahun 1964. Filem ini membawa kejatuhan pada nama beliau dalam dunia perfileman. Seluruh wartawan menuduh P. Ramlee telah patah sayap, tanpa sokongan dari rakan-rakan dari Singapura. Yang sebenarnya sewaktu beliau mula mengarah filem di Merdeka Filem Production, Kuala Lumpur, peralatan filem yang dipakai amatlah berbeza seperti mana peralatan filem di Studio Jalan Ampas, Singapura. Peralatan filem di Merdeka Filem sudah uzur dan ketinggalan zaman. Peralatan filem yang ada tidak cukup untuk membuat sebuah filem yang baik dan peruntukan perbelanjaan yang disediakan oleh pihak Studio Merdeka untuk sesebuah filem amatlah terhad. Para pekerja pun tidak mahir dan juga kakitangan tidak mencukupi. Jadi seluruh filem tersebut ditangani sepenuhnya oleh P. Ramlee. Tetapi P. Ramlee adalah pengarah filem yang memiliki kebolehan yang tidak ada pada pengarah lain. Jika pengarah lain yang telah lebih dulu bekerja di Studio Merdeka tidak sanggup mengarah dengan baik disebabkan peralatan yang tidak memadai, tetapi tidak pada P. Ramlee. "Jika akhbar menyatakan saya tidak boleh mengarah filem dengan baik tanpa bantuan rakan di Singapura. Kita lihat siapa yang bantu saya, boleh berdiri tanpa saya?" Demikian kata P. Ramlee. (Artikel dalam Mastika Filem).



Dr. Justie Su'ud sedang berbual dengan P. Ramlee dan Jamil Sulong ketika beliau mengunjungi rumah P. Ramlee di Singapura.

Saloma, P. Ramlee dan Ahmad Jais bersama dua peminat ketika mengadakan pertunjukan pentas.



Sebelum memulakan penggambaran, P. Ramlee berbincang bersama crew, dan juru suara serta pelakon yang mengambil bahagian. Salleh Ghani turut mendedengarkan perbualan P. Ramlee ketika beliau melakukan penggambaran filem 'Si Tora Harimau Jadian'.



P. RAMLEE dan AHMAD NAWAB

P. Ramlee dan Ahmad Nawab sudah saling mengenali satu sama lain sejak dari Pulau Pinang lagi. P. Ramlee berhijrah ke Singapura untuk menjadi pelakon, pencipta lagu, penyanyi dan pengarah filem. Manakala Ahmad Nawab terus berjuang dalam seni muzik di Pulau Pinang sebelum berpindah ke Kuala Lumpur. Mereka bekerjasama semula dalam dunia seni di Kuala Lumpur pada tahun 1964, ketika P. Ramlee memulakan penggambaran filem 'Si Tora Harimau Jadian'.



*Apabila P. Ramlee mencipta lagu untuk filem 'Si Tora Harimau Jadian', beliau mencari Ahmad Nawab. Ketika itu Ahmad Nawab bertugas di RTM sebagai pemain muzik. P. Ramlee pergi ke rumah Ahmad Nawab untuk menyerahkan **chord** lagu untuk digubah oleh Ahmad Nawab dan meminta Ahmad Nawab untuk mencari pemain muzik untuk rakaman seterusnya. P. Ramlee memberi peluang kepada Ahmad Nawab untuk mencipta lagu bagi filem arahnya. P. Ramlee turut memuji lagu ciptaan Ahmad Nawab yang bertempo Bossanova. Itu adalah satu kelebihan Ahmad Nawab. Dalam filem 'Masam Masam Manis', Ahmad Nawab meniup tenor saksofon.*





P. RAMLEE • ROSEYATIMAH

ANAK BAPAK

dalam bidang MERDEKASCOPE
dengan
A. R. TOMPEL • IBRAHIM DIN • NORAN NORDIN
memperkenalkan RUMINAH SIDEK



Film
Anak Bapak
1968

Arahan pengarah dan seniman pujaan
P. Ramlee






P. Ramlee dan Saloma

*Siri 'Ragam P. Ramlee',
satu filem dan nyanyian dari
P. Ramlee dan Saloma.
Lagu ciptaan dan gubahan
P. Ramlee*



*Filem komedi
'Minta Nombor Ekor'
dalam siri
'Ragam P. Ramlee'*





Filem 'Damaq'
Karya H.M. Rohaizad
Arahan P. Ramlee
Dalam siri 'Ragam P. Ramlee', 1965

Cerita 'Damaq' pernah dipentaskan di Singapura dan sambutanannya amat luar biasa. P. Ramlee menggabungkannya dalam siri 'Ragam P. Ramlee', dan beliau berlakon bersama Kasma Booty. Bagi Kasma Booty, 'Damaq' adalah filem terakhir lakonan beliau. Beliau mula berlakon pada usia empat belas tahun. Kerana lakonan Kasma yang memukau dalam filem 'Cempaka', membuat filem Melayu diminati ramai. Cempaka ialah filem pertama lakonan beliau keluaran Merdeka Filem Production pada akhir tahun 1947.

Pada tahun 1950, P. Ramlee buat pertama kali menjadi hero dalam filem 'Bakti' arahan L. Khrishnan. Beliau berlakon bersama Kasma Booty, sejak dari itu nama P. Ramlee dan Kasma Booty menjadi sanjungan seluruh peminat filem Melayu.

Kasma booty berpindah dari Merdeka Filem Production ke Kris Film kemudian ke Merdeka Studio. Ketika kontrak beliau dengan Merdeka Studio tamat, beliau tidak berlakon selama lebih dari dua tahun sehinggalah P. Ramlee menawarkan beliau berlakon dalam filem 'Damaq'. Sukar bagi Kasma hendak menolak, kerana Kasma dengan P. Ramlee sudah saling mengenal semenjak tahun 1946 di Pulau Pinang. Pada masa itu rombongan 'Rayuan Asmara' tiba dari Medan, Indonesia dan membuat pertunjukan di Pulau Pinang. Kasma Booty ialah penyanyi dari rombongan 'Rayuan Asmara', manakala P. Ramlee adalah penyanyi dari rombongan 'Teruna Sekampong'. Kemudian kedua rombongan tersebut bersama mengadakan persembahan di Pulau Pinang. Di atas pentas itulah Kasma dan P. Ramlee mula berjumpa.

Semasa P. Ramlee mula sampai di Singapura, di rumah Kasma lah tempat P. Ramlee menumpang makan minum, kerana itu hubungan mereka adalah seperti saudara.





*Arahan
P. Ramlee*

*Barisan Pelakon
P. Ramlee
Mahmud June
Mariani
Radin Sudiro
Minah Hashim*


*Memperkenalkan
Sharifah Hanim*



FILEM
**MASAM
MASAM
MANIS**







P. RAMLEE KEHILANGAN PEMINAT

Pada tahun 1966 diadakan pertunjukan 'Malam Tiga Ramlee' yang terdiri dari P. Ramlee, L. Ramlee dan A. Ramlie. Pertunjukan dimulakan dengan penyanyi pop A. Ramlie yang menyanyikan dua buah lagu, dan tepukan sepenuh-penuhnya di seluruh dewan di Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kemudian diikuti pula oleh L. Ramlee, dan sambutannya sama seperti kepada A. Ramlie. Kemudian ketika juruacara sebut nama P. Ramlee. Anak muda yang telah memenuhi dewan mula menyeru boo... kepada P. Ramlee. P. Ramlee pun berdiri di depan penonton, tetapi tidak menyanyi dulu. Beliau berkelakar dan penonton pun ketawa. Para penonton yang duduk di depan, terdiri daripada orang-orang terpelajar termasuk orang-orang kenamaan. Apabila P. Ramlee sendiri memberitahu yang beliau akan menyanyikan sebuah lagu berjudul 'Ai Ai Twest', penonton terpelajar memberi tepukan kepada beliau. Kemudian diikuti pula oleh pemuda-pemudi yang memberi tepukan. P. Ramlee menyampaikan dua buah lagu pop juga. Pada ketika itu nama P. Ramlee mula menurun dan peminat sudah tidak mahu terima beliau sebagai bintang dan penyanyi kerana anak muda masa itu lebih berminat kepada penyanyi-penyanyi muda.

Pada tahun yang sama, P. Ramlee diundang sebagai penyanyi jemputan kepada artis dari Indonesia seperti Titiek Puspa, Dara Puspita dan beberapa orang lagi penyanyi dari Indonesia. Pertunjukan diadakan di Stadium Chin Woo, Kuala Lumpur. Pada malam tersebut, sedang P. Ramlee menyanyikan sebuah lagu berjudul 'Jangan Tinggal Daku', terdengar pekikan dari penonton yang meminta supaya beliau balik. Setelah selesai beliau menyanyi, beliau pergi ke belakang pentas dan berbual dengan kawan-kawannya serta juga penyanyi dari Indonesia. Titiek Puspa, penyanyi dari Indonesia berkata, "Kenapa di Malaysia ini penonton tak mahu hormat pada orang yang paling popular? Apakah kerana sudah tua gitu? Kalau di Indonesia walaupun sudah tua masih bagus dan di hormati lagi. Apa kira kalau tak ada yang tua, bagaimana mahu ada yang muda?"

Pada keesokan harinya, Ivo Nilakrishna datang ke rumah P. Ramlee. Ivo berbual panjang dengan P. Ramlee. Ketika itu konfrontasi baru sahaja tamat dan orang-orang Indonesia banyak berdatangan ke Malaysia. Perbualan P. Ramlee bersama Ivo Nilakrishna adalah mengenai seni. Sedang P. Ramlee dan Saloma berbual bersama Ivo di rumah P.

Ramlee di Jalan Bunga Kantan, Kasma Booty datang bersama suaminya, Booty. Mereka berbual panjang dan Booty bertanya pada Ivo, bila beliau akan pulang ke Indonesia. Ivo menerangkan yang beliau akan ke Singapura terlebih dahulu sebelum balik ke Indonesia. Booty mengajak Ivo mengadakan pertunjukan di Kampar, Perak pada malam esoknya. Ivo setuju. P. Ramlee bersama Saloma juga turut diundang oleh Booty ke Kampar.

Pada malam pertunjukan di Kampar di mana A.R.Tempel turut serta, P. Ramlee bertemu dengan beliau setelah sekian lama tidak berjumpa. Sebelum pertunjukan dimulakan P. Ramlee dan A.R.Tempel berbual dan masing-masing berkelakar. Dengan itu timbul satu ilham untuk membuat lawak pada malam tersebut. Sambil berbual P. Ramlee tanya kepada A.R.Tempel sama ada beliau mahu berlakon lagi. Tempel jawab, "Kalau director panggil pelakon boleh saja. Kan kita orang seni, cari makan dengan seni, tak ada seni kebuluranlah kita semua."

P. Ramlee meminta Tempel datang ke rumahnya dan Tempel pula tanya, "Sekarang apa gambar mau *shooting*?" "Mahu mula 'Sabarudin Tukang Kasut', nanti you datang boleh kita tukar fikiran", kata P. Ramlee kepada Tempel. P. Ramlee terus berkata, "Fikiran boleh bertukar, tapi duitnya tak boleh ditukar, malam ni bila bayarannya?" Tempel jawab, "Iu tanya tokeh tu...tu." Tempel tunjuk ke arah Booty. Booty pula jawab, "Kerjanya belum, sudah dah tanya bayaran. Habiskan kerja dulu, bayaran nanti dibereskan kemudian. Bisa begitukan?" kata Booty. P. Ramlee pula menjawab, "Bisa diatur. Bayarannya belum tentu, kerjanya mesti dibereskan". Mereka semua ketawa kerana pergurauan itu. Berbual sambil bergurau, itu sudah biasa apabila P. Ramlee bertemu Booty dan bertambah lagi bila Tempel ada bersama. Jika tidak di pentas orang yang mendengar pun akan ketawa. Apatah lagi bila P. Ramlee, Tempel dan Booty berlawak di pentas; penonton tentu tak tutup mulut, ketawa berdekah-dekah. Dari situ P. Ramlee bercantum kembali dengan A.R.Tempel yang setelah sekian lama tak bersama semenjak filem 'Aloha' yang dibuat pada tahun 1950.

Bila P. Ramlee buat filem 'Sabarudin Tukang Kasut', Jah Tempel, isteri kepada A.R.Tempel turut berlakon dalam filem tersebut. Sedang penggambaran filem 'Sabarudin Tukang Kasut' ada pula orang dari Pahang yang hendak memberi anaknya kepada P. Ramlee. Yang memberitahu kepada P. Ramlee ialah Hashim Hamzah, Penolong Pengarah kepada P. Ramlee bagi setiap filem arahan beliau di Merdeka Filem Studio. Radin Sudiro bersama Hashim Hamzah pergi mengambil bayi tersebut di Hospital Besar Kuala Lumpur. P. Ramlee memberi wang kepada Hashim sebanyak tiga ratus untuk diberi kepada bapa bayi sebagai duit ubat. Bila bayi tersebut dibawa pulang ke rumah P. Ramlee di Jalan Bunga Kantan, P. Ramlee menyuruh saya bersama Hashim Hamzah pergi ke Balai Polis Setapak, untuk mendapatkan surat beranak. Beliau menulis satu surat supaya pihak yang menulis surat beranak tidak salah. Dalam kertas yang ditulis oleh P. Ramlee disebut, nama

anak, Sabarudin Ramlee Bin P. Ramlee, kerja bapa sebagai Pengarah dan Pelakon Filem. Nama ibu, Salmah Binti Ismail. Kemudian ternyata pihak polis salah tulis iaitu Sabarudin Ramli Bin P. Ramlee.

P. Ramlee tidak mahu menanggukhan keluaran surat beranak itu, kerana telah terjadi ke atas Sazali, semenjak dari kecil lagi tidak mempunyai surat beranak. Ini adalah disebabkan Norizan tidak mahu mengaku Sazali sebagai anaknya. Bila P. Ramlee bercerai dengan Norizan dan Sazali sudah lebih usianya untuk ke sekolah, Norizan masih tak mahu menerima Sazali sebagai anaknya. Padahal ketika P. Ramlee tinggal di Jalan Bunga Kantan, Sazali pada setiap hari pergi ke rumah Norizan yang tinggal tak jauh dari rumah P. Ramlee. Rumah Norizan berdekatan dengan rumah Mahmud June sebagai guru Al-Quran kepada Sazali. Setiap malam Sazali pergi mengaji di rumah Mahmud June. Sebanyak tiga kali P. Ramlee menyuruh saya pergi bertanya pada Norizan supaya beliau bersetuju untuk dimasukkan dalam surat beranak Sazali, bahawa beliau adalah ibu Sazali. Tetapi Norizan tidak mahu bersetuju sama sekali dengan cadangan itu.

Selepas membuat lagu 'Gelang Suasa', P. Ramlee berbincang dengan saya mengenai surat beranak Sazali. Beliau berkata, "Siapa yang aku hendak taruk sebagai mak Jeliboy?" Saya tanya pada beliau, "Siapa ibu-bapa Jeliboy sebenarnya?" P. Ramlee diam, tak menjawab. Tanya saya lagi, "Surat beranak asal di mana?" P. Ramlee jawab dengan geram, "Pasal mak tak adalah yang susah Jeliboy ni! Bapak ada." Saya tanya lagi, "Siapa bapaknya?" "Akulah, siapa lagi. Kalau Jeliboy anak aku, aku bapaknya, bodoh!". Saya pun diam, kaki P. Ramlee bergoyang semakin laju dan matanya pun semakin kecil. Saya bangun dari tempat duduk saya lalu pergi ke dapur dan ambil segelas kopi sejuk. Saya bawa kepada P. Ramlee, lalu beliau minum kopi itu. Tak lama kemudian Saloma pun pulang dari kerja Kelab Malam, P. Ramlee berubah menjadi riang.

Selepas Saloma menukar pakaian beliau keluar dan duduk bersama P. Ramlee dan saya. P. Ramlee memberitahu Saloma yang dia sakit dada. Saloma berkata, "Lebih baik you pergi *check-up*, kalau-kalau ada lemah jantung, sebab you ni terlalu gemuk". P. Ramlee menjawab, "Mana I ada sakit jantung? Kalau hendak suruh I kurus tak payah makan. Yang kerja siang malam ni untuk apa? Kalau tak boleh makan?" Dengan lembut Saloma menjawab, "Tidaklah, bukan tak boleh makan langsung, tapi jangan makan terlalu banyak. I tengok you bila dapat kari ikan kering, tiga empat kali tambah". "Itu yang sedap," kata P. Ramlee.



Gambar atas:

Gambar diambil ketika Sazali hendak bersunat di rumah kawan P. Ramlee, Bai Rahim, di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Berdiri dari kiri: Zaiton, isteri Bai Rahim, Saloma, Sazali, P. Ramlee, Bai Rahim.

Duduk dari kiri: Anak Bai Rahim, Zazaloma, Sabarudin dan anak Bai Rahim.



Gambar kiri dan bawah:

P. Ramlee bersama rombongan di Brunei pada tahun 1966. Beliau bersama Saloma bersama rombongan berada di Brunei selama tiga hari kerana mengadakan pertunjukan pentas atas jemputan kerabat DiRaja Brunei.





Pertama dan terakhir P. Ramlee mengadakan rancangan hiburan di Televisyen Malaysia, 'Inilah Rancangan Varia', pada awal 70 an.



Sabarudin Tukang Kasut

Arahan P. Ramlee

Para pelakon:


**P. Ramlee, Saloma, Mahmud June, Jah
Tempel, Osman, Radin Sudiro, Jamal
Muhamad dan Ibrahim Din.**



SABARUDIN TUKANG KASUT

Filem
PATAH HATI





LEBEH DUA PULUH TAHUN AKU BERKECIMPONG DALAM DUNIA FILEM SA-BELIM AKU BERSARA AKU INGIN MELIHAT WUJUD-NYA SA-ORANG P. RAMLEE BARU. AKU INGIN MELIHAT BAKAL SENIMAN MUDA PENGANTIKU ITU SA-LAIN PUNYA BAKAT BERLAKON JUGA PUNYA SUARA YANG BAIK SAPERTI ANDA.



**SIAPA
BAKAL**

PENGGANTI-KU?

**PERJUANGANKU
DI DALAM
DUNIA PERFILEMAN
BELUM TAMAT LAGI**



Harapanku untuk melihat filem Melayu tegak berdiri megah disanjung oleh masyarakat seperti zaman gemilangnya P. Ramlee dan Kasma Booty, Sa'adiah, Normadiah, Siput Serawak, Nordin Ahmad, Ahmad Mahmud dan lain-lain pelakon filem Melayu beberapa tahun dahulu. Selagi nadi bergerak kencang, selagi tubuh masih bermafas, selagi itulah perjuanganku. Belum puas, selama itulah aku rasa aku akan memperjuangkan cita-cita yang aku bawa dari kampung kira-kira dua puluh tahun yang lalu. Ya, aku dua puluh tahun yang lalu cuma budak kurus yang melarat, hidup terumbang-ambing. Aku menyanyi seperti pop muda hari ini. Cuma bezanya anda berjuang dalam satu angkatan yang ramai, aku berjuang cuma sendirian. Banyak orang berkata 'tuah lah' yang menyebabkan aku tercampak di studio dan merempuh zaman kegemilangan, disanjung dan dipuji tetapi tuah itu sebenarnya tidak akan datang pada diriku seandainya aku tidak berusaha, tidak mempunyai cita-cita yang besar, juga jika tidak mempunyai azam yang teguh untuk menghadapi dugaan di sekeliling. Aku tersenyum bila mengenang masa jadi orang muda dahulu, aku diburu oleh setiap peminat dan pakailanku, rambutku, gaya suara ku jadi ikutan anak muda. Kini aku sudah tua, aku mahu bersara dari berlakon dan menyanyi. Satu ganjil cita-cita ku sebelum dunia seni aku tinggalkan aku mahu lihat wujudnya seorang P. Ramlee baru dalam dunia perfileman. Tapi siapakah yang muncul sebagai P. Ramlee masa depan? Anak muda yang mahu jadi bintang filem memang banyak. Tetapi tidak ada penuh syarat-syarat sebagai seorang bintang. Aku ingin melihat anak muda yang bakal menggantikku sebelum kutinggalkan dunia perfileman.

(Dipetik dari majalah keluaran Singapura).

Filem 'Panggilan Pulau', 1954



Filem 'Anjoran Nasib', 1952



Filem 'Bukan Salah Ibu Mengandung'





P. RAMLEE PERGI BERJUMPA DOKTOR

Slepas tiga hari dari hari yang P. Ramlee mengatakan dia sakit dada, beliau mengajak saya pergi berjumpa doktor di Kampung Baru. Saya bersama beliau pergi ke Kampung Baru dengan menaiki kereta kepunyaan Saloma. Bila tiba sahaja di Kampung Baru, P. Ramlee ternampak papan tanda di sebuah rumah kedai, 'Doktor Salmah Ismail'. P. Ramlee kata, "Itu doktor, kakak kau". Saya tanya P. Ramlee, "Mana?" "Itu! Doktor Salmah Ismail", kata P. Ramlee. "Mungkin doktor ni bagus," kata P. Ramlee lagi. Lalu beliau berhentikan kereta dan berjumpa dengan Doktor Salmah. Setelah P. Ramlee diperiksa oleh Doktor Salmah, saya bersama P. Ramlee pulang. Dalam perjalanan pulang P. Ramlee berkata, "Apalah doktor kasi orang takut". "Apa pasal?" tanya saya kepada beliau. "Doktor suruh aku pergi berjumpa doktor selalu untuk periksa jantung. Tak payah buat kerja lain, periksa jantung saja. Kalau hendak mati tak payah sakit jantung, mati juga," kata P. Ramlee.

Pada tahun 1964, pernah saya ditinggalkan oleh P. Ramlee di Klinik Kok Kayan di Jalan Ipoh. Waktu itu, P. Ramlee sakit kaki kerana terseliah semasa bermain sepak takraw, Zoo Negara lawan dengan Kampung Baru di mana Bab Mustapa bermain bersama. Ketika itu Bab Mustapa belum berlakon dan nama beliau sebenarnya ialah Mustapa Baba, adik kepada Rosmawati. P. Ramlee lah yang menukar nama Mustapa Baba kepada Bab Mustapa. Bila kaki P. Ramlee menjadi bengkok setelah terseliah, Tompel datang ke rumah beliau. Melihat kaki P. Ramlee bengkok, Tompel suruh balut kaki beliau dengan halia dan minyak tanah. Bila dibalut, pada keesokan harinya P. Ramlee kata kakinya terasa sakit. Bila saya buka saya dapati kaki beliau sudah tanggal kulit dan hendak menjadi kudis.

Pada malam itu juga saya bawa P. Ramlee pergi ke Klinik Kok Kayan di Jalan Ipoh untuk berjumpa doktor keluarga. Ahli keluarga P. Ramlee bila tak sihat pergi ke klinik tersebut. Bila sampai di klinik beliau menyuruh saya pergi berjumpa dengan doktor dan beritahu mengenai penyakitnya. Kata beliau kepada saya, "Kau masuk jumpa doktor, kasi tahu sakit aku; kaki luka, dan kau tanya sekali kalau sakit luka kena *inject* tak?" Saya pun masuk ke bilik doktor dan berjumpa dengan doktor untuk memberitahu penyakit P. Ramlee. Doktor itu memberitahu saya kalau mahu cepat baik kena cucuk. Kata doktor pada saya, "Jangan kasi tahu sama dia kena *inject*, tunggu dia masuk, sesudah saya periksa, nanti saya capak". Bila

saya keluar sahaja dari bilik doktor, saya dapati P. Ramlee tidak ada dalam klinik lagi. Bila saya lihat keretanya pun sudah tak ada lagi. Saya telefon ke rumahnya, tetapi beliau tidak ada. Saya tunggu sepuluh minit dan telefon lagi dan P. Ramlee yang angkat. Beliau tak cakap apa tetapi terus marah kepada saya. Kata beliau, "Kau dengan doktor sama, aku suruh tanya doktor *inject* tak? Kau berpakat. Sudah, balik sendiri." Bila saya balik, saya bertanya pada P. Ramlee, "Kenapa abang balik?" Kata beliau, "Kau ingat aku tak dengar kau berpakat dengan doktor." Saya tanya beliau, "Macam mana abang dengar?" "Aku hendak dekat pintu, dah... kau dengan doktor sama." Saloma pun menjawab, "*Inject* bukannya sakit". "Bukan sakit, tapi jarum tu I tak boleh tengok. Seram," kata P. Ramlee kepada Saloma.

Oleh kerana P. Ramlee takut berjumpa dengan doktor kerana takut kena cucuk, beliau tidak peduli dengan penyakitnya. Beliau terus bekerja seperti biasa, jika ada pertunjukan pentas beliau akan bawa seorang tukang picit badannya. Yang selalu beliau bawa ialah Pak Lah, orang Kelantan yang juga sering membaca doa selamat bila P. Ramlee buat pelancaran filem arahnya. Pak Lah pernah diambil oleh P. Ramlee sebagai pelakon tambahan dalam filem arahnya. Pak Lah memberitahu saya, P. Ramlee telah memasukkan nama saya dalam Insuran di mana nama anak-anaknya berada dalam Insuran tersebut. Lima puluh ribu ringgit adalah untuk semua anak-anaknya termasuk saya dan lima puluh ribu ringgit juga adalah untuk Saloma sahaja. Bila saya tahu nama saya berada bersama nama anak-anaknya dalam Insuran, saya meminta kepada P. Ramlee supaya memotong nama saya kerana saya tak mahu jadi perkara yang tidak baik dengan anak-anaknya nanti. P. Ramlee menerangkan kepada saya, "Tiada siapa yang boleh halang jika nama sudah ada dalam Insuran, masing-masing bahagian sudah dibuat. Aku masuk nama kau supaya dapat kau jaga Jeliboy nanti, bila aku dah mati. Bila aku mati dan Jeliboy masih kecil belum kerja, apa akan terjadi kepada Jeliboy dan Badim? Tuhan saja yang menentukan nasib mereka. Badim, aku tak risau sangat, yang aku risau, Jeliboy tu," kata P. Ramlee.

P. Ramlee berfikir bagaimana hendak mendapatkan surat beranak Sazali. Selepas beliau pulang dari membuat rakaman di Singapura. Beliau tukar kereta dari kereta Dodge kepada Holden Premier. Bila saya tanya kenapa beliau jual kereta Dodge, beliau menjawab keretanya rosak dan untuk baiki kena bayar tiga ribu lebih. Beliau bersama Sazali pergi ke Pulau Pinang untuk mendapatkan surat beranak dan dalam perjalanan pulang beliau dapat kemalangan di tengah jalan. Orang kampung datang menolong beliau. Dalam kemalangan itu P. Ramlee dan Sazali tidak ada cedera apa pun; begitu juga dengan keretanya. Kemalangan itu hanya terbabas kereta. Bila sampai ke rumah P. Ramlee cerita kepada saya, katanya, "Bila kereta berpusing, Jeliboy diam. Dah berhenti kereta, apa Jeliboy cakap? "Daddy bawa kereta macam James Bond." Bila pulang P. Ramlee tukar kereta lain iaitu Volvo bernombor BT 2258.



Gambar kiri:
P. Ramlee bermain organ sambil menyanyi di majlis keramaian di kelab wartawan.

Gambar kanan:
P. Ramlee bersama kereta volvo BT 2258, ketika beliau sedang membuat penggambaran filem 'Di Belakang Tabir' arahan Jins Shamsuddin.



Sabarudin, Saloma dan Zazaloma melihat pameran mengenai P. Ramlee di Muzium Negara.



Gambar atas:
P. Ramlee bersama Sarimah.



Gambar kiri:
Beginilah cara P. Ramlee bila masa makan ketika penggambaran filem siri 'Do Re Mi'. Gambar ini diambil ketika penggambaran 'Nasib Do Re Mi', P. Ramlee bersama A.R. Tompel, Ibrahim Din, Yusof dan Bakar Jaafar ketika makan di sungai belakang Studio Merdeka, Ulu Klang, Kuala Lumpur.

Salome



PEMIKIRAN P. RAMLEE

Antara P. Ramlee dengan Yusof B dan Osman Ahmad terjalin hubungan sahabat karib. Dalam kebanyakan pekerja mahu pun pelakon di Studio Jalan Ampas, walau apa pun terjadi ke atas diri P. Ramlee, Yusof B dan Osman Ahmad tetap akan menyebelahi beliau. Kedua ahli pemuzik itu, pencipta lagu filem Studio Jalan Ampas dan juga tempat P. Ramlee bertanya soal muzik. Suatu hari, bila Yusof B sakit tenat, P. Ramlee dari Kuala Lumpur menaiki kereta menuju ke Singapura untuk menziarahi Yusof B. Dalam perjalanan ke Singapura, beliau berkata, "Kalau buat jalan potong kan dekat, mungkin dalam empat atau tiga jam sudah sampai ke Singapura. Bukan jauh, tapi jalan berpusing sana, berpusing sini. Kalau buat jalan janganlah masuk bandar, seperti bandar Melaka, bandar Muar. Itu yang buat lambat perjalanan. Tapi mungkin sedikit hari lagi, bila Malaysia sudah kaya, jalan mesti dibuat," kata P. Ramlee. Ini adalah satu ramalan P. Ramlee yang betul. Kalau orang tak pernah dengar beliau bercerita atau bercakap tentu orang kata pembohong. Pada orang yang selalu bersama P. Ramlee atau pelakon filem yang selalu bersama beliau semenjak beliau berada di Kuala Lumpur menyatakan pemikiran P. Ramlee terlalu jauh.

Pernah beliau marah kepada saya, pada ketika itu beliau sudah mahu berangkat ke Kuala Lumpur dari Singapura. Kad pengenalan saya hilang, dicuri orang semasa saya *shooting* filem 'Tiga Abdul' di Studio Jalan Ampas. Saya memberitahu P. Ramlee yang saya hendak mengambil kad pengenalan saya. tetapi beliau jawab, "Tak payah ambil, nanti pergi Kuala Lumpur ambil di sana. Memang senang mengambil kad pengenalan Malaysia, kalau Singapura berpecah dengan Malaysia, kau tak susah lagi hendak tukar kad pengenalan kau." Tidak lama kemudian apabila P. Ramlee berada di Kuala Lumpur, Malaysia dan Singapura telah berpecah pada tahun 1965.

Semenjak tahun 1964 hingga tahun 1970, P. Ramlee berulang-alik dari Setapak ke Ulu Klang sebanyak tiga kali sehari. Di sekeliling jalan, sebelah kiri kanan penuh dengan pokok getah. P. Ramlee pernah membuat penggambaran dalam pokok getah seperti filem 'Anak Bapak', 'Do Re Mi' dan beberapa buah filem lagi. Bila beliau berbual dengan pelakon dan para pekerja Studio Merdeka beliau berkata, "Sikit hari nanti kau orang tak dapat lihat pokok ni semua, kau akan lihat rumah batu dekat sini." Sekarang tempat yang P. Ramlee membuat penggambaran ini selalu, menjadi Taman Melawati.



Tempat jatuh lagi dikenang, kini kan pula tempat bermain. Ketika P. Ramlee telah berpindah ke Kuala Lumpur, bila beliau ke Singapura beliau akan pergi ke Jalan Ampas untuk berbual bersama kawan-kawan di kedai kopi. Dalam gambar kiri, P. Ramlee tengah berbual bersama Yusof B., S.M. Salim, Jamal Muhamad, Aziz Sattar, Ibrahim Pendek, Ibrahim Din dan Radin Sudiro.

Gambar kanan
Berdiri dari kanan:
Karim Latiff, P. Ramlee, Manaf Taskin, H.M. Sultan, Norsiah, Omar Rojek, Alis, kawan, Ismail Mahmud dan Mahmud Sore.
Duduk:
Zainudin, Aimi Jarr dan Mustapa A.R.



Gambar bawah:
P. Ramlee bersama Razak Rahman dalam suatu pertunjukan pentas.



P. Ramlee bersama Saloma ketika mereka berdua membuat rakaman.





Berdiri dari sebelah kiri, Faridah Juned, P. Ramlee, Kamariah Nor dan Noryurmalis.

P. Ramlee di pentas taman bunga, Kuala Lumpur. Beliau bergabung tenaga bersama pelawak dan penyanyi dari RTM menghibur lebih dari 20 ribu peminat yang membanjiri taman bunga sempena Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong keempat, DYMM Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah.



Gambar atas:

P. Ramlee sedang menunjuk cara hendak menerima pingat kepada S.M. Salim. Kata P. Ramlee kepada S.M. Salim sambil memasang pingat AMN kepunyaan P. Ramlee, "Lim nanti kau dapat pingat macam aku, nanti Yang DiPertuan Agong pakaikan macam ni."

Gambar bawah:

P. Ramlee sedang memakaikan pingatnya kepada Hamzah Dolmat yang akan menerima pingat AMN di Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong.





P. RAMLEE DITINGGAL IBU TERCINTA

Walaupun bagaimanapun, P. Ramlee tetap berusaha untuk mendapatkan surat beranak bagi Sazali, kerana sudah sampai masa untuk dia bersekolah. Pernah juga saya bertanya kepada beliau, mengapa tidak Saloma saja dimasukkan sebagai ibu Sazali. P. Ramlee menjawab, "Apa! Kau tak tahu. Kakak kau tu tak boleh bertemu muka dengan Jeliboy. Apa yang dia benci sangat dengan Jeliboy aku pun tak tahu," Saya menjawab, "Sama sebagaimana abang tak suka dengan Dian". "Dian tu tak ada kena mengena," jawab P. Ramlee. "Jeliboy ni anak aku," kata P. Ramlee lagi. Sedang P. Ramlee sibuk untuk mendapatkan surat beranak Sazali, beliau mendapat tahu yang ibunya, Che Mah sedang sakit kuat. Sepatutnya malam yang beliau dapat tahu, beliau akan pergi ke Pulau Pinang. Entah apalahnya saya kurang pasti. P. Ramlee bertengkar dengan Saloma dan sambil berjalan keluar dari bilik beliau berkata, "You ni pentingkan mak you, adik-beradik you."

Pada malam itu, P. Ramlee tidak tidur dan tidak buat apa pun. Selalunya jika beliau tidak tidur pada waktu malam, beliau buat skrip atau buat lagu. Pada malam itu beliau hanya termenung. Sekali-sekala beliau gosok mata. Lebih kurang jam lima pagi beliau suruh saya siapkan bajunya, dan dimasukkan ke dalam beg kecil. Beliau suruh bawa baju Melayu satu serta songkok dan suruh saya masukkan pakaiannya ke dalam keretanya. Setelah selesai apa yang P. Ramlee suruh saya buat, saya duduk berbual bersamanya. Pada malam itu kami berdua tidak tidur langsung. Dalam perbualan saya dengan P. Ramlee, saya bertanya kepada beliau, "Bila abang hendak pergi ke Penang? Saya nak ikut abang." "Tak payah" kata P. Ramlee kepada saya. Katanya lagi, "Entah apa nasib aku. Bapak aku meninggal dunia, aku tak dapat berjumpa dengannya. Mungkin mak pun tak jumpa juga." Saya tanya lagi, "Boleh saya ikut abang?" P. Ramlee menjawab dengan sedih, "Tak payah. Kau tengok rumah dan budak-budak. Aku pergi tak lama mungkin satu atau dua hari." Dalam perjalanan P. Ramlee ke Pulau Pinang, ibunya menghembus nafas terakhir. Bila beliau sampai di Pulau Pinang, ibunya sudah meninggal dunia. Beliau merasa begitu sedih dan dukacita sekali kerana tak sempat berjumpa dengan ibunya.

Selepas balik ke Kuala Lumpur, usaha beliau untuk mendapatkan surat beranak Sazali berjaya, dengan nama P. Ramlee sebagai bapak dan Junaidah sebagai ibu. Bila

saya tanya, "Mengapa Junaidah sebagai ibu?" Beliau menjawab, "Junaidah bukan ada di sini." Saya tanya lagi, "Kalaupun apa terjadi pada diri abang, mahukah Nasir terima Jeliboy sebagai adik?" "Tak kan budak-budak tak tahu adik-beradik sendiri, Bin kan sama," kata P. Ramlee kepada saya. P. Ramlee termenung, kemudian beliau suruh saya tutup lampu. Dalam gelap sambil menonton TV saya lihat beliau menggosok matanya, sebagaimana bila beliau menonton filem lakonan sewaktu beliau muda dulu. Lampu dipadamkan. Bila Saloma keluar dari biliknya lalu beliau bertanya, "Kenapa lampu ditutup? Tak bagus menonton TV dengan lampu gelap. Rosak mata," kata Saloma. Lalu beliau buka lampu dan bila lampu menyala dan bilik menjadi terang, P. Ramlee bangun dari tempat duduknya dan masuk ke dalam bilik. Saloma berbisik pada saya, "Kenapa Abang menengis?" Jawab saya, "Entah."

Tidak lama kemudian P. Ramlee keluar dari bilik dan terus bermain piano. Pada malam itu pula tidak ada kawannya yang datang ke rumah; selalunya Wan Chik bersama Daud Hamzah datang berbual dengannya hingga ke pagi. Bila sampai tengah malam Saloma dan semua orang sudah tidur, yang tinggal hanyalah saya bersama P. Ramlee dan kami berbual. Kemudian P. Ramlee masuk ke bilik Sazali dan gosok kepala Sazali.

Setelah ibu P. Ramlee meninggal dunia, beliau mengajak abang tirinya Sheikh Ali datang ke Kuala Lumpur untuk tinggal bersama dengannya. Bila Sheikh Ali ada bersama, beliau mula bermain kuda. Setiap pagi bila P. Ramlee bangun dari tidur pada hari Sabtu, Sheikh Ali tunjuk ajar tentang kuda, hinggakan P. Ramlee sendiri membeli seekor kuda yang dijaga oleh O.M.Nordin. Perbelanjaan untuk memelihara kuda tersebut setiap bulannya ialah tiga ratus ringgit. Sebelum Sheikh Ali, P. Ramlee bertaruh kuda hanya dua ratus setiap minggu. Bila Sheikh Ali ada P. Ramlee habiskan masa dengan bermain kuda dan berbelanja empat atau lima ratus setiap kali ada lumba kuda. Untuk membalas budi Sheikh Ali, P. Ramlee jodohkan beliau dengan Juriah, pelakon tambahan di Merdeka Filem yang juga pernah berlakon filem arahan P. Ramlee.

Di hari perkahwinan Sheikh Ali, tetamu yang datang selain daripada pelakon dan pekerja di Merdeka Filem, termasuk Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor, Datuk Senu Abdul Rahman, dan Mohd Khir Johari. Ketika Sheikh Ali berkahwin, beliau masih belum bekerja dan beliau tidak pernah bekerja, demikian mengikut kata P. Ramlee. Sebelum Sheikh Ali bekerja P. Ramlee tanggung beliau sebanyak tiga ratus ringgit sebulan. Kalau satu dua bulan tak bekerja tidak menjadi apa, kalau sudah lima, enam bulan tentu Saloma akan bertanya kepada P. Ramlee. Kata Saloma, "Daddy oi... berapa lama you hendak tanggung abang you?" "Sampai dia dapat kerja," jawab P. Ramlee. "Macam mana hendak dapat kerja, kalau tak cari kerja?" kata Saloma. Boleh menjadi pertengkaran kecil antara P. Ramlee dengan Saloma, sebab Sheikh Ali.

Perangai P. Ramlee, dengan anak-isteri, sayang hendak memberi duit. Jika orang tidak kena-mengena dengannya P. Ramlee memang tak sayang hendak beri duit. Pernah orang datang dari Pulau Pinang, bertemu dengan P. Ramlee di rumahnya dan menyatakan yang dia saudara kepada P. Ramlee. Orang itu hendak pulang ke Pulau Pinang kerana ibunya sedang sakit kuat. Pada hari itu baru saja saya pulang dari bank ambil duit sebanyak tiga ratus ringgit dan P. Ramlee memberi pada orang itu sebanyak lapan puluh ringgit. Ini berlaku pada tahun 1966.

Selepas seminggu, orang itu datang lagi untuk berjumpa P. Ramlee dan menyatakan bapaknya pula sakit kuat. Beliau hendak pulang tetapi tak ada duit. P. Ramlee beri lagi lima puluh ringgit kepadanya. Yang datang meminta duit daripada P. Ramlee bukan seorang sahaja. Banyak orang dengan berbagai helah dan berbagai cara untuk mendapatkan duit dari P. Ramlee. Itu yang menyebabkan Saloma selalu marah kepada P. Ramlee, kerana beliau percayakan apa yang orang cakap, padahal itu adalah helah untuk mendapatkan duit daripadanya.



**TERBENTANG DALAM BIDANG
MERDEKASCOPE**
Ini-lah kenyataan hidup yang
paling mengharu-kagumkan!



persembahan
MERDEKA
FILM PRODUCTIONS LTD.
K. Lumpur

SESUDAH SUBUH

arahan dan
lakonan
P. RAMLEE



Sesudah Subuh
filem produksi
Merdeka Film
Production, 1967.
Arahan dan lakonan
P. Ramlee.

Bujang Lapok
Filem komedi
pertama arahan
P. Ramlee.
Para pelakon:
P. Ramlee,
Normadiah,
Aziz Sattar,
Zaiton,
S. Shamsuddin.



FILEM TERAKHIR ARAHAN DAN LAKONAN P. RAMLEE

Ketika P. Ramlee sedang dilanda kejatuhan dalam bidang nyanyian, semasa penyanyi pop yeh yeh sedang hangat dan tumbuh macam cendawan, H.M. Shah datang berjumpa dengan P. Ramlee. Beliau menyatakan yang beliau akan mengambil alih Merdeka Studio. P. Ramlee merasa senang hati dengan kenyataan itu. Bila filem 'Sesudah Subuh' hendak dimulakan, pelancaran filem tersebut telah diadakan di rumah H.M. Shah di Petaling Jaya.

Tetapi akhirnya H.M. Shah tidak jadi mengambil alih Merdeka Studio, sebab meski pun tanah kepunyaan H.M. Shah, manakala studio didirikan oleh Ho Ah Loke dan production dikeluarkan oleh pihak Shaw. Ketika itu pula Ho Ah Loke telah menyerahkan Studio Merdeka kepada Shaw, jadi suara Shaw adalah lebih dari H. M. Shah. Walaupun tak jadi H.M. Shah mengambil alih Studio Merdeka, beliau berjanji kepada P. Ramlee untuk membuka syarikat filem.

Sementara itu P. Ramlee masih ada kontrak dengan Studio Merdeka dan beliau terus bertugas sebagai pengarah dan pelakon di Studio Merdeka. Semasa bertugas di Studio Merdeka, beliau pernah ditawarkan untuk mengarah filem keluaran Studio Jalan Ampas, Singapura bagi filem karya Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia pertama. Oleh kerana penulisnya tidak mahu skripnya dipinda, tawaran itu ditolak oleh P. Ramlee.

Apabila Studio Jalan Ampas di Singapura ditutup, ramai pengarah dan pelakon Singapura yang datang ke Kuala Lumpur. Jins Shamsudin yang berlakon dua buah filem di Hong Kong telah membuat *dubbing* di Studio Merdeka, Kuala Lumpur. Kebiasaan perangai P. Ramlee, walaupun beliau marah macam mana sekali pun, kalau orang itu datang berjumpa dengannya, beliau akan lupa pada kemarahannya.

Semasa Jins Shamsudin membuat *dubbing* filemnya, berapa kali beliau datang

berjumpa P. Ramlee di rumahnya, di Jalan Bunga Kantan. Apabila P. Ramlee mengadakan pementasan untuk memungut tabung 'Gilongan', satu drama Cina karya Pak Yem berjudul 'Sampek En Tai' telah diadakan. Beliau memilih Jins Shamsudin sebagai hero dan Sarimah sebagai heroin dalam drama tersebut. Pementasan itu diadakan di Dewan Mara. Selepas itu P. Ramlee mengambil Jins Shamsudin sebagai hero untuk filem 'Kanchan Tirana'. Bila Jins Shamsudin menjadi pengarah filem, filem arahnya yang kedua berjudul 'Bukan Salah Ibu Mengandung' dan filem 'Di Belakang Tabir', P. Ramlee pula sanggup berlakon di bawah arahan Jins Shamsudin. Itulah perangai P. Ramlee, tidak kira siapa pengarah, jika P. Ramlee telah menerima tawaran untuk berlakon.

Pada tahun 1968, P. Ramlee merakamkan tiga lagu ciptaannya dan sebuah lagu ciptaan Kassim Masdor. Ini adalah merupakan rekod yang terakhir bagi P. Ramlee. P. Ramlee suruh saya pergi minta tiga buah rekod tersebut di pejabat EMI, Jalan Haji Hussin tetapi pihak EMI hanya beri satu keping sahaja. P. Ramlee merasa begitu kecewa di atas sikap syarikat rakaman tersebut, kerana semasa lagu P. Ramlee sedang hangat di pasaran, apa yang beliau minta diikuti oleh syarikat tersebut. Pernah juga P. Ramlee bertanya kepada saya, "Apakah suara aku sudah tak laku lagi?" Jawab saya, "Entah, mungkin orang suka yang baru, walaupun muziknya tidak ada *standard*." Pernah juga ada pelakon yang menolak tawaran P. Ramlee untuk berlakon di bawah arahnya. Bagi filem '6 Jahanam', P. Ramlee pernah menawarkan kepada S. Roomai Nor untuk berlakon dalam filem tersebut, tetapi ditolak oleh beliau. Peran beliau digantikan dengan pelakon Yusof Latif.

Semasa penggambaran filem '6 Jahanam', peristiwa 13 May 1969 telah berlaku. Bila kontrak P. Ramlee sudah hampir tamat dengan Merdeka Studio, beliau hanya sempat membuat sebuah filem sahaja, jika kontrak itu tidak disambung. P. Ramlee meminta pada pihak Merdeka Studio untuk membuat filem 'Hidayah' tetapi oleh kerana filem tersebut terlalu banyak belanja, pihak Merdeka Studio tidak meluluskan permohonannya. Ini bererti beberapa kali P. Ramlee gagal membuat filem 'Hidayah'. Nordin Ahmad pernah berkata kepada P. Ramlee, jika dibuat filem 'Hidayah' panggil beliau berlakon, semasa dia datang dari Singapura dan berjumpa P. Ramlee di Jalan Bunga Kantan. Sebulan selepas Nordin Ahmad berjumpa P. Ramlee, beliau meninggal dunia.

Bila filem 'Hidayah' tidak diluluskan oleh pihak Studio Merdeka, maka P. Ramlee berbincang dengan Tompel untuk menyambung siri 'Do Re Mi'. Di ketika itu datang ilham bersama di antara mereka berdua untuk membuat filem berjudul 'Laksamana Do Re Mi'. Semasa filem tersebut dalam penggambaran, kontrak P. Ramlee dengan Merdeka Filem Studio, Ulu Klang tamat.

Segala urusan kontrak P. Ramlee diuruskan oleh pihak Shaw Brothers Singapura,

tidak lagi seperti bila P. Ramlee bertugas dengan Studio Merdeka, di mana urusan antara beliau dengan Studio Merdeka adalah dengan pihak Merdeka Filem sahaja. Sebab Studio Merdeka telah diambil-alih oleh Shaw Brothers daripada Ho Ah Loke dan H.M. Shah.

Bila selesai sahaja penggambaran filem 'Laksamana Do Re Mi', P. Ramlee pergi berjumpa dengan pengurus Merdeka Filem Studio, untuk bertanya mengenai kontraknya. Shaw Vee Ngok menunjukkan surat daripada pihak pegawai penerangan Shaw Brothers. Kandungan surat tersebut berbunyi, 'Kontrak P. Ramlee tidak boleh disambung kerana filem arahan P. Ramlee kesemuanya mengalami kerugian'. Tandatangan surat tersebut ialah dari salah seorang yang panggil P. Ramlee 'Remy'.

Dalam perjalanan pulang dari Studio Merdeka, P. Ramlee berbual dengan saya dalam keretanya yang dipandunya sendiri. Kata beliau, "Kenapa Jaafar Abdullah hantar surat kepada Vee Ngok? Mengapa tidak pihak Shaw sendiri?" Saya pula bertanya kepada P. Ramlee, "Mana abang tahu Jaafar Abdullah yang tulis surat tu?" "Tandatangan dia, aku kenal, lagi pun nama dia ada," kata P. Ramlee. Saya bertanya kepadanya lagi, "Apa rancangan abang sekarang?" Jawab beliau, "Apa lagi, kalau Shaw tak mahu bayar sewa rumah, kena bayar sendirilah. Kalau tidak, pindah saja di Setapak Garden. Nanti pergi tengok rumah Setapak Garden."

Selepas itu saya bersama beliau pergi melihat rumah di Setapak Garden bernombor Q 15. Rumah tersebut pada mulanya kepunyaan Salleh Ghani; oleh kerana Salleh Ghani tak mahu maka dijualnya kepada P. Ramlee. Beliau membayar apa yang Salleh sudah bayar dan yang lain P. Ramlee bayar terus kepada pemaju. Rumah tersebut berharga dua puluh lima ribu ringgit. Perkara itu berlaku pada akhir tahun 1971. Oleh kerana rumah tersebut terlalu kecil, P. Ramlee tidak jadi pindah, walaupun semasa itu keluarga beliau sudah berkurangan.

Ketika itu saya sudah tidak tinggal di rumah P. Ramlee lagi, kerana saya sudah mendirikan rumahtangga, tetapi saya terpaksa pergi berjumpa dengan beliau setiap pagi kerana apa yang beliau perlu hanya saya sahaja yang tahu. Umpamanya pergi ambil duit di bank, pemilihan pakaian jika P. Ramlee mahu pergi membuat pertunjukan. Jika saya tak datang, mata beliau mengecil dan hati mudah meradang. Manakala Ngah pula telah lari bersama dengan Norma, anak Norizan. Semasa itu P. Ramlee masih tinggal di Jalan Bunga Kantan dan Norma pergi dengan pakaian baju sekolah. P. Ramlee masih tidur bila Szalizi beritahu yang Ngah keluar bawa beg kain baju. Beliau melihat kain baju Norma pun tak ada. Bila Suip, anak saudara Mahmud June, pulang dari menghantar anak P. Ramlee dari sekolah di Air Panas, beliau tanya Suip ke mana Norma pergi. Kata Suip, Norma tak pergi sekolah. P. Ramlee terus mengajak saya pergi ke Kuantan. Dengan tidak mandi beliau

terus pergi ke Kuantan dengan menaiki kereta Dodge. Dalam perjalanan ke Kuantan bila sampai di Bentong, P. Ramlee berhenti untuk minum lalu beliau berkata, "Kita ni bodoh hendak cari si Norma. Dia pergi, tanda dia tak suka tinggal di rumah aku. Jika anak aku keluar daripada rumah, jangan harap aku tolong". Apa yang P. Ramlee kata dia kota.

Bila Ngah tak ada, yang menjadi susah ialah tiada orang yang hendak menjaga Sabarudin. Waktu itu dia masih kecil lagi. P. Ramlee minta tolong Mak Minah, isteri Pak Yem. Tidak lama kemudian barulah ada seorang orang gaji dari Bagan Datuk bernama Bahyah. Seluruh isi rumah panggil dia nenek termasuk P. Ramlee. Waktu itu P. Ramlee masih tinggal di Jalan Bunga Kantan lagi. Bila Sazali mula bersekolah darjah satu di Kelang Gate, di waktu petang P. Ramlee berjalan bersamanya ke kawasan di sekitar Taman Furlong. P. Ramlee ternampak rumah untuk di sewa di Jalan Dedap. Lalu beliau telefon kepada tuan punya rumah itu. Sewanya ialah dua ratus enam puluh ringgit sebulan dan rumah itu mempunyai empat buah bilik. Lalu P. Ramlee beserta keluarga pindah ke rumah nombor 22 Jalan Dedap, Setapak pada akhir tahun 1971.

Bila kontrak beliau dengan Merdeka Filem tamat, kontrak beliau dengan syarikat rokok pun tamat. Ahmad Pilus yang selalu menghantar rokok brand Lucky Strike bila cukup bulan sudah tak datang lagi. Bermula dari situ P. Ramlee kena keluar wang sendiri untuk membayar sewa rumah, petrol kereta, rokok, yang selama menetap tujuh tahun di Kuala Lumpur didapat secara percuma.



Filem 'Laksemana Do Re Mi', adalah filem terakhir arahan dan lakonan P. Ramlee. Filem ini dibuat pada tahun 1971. Ketika P. Ramlee hendak mula mengarah filem 'Laksemana Do Re Mi', kontraknya dengan Merdeka Filem Production, Ulu Kelang, Kuala Lumpur sudah hendak tamat. Pada mulanya beliau meminta untuk mengarah filem berjudul 'Hidayah'. Oleh kerana perbelanjaan yang diperlukan bagi pembuatan filem tersebut terlalu besar maka pihak Merdeka Filem tidak setuju. Kemudian P. Ramlee bersama A.R. Tompel berbincang untuk membuat filem sambungan siri 'Do Re Mi'. Lalu P. Ramlee menyiapkan skrip dengan secepatnya dan beliau membuat lagu yang sederhana dan memakal sebuah lagu ciptaan beliau ketika menjadi askar dalam tentera Jepun. Bila siap filem 'Laksemana Do Re Mi', kontrak P. Ramlee dengan Merdeka Filem pun tamat. Sejak dari itu P. Ramlee tidak mengarah dan beriakon sehingga ke akhir hayatnya.





NASIB DO RE MI




Cerita: P. Ramlee dan A.R. Tompel

Arahan: P. Ramlee

Lagu: P. Ramlee dan Ahmad Nawab

Pelakon: P. Ramlee, Ibrahim Din, Mahyon Ismail, Ghazali Sumatri, Idris Hashim, Mahmud June





Cerita dan Arahkan
P. Ramlee

Lagu
P. Ramlee
dan
Ahmad Nawab

Pelakon
P. Ramlee, A.R. Tompel,
Ibrahim Din, Mahmud June,
Idris Hashim, Noran Nordin,
Aminah Hashim, A.K. Jalani.



6 JAHANAM

Arahan P. Ramlee
Keluaran Merdeka Filem 1969



Pelakon: P. Ramlee, Norazizah, Yusof Latif





KANCHAN TIRANA

Cerita dan Arahkan
P. Ramlee

Keluaran
Merdeka Film 1969



P. Ramlee bukan saja terkenal dalam dunia seni, beliau juga mendalami ilmu keagamaan.

Mengikut fikiran P. Ramlee, apa kebolehan yang kita ada ialah anugerah Tuhan. Akal yang diberi untuk berfikir, jika kita tak gunakan sepenuhnya, maka akal fikiran kita akan menjadi lambat. Dengki itu satu amalan yang paling kotor. Dari itu hapuskanlah dengkilah dengki yang terpendam di hati. Bersihkanlah hati supaya selamat di kemudian hari. Ucapan ini sering digunakan oleh P. Ramlee.

Gambar kanan:

P. Ramlee menadah tangan ketika imam membaca doa semasa pelancaran filem arahnya, 'Ibu Mertua ku', 1962.



PELAKON-PELAKON FILEM YANG DIPERKENALKAN OLEH P. RAMLEE

UDA UMAR

Filem 'Penarik Becha' adalah filem arahan P. Ramlee yang pertama. Uda Umar diperkenalkan oleh P. Ramlee semasa mengarah filem ini pada tahun 1955. Uda Umar berasal sebagai pelakon Bangsawan yang menjadi kegemaran P. Ramlee.



JINS SHAMSUDDIN DAN HASHIMAH YON

Jins shamsuddin bersama Hashimah Yon diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Pancha Delima', filem arahan P. Ramlee pada tahun 1957 yang beliau tidak turut berlakon. Selalu beliau turut berlakon dalam filem-filem arahan beliau yang lain. Pancha Delima ialah karya Run Run shaw, tuan punya Studio Jalan Ampas, tetapi tidak ada satu pengarahpun mau mengarah filem tersebut dengan alasan skrip tidak bagus. Lalu Run Run Shaw serahkan pada P. Ramlee. Bila P. Ramlee menerima skrip tersebut yang masih tanpa judul, beliau berkata bahawa apa cerita pun boleh mendapat sambutan bila di olah dengan betul. Kerana dicabar oleh pengarah lain, maka P. Ramlee pun tidak turut berlakon dalam filem arahnya tersebut, semua watak beliau serahkan kepada pelakon baru. Jins Shamsudin, sebagai hero pernah berlakon sebagai pelakon tambahan dalam filem 'Anak Ku Sazali'. Hashimah Yon pernah menjadi penari dalam filem 'Penarik Becha' dan sebagai pelakon tambahan dalam filem 'Anak Ku Sazali'. Filem 'Pancha Delima' mendapat sambutan yang hebat yang mengangkat nama Jins Shamsudin dan Hashimah Yon dalam dunia perfileman.



DAYANG SOFIA

Beliau diperkenalkan oleh P. Ramlee sebagai pelakon filem dalam filem komedi arahan beliau pada tahun 1957, 'Bujang Lapok'.



SRI DEWI

P. Ramlee memperkenalkan Sri Dewi dalam filem 'Sumpah Orang Minyak'. Seorang lagi pelakon baru yang beliau perkenalkan dalam filem arahan beliau pada tahun 1958 ini ialah Marion Willis.



ROSEYATIMAH

Beliau diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Pendekar Bujang Lapok' yang dibuat dalam tahun 1959. P. Ramlee mengenal beliau sejak kecil lagi kerana bapak Roseyatimah, Jasni, ialah seorang penyanyi. Manakala ibunya, Neng Yatimah banyak berlakon bersama P. Ramlee. Nama asal Roseyatimah ialah Rosnah. P.



SARIMAH

Sarimah mula diperkenalkan oleh P. Ramlee ialah dalam filem 'Ali Baba Bujang Lapok', arahan beliau di tahun 1961. Sebelumnya Sarimah pernah diuji bakat oleh pengarah lain tetapi tidak lulus. Tetapi beliau lulus ketika diuji bakat oleh P. Ramlee, kerana P. Ramlee pandai mengarah dan boleh membentuk watak setiap pelakon baru yang mahu berlakon di bawah arahan beliau.



FADZILİYATON

Beliau mula berlakon di dalam filem 'Si Tora Harimau Jadian' arahan P. Ramlee dalam tahun 1964. Fadziliyatton adalah adik kepada Ibrahim Din. Nama asal beliau ialah Zaiton Din. P. Ramlee tukar nama beliau bila mula berlakon dalam filem arahnya, sebelumnya Fadziliyatton tidak pernah berlakon.



SHARIFAH HANIM

Beliau belum pernah berlakon ketika P. Ramlee mula mengenalnya di dalam suatu majlis. Beliau adalah anak saudara kepada Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj. Beliau mula diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem arahnya 'Masam Masam Manis' yang dibuat dalam tahun 1965.



ROSMINAH SIDEK

Beliau diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Anak Bapak', keluaran tahun 1968. Rosminah mula berlakon dalam drama televisyen 'Keluarga Toppel' arahan A.R. Toppel dan penerbitnya ialah Hashim Hamzah.



MIMILOMA

Mimiloma atau nama sebenar Aminah Ismail, adalah adik kepada Saloma atau Salmah Ismail. Mimiloma sebelum menjadi pelakon filem terkenal sebagai pelakon pentas dan penari dalam filem di Singapura. Beliau diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Ahmad Albab' keluaran tahun 1968. Kemudian P. Ramlee membawa beliau ke dunia seni suara sebagai penyanyi piring hitam pada awal tahun 70 an.



Dua pelakon yang diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filemnya 'Gelora', karya Osman Abadi iaitu Bab Mustapa. Nama asalnya ialah Mustapa Baba. Beliau tidak pernah berlakon sebelumnya walaupun kakaknya Rosmahwati adalah seorang pelakon terkenal di Merdeka Studio. Begitu pula bagi Isma Rubi, nama asal Rubiah Ismail, filem 'Gelora' adalah filem pertama lakonan beliau. Sebelumnya beliau pernah menjadi penari dalam filem dan pertunjukan pentas.



BAB MUSTAPA



ISMA RUBI

NORLIA GHANI

Beliau diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Kanchan Tirana'. P. Ramlee telah bertemu dengan Norlia ketika per-satuan Bauwan Kuala Lumpur mengadakan 'Malam Galangan' dimana Norlia ikut serta dalam peraduan ratu gelongan di Auditorium Mara, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada malam tersebut P. Ramlee memen-taskan drama Cina karya Pak Yim berjudul 'Sam Pek Entai'.



WANCIK

Mula berlakon dalam filem 'Do Re Mi' arahan P. Ramlee pada tahun 1966. Wancik ialah orang yang rapat dengan P. Ramlee sebelum diambil untuk berlakon, ketika P. Ramlee berada di Jalan Bunga Kantan, Setapak, Kuala Lumpur. Boleh dikatakan setiap malam Wancik datang ke rumah P. Ramlee jika beliau berada di rumah. Mereka berbual bersama dengan Daud Hamzah, adakalanya sehingga pukul empat pagi.



Tiga bintang ini diperkenalkan oleh P. Ramlee dalam filem 'Sesudah Suboh', 1967.



VERA WEE

Vera Wee berasal dari Singapura, beliau adalah seorang guru piano kepada anak P. Ramlee, Nasir dan Armali.

Jullana Ibrahim, berlakon buat kali pertama dalam filem 'Sesudah Suboh'.
Gambar kanan atas.



Ratu cantik 1965 wakil Singapura, **Khatijah Hashim** adalah pelakon tambahan, bermula dari filem 'Do Re Mi'.



CHENDERA SEMUGAM

Beliau mula pertama diperkenalkan dalam filem 'Gerimis', 1968. Beliau bertugas di Radio Malaysia bahagian Tamil. P. Ramlee berjumpa beliau apabila diperkenalkan oleh ahli muzik RTM. Ketika itu P. Ramlee sedang mencari pelakon India untuk dijadikan heroin dalam filem 'Gerimis'.





USAHA P. RAMLEE MENUBUHKAN SYARIKAT PERFILEMAN MELAYU

MENUBUHKAN PERFIMA

Bila kontrak P. Ramlee dengan Studio Merdeka telah tamat, beliau datang berjumpa dengan H.M. Shah dan berbincang untuk menubuhkan sebuah syarikat perfileman Melayu. Cita-cita P. Ramlee syarikat perfileman ini akan memproduksi filem-filem Melayu yang berkualiti yang mana pengurusan sepenuhnya oleh orang-orang Melayu. Dalam perbincangan mereka mencari nama syarikat dan selepas itu tertubuhlah Pertubuhan Filem Malaysia (Perfima). Perfima dianggotai oleh semua tokoh filem seperti P. Ramlee, L. Krishnan, Ho Ah Loke dan beberapa orang lagi yang mempunyai kebolehan dalam dunia perfileman.

Bila P. Ramlee berbincang kali terakhir bersama H.M. Shah di Shah Motel, H.M. Shah mahu semua orang Melayu menjadi anggota dalam Pertubuhan Filem Malaysia. Semasa itu Jins Shamsudin sedang belajar dalam perfileman di London. H.M. Shah pergi ke London dan berjumpa dengan Jins Shamsudin untuk mengambil beliau sebagai ahli Lembaga Pengarah. Selain daripada Jins Shamsudin, ialah Zainudin Nordin dan Jaafar Abdullah. Ketika itu Jaafar Abdullah baru berhenti dari Shaw Brothers dan bertugas dengan Sari Artis.

H.M. Shah telah memberi kamera 16 MM kepada Jins Shamsudin untuk dipelajari sebelum pulang untuk meneruskan tugas di Pertubuhan Filem Malaysia. Bila tertubuh Pertubuhan Filem Malaysia, P. Ramlee telah mencuba membuat penggambaran di Shah Motel di tepi kolam mandi. Zainul Salleh adalah jurugambarnya. Beliau adalah bekas jurugambar Gelanggang Filem. Pertubuhan Filem Malaysia ketika itu tiada pejabatnya dan Shah Motel dijadikan pejabat.

Keseluruhan perbelanjaan Pertubuhan Filem Malaysia adalah ditanggung oleh H.M. Shah, termasuk gaji semua pengarah. Tiap seorang diberi gaji lima ratus ringgit termasuk

P. Ramlee. Dengan gaji sebanyak itu beliau terpaksa membayar sewa rumah, dua ratus enam puluh ringgit sebulan, petrol, api dan air. Juga menanggung perbelanjaan abangnya. Sheikh Ali sebanyak tiga ratus sebulan. Kadang-kala terpaksa Saloma serahkan barang kemasnya untuk digadaikan. Yang selalu menggadaikan barang kemas Saloma ialah Pak Salleh, tukang kebun. Semasa tinggal di Jalan bunga Kantan, Aminahlah yang pergi menggadaikan barang kemas Saloma.

Untuk menambahkan pendapatan, P. Ramlee sanggup membuka kedai majung, di belakang Sampurna restoran di mana beliau menjamin pinjaman wang dari Mara dan Bank Bumiputra. Bila P. Ramlee buka kedai majung, beliau suruh Sheikh Ali jaga, tetapi semua wang tong digunakan oleh Sheikh Ali. Maka dengan itu terpaksa P. Ramlee tutup kedai majung kerana menghadapi kerugian.

Bila tertubuh Pertubuhan Filem Malaysia, sudah tentu perlu mempunyai filem. Sebelum mengeluarkan filem sendiri, H.M. Shah bawa P. Ramlee pergi ke Indonesia. Di Indonesia, P. Ramlee berjumpa dengan Turino Djunaidy dan beberapa orang pengeluar filem. Setelah berbincang, Turino Djunaidy menyerahkan dua buah filem tanpa meminta bayaran apa pun bagi dua buah filem itu. Turino Djunaidy menjadi ahli Lembaga Pengarah dalam Perfima. Dua buah filem keluaran Turino Djunaidy diserahkan kepada Perfima dan filem-filem itu ialah 'Kabut Bulan Madu..' dan 'Wajah Seorang Lelaki'. Apabila filem-filem itu sudah ada, tempat penayangan pula tidak ada. Atas usaha H.M. Shah dan P. Ramlee telah memperoleh tempat untuk penayangan filem tersebut.

Semasa H.M. Shah bersama P. Ramlee dan saya berada di Shah Motel selepas waktu pejabat, semua orang sudah pulang. H.M. Shah bercerita kepada P. Ramlee yang Jins Shamsuddin marah kepada beliau kerana membawa P. Ramlee ke Jakarta. P. Ramlee tak menjawab apa yang diceritakan oleh H.M. Shah beliau tersenyum sahaja.

Filem pertama 'Kabut Bulan Madu' ditayangkan pada Hari Raya Puasa di Dewan Mara, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Sambutan sungguh menggalakkan, serentak dengan mengadakan pertunjukan pentas. Selepas itu untuk mendapat satu bangunan P. Ramlee bersama H.M. Shah berjumpa dengan Datuk Yakub Hitam di pejabat UDA. Mereka berjaya mendapat bangunan yang sudah lama tak diguna, iaitu bangunan yang terletak di Jalan Ampang.

Bila sudah siap bangunan baru, production sendiri akan dimulakan; jadi P. Ramlee serah kepada Jins Shamsudin untuk mengarah filem pertama. P. Ramlee sendiri akan mengarah filem 'Hidayat'. Itu dibangkitkan setiap kali ada perbincangan antara beliau bersama H.M. Shah.

Pernah juga H.M. Shah meminta supaya P. Ramlee buat skrip riwayat hidupnya sendiri. P. Ramlee tertawa dengan berkata, "Tak kan I hendak arah cerita diri sendiri. Cerita ada, kerana dulu I hendak buat buku berjudul 'Merak Kayangan' yang ditulis oleh Cikgu Mansor." Pernah P. Ramlee bersama Tompel dan Rahim Ahmad, Tuan punya Mastika Filem pergi mencari Cikgu Mansor, kerana beliau mengambil duit P. Ramlee sebanyak enam ratus ringgit dan membuat pinjaman kepada Bank Bumiputra untuk menyiapkan buku riwayat hidup P. Ramlee. Tetapi Cikgu Mansor tidak menyiapkan buku tersebut.

Cikgu Mansor telah kena saman tetapi dia tidak pergi perbicaraan. P. Ramlee, sebagai penjamin terpaksa dipanggil oleh mahkamah. Dengan itu beliau pergi mencari Cikgu Mansor pada waktu malam. Bila sampai sahaja di depan rumah Cikgu Mansor, beliau bersembunyi di dalam longkang bersama Tompel dan Rahim Ahmad. Beliau tidak benarkan Rahim mengambil gambar kerana takut Cikgu Mansor dapat tahu. Bila berjumpa Cikgu Mansor, P. Ramlee bertanya, "Mana duit yang kamu ambil? Kenapa kamu tidak pergi ke mahkamah?" Cikgu Mansor dengan sedih memberitahu pada P. Ramlee, "Bang minta maaf kerana telah guna duit itu. Rumah bang tak ada makan," kata Cikgu Mansor. P. Ramlee mengalir airmata apabila mendengar cerita Cikgu Mansor itu. Lalu beliau tak jadi berbuat apa-apa, pulang begitu sahaja.

Apabila siap bangunan di Jalan Ampang, pada hari pertama masuk ke pejabat dan diadakan mesyuarat. Semua Lembaga Pengarah tidak mahu H.M. Shah menjadi chairman di Perfima. P. Ramlee dan H.M. Shah dikeluarkan dari Perfima. Di sebelah pagi pada keesokan harinya selepas P. Ramlee ada mesyuarat di Perfima, beliau memberitahu saya, yang H.M. Shah mahu berjumpa dengan saya. Saya tanya P. Ramlee, "Kenapa abang Shah mahu berjumpa dengan saya?" Kata P. Ramlee, "Aku dan Shah telah dibuang oleh Lembaga Pengarah" Saya tanya P. Ramlee lagi, "Sebabnya?" "Ada yang menyatakan Shah makan duit. Kalau Shah makan duit bukan duit bapa dia. Duit Shah sendiri. Itulah Shah, aku dah cakap. Jangan terlalu banyak orang Melayu. Tetapi dia degil juga. Sudah! kau ambil kereta kakak kau pergi jumpa Shah, dia tunggu kau," kata P. Ramlee kepada saya. Saya pergi berjumpa H.M. Shah di Shah Motel, lalu H.M. Shah memberitahu saya bahawa beliau mahu menubuhkan lagi syarikat filem bersama P. Ramlee.

Dari Shah Motel saya pulang ke rumah P. Ramlee di nombor 22 Jalan Dedap dan mengambil beliau untuk pergi ke Shah Motel. Dalam perjalanan itu, P. Ramlee yang memandu kereta Saloma BAB 1667, berbual dengan saya. Beliau membangkitkan tentang Sazali yang tidak masuk dalam pelajaran. Adakalanya Sazali tidak mahu belajar, kerana dalam darjah begitu panas. Pernah juga Cikgu yang mengajar Sazali, Cikgu Kamaruzaman, cerita kepada P. Ramlee, bila panas Sazali buka baju dan keluar dari bilik

darjah. Dia cari tali lalu diikat dekat kayu dan memancing di tepi parit yang tak ada air di belakang sekolah Klang Gate.

Oleh kerana kebaikan Cikgu Kamaruzaman maka P. Ramlee tubuh satu Orkestra bernama Ben Puteh di mana Cikgu Kamaruzaman menjadi anggotanya. Beliau tak tahu apa hendak dibuat pada Sazali. Saya memberi pendapat kepada beliau, supaya Sazali di hantar belajar muzik. Cadangan saya itu disetujui oleh beliau.



P. Ramlee, ketika beliau menjadi lembaga pengarah di Pertubuhan Filem Malaysia (PERFIMA) bersama dengan Jaafar Abdullah ketika sedang membuat kerja untuk menjayakan Perfima di ibu pejabat sementara di Shah Motel, motel kepunyaan H.M. Shah. Di ibu pejabat sementara Shah Motel ini dimulakannya usaha untuk menubuhkan Perfima sebelum mendapat pejabat di Jalan Ampang. Apabila pejabat di Jalan Ampang sudah siap sepenuhnya, di hari pertama mesyuarat di pejabat baru, P. Ramlee dan H.M. Shah dikeluarkan dari Perfima.



**RAKAMAN
TERAKHIR
P. RAMLEE**



Setelah P. Ramlee tamat kontrak dengan syarikat EMI Singapura pada tahun 1968 beliau tidak lagi merakamkan suaranya dan lagu-lagunya. Pada tahun 1971 baru beliau merakamkan empat buah lagu ciptaan dan gubahannya yang beliau serahkan pada Mimiroma, adik kepada Saloma untuk menyanyikannya di bawah penerbitan syarikat rakaman GUO (Great Union Organisation), di Cheras, Kuala Lumpur. Dengan tamatnya kontrak beliau dengan syarikat EMI, Singapura, beliau membuat perjanjian baru dengan syarikat rakaman GUO dimana beliau mendapat kehormatan untuk menjadi penerbit bagi lagu-lagu ciptaan beliau yang dinyanyikan oleh Mimiroma. Kemudian syarikat GUO juga memberikan peluang kepada P. Ramlee untuk memperkenalkan lagi seorang penyanyi televisyen yang berjaya dan berbakat iaitu Suhaily Shamsuddin. Pada 27 April 1973 beliau mencipta empat buah lagu untuk nyanyian Mimiroma manakala senikata beliau serahkan kepada Salleh Ghani yang juga sebagai pengarah Rumpun Melayu Filem Production bersama P. Ramlee. Empat buah lagu berjudul 'Mengapa Abang Merajuk', 'Di bawah Rumpun Bambu', 'Indahnya Sang Surya', dan 'Bulan Jatuh ke Riba'. Bila siap sahaja sample, saya (Ramli Ismail), membawa sample itu pulang untuk didengar oleh beliau, beliau mendengarkan sehingga lima sampai enam kali. Setelah beliau bersetuju dengan masteringnya beliau bertanya kepada saya bila boleh album itu diedarkan. Saya memberi tahu beliau tarikh pagedaran ialah dua minggu dari tarikh yang beliau bertanya, tarikh pada hari itu ialah 22 Mei 1973. Belum sempat album tersebut dipasarkan, P. Ramlee meninggal dunia pada 29 Mei 1973.



P. RAMLEE
Bersama
SALOMA
dalam
studio rakaman

Beginilah cara P. Ramlee bila merakamkan lagu dalam studio rakaman. Rakaman P. Ramlee yang terakhir ialah bersama syarikat Singapura. Rakaman album terakhir nyanyian beliau sendiri dirakamkan pada tahun 1968. Selama dua hari beliau berada di dalam studio untuk menyiapkan empat buah lagu. Beliau meneliti setiap lagu ciptaannya dan juga lagu ciptaan orang lain seperti dalam album terakhir sebuah lagu adalah ciptaan Kassim Masdor. Beliau begitu teliti orangnya, apabila selesai rakaman, beliau akan mendengarkan sehingga beberapa kali. Bila beliau tidak puas hati, beliau akan rakam kembali sehingga puas hati.



P. RAMLEE BERSAMA H.M. SHAH MENUBUHKAN RUMPUN MELAYU FILEM PRODUCTION

Apabila kami sampai di Shah Motel, P. Ramlee bersama saya masuk ke pejabat H.M. Shah dan berbincang tentang penubuhan Rumpun Melayu Filem Production. Dalam perbincangan itu H.M. Shah mahu dua tiga orang lagi ahli Lembaga Pengarah. P. Ramlee cadangkan supaya Salleh Ghani diambil sebagai pengarah syarikat dan pekerja. Semasa itu Salleh Ghani bertugas di Shaw Rental dan Hamzah Hussin bertugas di Syarikat Sari Artis. Tetapi dalam perlembagaan isteri Hamzah Hussin adalah sebagai pengarah syarikat.

Bila tertubuhnya Rumpun Melayu Filem Production, Hamzah mengurus untuk mendapat filem sementara iaitu filem keluaran sendiri. Rumpun Melayu Filem Production diberi dua buah filem iaitu 'Bunga Berguguran' dan 'Pahlawan Sembilan'. Tetapi tempat untuk penayangan filem tidak ada. P. Ramlee bersama H.M. Shah berusaha untuk mendapatkan tempat di dewan Mara. Dalam sibuk mencari tempat, saya entah bagaimana pergi ke Kampung Baru Lucy World dan ternampak sebuah panggung wayang yang sudah tidak digunakan lagi. Nama panggung tersebut ialah 'Queen Cinema'.

Sebelum pergi ke Shah Motel, saya dan Salleh Ghani telah pergi ke rumah P. Ramlee lebih dahulu, kerana kita bertiga pergi bersama. Saya sampai kira-kira jam 8 pagi di rumah P. Ramlee. Saya siapkan baju untuk beliau pakai dan bila beliau bangun dari tidur, saya ambilkan kopi sejuk dan beri kepadanya. Semasa itu saya berbual dengan beliau mengenai panggung 'Queen'. Apabila Salleh Ghani datang ke rumah P. Ramlee, saya bersama P. Ramlee dan Salleh Ghani berjalan menuju ke Shah Motel, disitulah pejabat Rumpun Melayu Filem Production. Begitulah setiap hari berlaku kepada kami bertiga.

Pada satu hari, P. Ramlee bersama saya dan Salleh Ghani tidak terus ke pejabat; kami singgah di panggung Queen terlebih dahulu. P. Ramlee melihat panggung Queen di luar dan di dalam. Beliau bertanya kepada salah seorang yang tinggal berdekatan dengan panggung Queen, di mana tuan punya panggung tersebut. Orang itu menerangkan panggung itu adalah kepunyaan Chetty. P. Ramlee bertanya lagi kepada orang itu, "Tahu tak di mana Chetty tinggal?" Jawab orang itu "Tak tahu, tapi dia selalu ada di tempat Chetty di Jalan Melaka."

Kemudian P. Ramlee bersama saya dan Salleh Ghani, pergi makan nasi kandar tak jauh dari situ. Selepas itu barulah kami pergi ke pejabat Rumpun Melayu Filem Production. P. Ramlee berjumpa dengan H.M. Shah dan memberi tahu mengenai panggung Queen.

Pada keesokan harinya, P. Ramlee bersama saya dan Salleh Ghani pergi berjumpa dengan Chetty di Jalan Melaka. Kami duduk bersila di depan Chetty. Setiap orang Melayu yang berjalan di depan kedai Chetty memandangi kepada P. Ramlee. Ada juga yang berhenti di depan pintu kedai Chetty. Ketika itu tuan punya panggung Queen tak ada di situ, kerana waktu itu tuan punya panggung berada di pejabat Bandaraya kerana dia bertugas di Dewan Bandaraya.

Bila P. Ramlee bersama saya dan Salleh Ghani keluar dari kedai Chetty, saya mendengar orang yang berjalan ternampak P. Ramlee keluar dari kedai Chetty, berkata beliau gadai barang dengan Chetty. Itulah manusia, bila orang sudah jatuh, dituduh yang bukan-bukan. Satu ketika bila P. Ramlee pakai kereta kecil beliau juga dituduh sudah bankrap. Semasa jual kereta Volvo beliau beli kereta Toyota 100 nombor MC 8448. Ada yang menyatakan beliau sudah tidak ada duit lagi; semua duit habis dengan judi. Padahal ketika itu P. Ramlee masih menjadi pengarah filem di Studio Merdeka. Ketika itu beliau sedang buat penggambaran filem 'Gerimis'. Bayaran beliau sebagai pengarah ialah dua puluh ribu ringgit untuk satu filem. Jadi beliau tak bolehlah beli kereta besar. Sebenarnya sengaja beliau mahu guna kereta kecil. Kenapa setelah beliau berhenti dari Studio Merdeka boleh beliau beli kereta besar dan kereta baru Datsun 120 BAD 3608. Tetapi beliau jarang guna kereta tersebut, kebanyakannya yang menggunakan kereta tersebut ialah Saloma. P. Ramlee pula guna kereta Saloma, Mazda 100 bernombor BAB 1667 semenjak beliau mula bekerja di Perfima hinggalah ke Rumpun Melayu.

Dari tempat Chetty, P. Ramlee bersama Salleh Ghani dan saya menaiki kereta BAB 1667 untuk menuju ke pejabat Rumpun Melayu. Beliau berjumpa dengan H.M. Shah untuk memberitahu mengenai tuan punya panggung Queen. Bila H.M. Shah dapat tahu Chetty yang punya panggung tersebut, beliau telefon kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur yang pertama kerana Datuk Bandar itu adalah kawan kepada H.M. Shah. Pada keesokan harinya, P. Ramlee bersama H.M. Shah pergi berjumpa dengan Datuk Bandar di pejabatnya. Kebetulan pula Chetty, tuan punya panggung Queen, bekerja di bawah Datuk Bandar. Bila ditanya tentang sewa, Chetty mahu bayaran sewa sebanyak lapan ratus ringgit sebulan. Datuk Bandar menyuruh Chetty mengambil sewa sebanyak tiga ratus ringgit sahaja sebulan.

Bila persetujuan tercapai, kerja-kerja memperbaiki panggung wayang tersebut dimulakan dengan perbelanjaan dikeluarkan oleh H.M. Shah. P. Ramlee bersama H.M. Shah, Salleh Ghani dan saya bermesyuarat di pejabat Rumpun Melayu Filem, untuk mencari nama panggung kerana P. Ramlee tidak mahu guna nama panggung Queen. Kata P. Ramlee, "Kita sekarang berada dalam Malaysia, bukan Malaya. Kita gunakan nama bahasa kita bangsa Melayu. Syarikat kita Rumpun Melayu; apa salahnya kalau kita beri nama

panggung Rumpun". Kata P. Ramlee lagi, "Panggung wayang gambar Rumpun. Panjang sangat. Baik kita pendekkan kepada Pawagam Rumpun." Kami semua bersetuju dengan apa yang P. Ramlee cadangkan itu. Maka dengan itu wujudlah Pawagam Rumpun.

Gaji P. Ramlee semenjak dari Perfima hingga ke Rumpun Melayu masih lima ratus sahaja sebulan. Beberapa kali H.M. Shah mahu naikkan gaji P. Ramlee, berapa banyak beliau mahu H.M. Shah sanggup membayar. Tetapi P. Ramlee tak mahu dengan alasan syarikat itu belum lagi berjalan dengan lancar dan wang pun belum lagi masuk untuk syarikat. Wang keluar memang sudah banyak dan P. Ramlee tidak mahu membebankan dengan lebih berat lagi kepada H.M. Shah. Hanya sekali-sekala bila ada orang panggil menyanyi di pentas, beliau dapatlah lebih sedikit bayaran. Kalau tidak, pendapatan beliau hanya gaji itu sahaja dan beliau hanya membayar apa yang perlu.

Saya berbincang dengan Foo Jock Kuan, pengarah syarikat rakaman Great Union Organisation (GUO) untuk merakamkan lagu-lagu P. Ramlee, kerana ketika itu beliau sudah tidak terikat dengan mana-mana syarikat rakaman lagi. Mr. Foo tidak percaya pada apa yang saya cakapkan. Saya meminta Mr. Foo menulis satu cek sebanyak satu ribu untuk wang pendahuluan. Mr. Foo tulis cek dan saya bawa pulang dan terus serahkan kepada P. Ramlee. Saya berkata kepada beliau, "Abang buat lagu, kalau abang mahu menyanyi pun boleh, kalau tidak kakak saja menyanyi." P. Ramlee berkata kepada saya, "Kalau aku yang menyanyi nanti tak laku." Kata beliau lagi, "Ini projek pertama biar rekod itu boleh dijual, baru syarikat percaya. P. Ramlee tanya pula kepada saya lagi. "Lagu dulu yang EMI tak mahu, boleh buat tak?" Saya kata, "Suka hati abang."

P. Ramlee bertanya pada Saloma sama ada beliau mahu menyanyi dengan syarikat GUO. Saloma menolak tawaran P. Ramlee, lalu beliau panggil adik Saloma, Mimiroma. Buat kali pertama, Mimiroma menjadi penyanyi piring hitam. Empat buah lagu ciptaan P. Ramlee adalah sebagai penerbitan albumnya. Senikata disusun oleh Kamaruzaman, guru sekolah Sazali dan ahli pancaragam Ben Puteh.

Bila album tersebut berada di pasaran sambutannya sungguh menggalakkan. P. Ramlee pernah bertanya kepada saya, tentang jualan album Mimiroma. Saya menyatakan sambutannya baik. P. Ramlee belum berjumpa dengan Mr. Foo walaupun album Mimiroma sudah berada dalam pasaran. Beliau tak pernah datang ke pejabat GUO. Sama juga seperti kedai yang buat pakaian P. Ramlee; tak pernah beliau kenal dengan tukang jahitnya dan tukang jahit pun tak pernah berjumpa dengan P. Ramlee. Hanya sekali sahaja beliau pergi ke kedai tukang jahit, itu pun kerana saya meminta supaya tukang jahit beri percuma sepasang baju kepada beliau dan ambil gambar apabila sedang ukur baju dan seluarnya, kerana tukang jahit mahu mempamerkan gambar P. Ramlee di dalam kedainya.

Bila pihak GUO mahu membuat album pertama Suhaili Shamsudin, saya minta P. Ramlee pergi ke pejabat GUO bersama saya untuk berunding dengan Mr. Foo. Itulah sekali P. Ramlee pergi ke pejabat GUO dan berbincang pasal lagu bersama Ibrahim Bachik dan Suhaili Shamsudin.

Ketika itu beliau terpaksa bekerja keras, kerana setiap jam sepuluh pagi beliau mesti pergi ke pejabat Rumpun Melayu. Dan pada waktu malam jam sepuluh barulah beliau pulang ke rumah dan membuat lagu sehingga mata mengantuk iaitu lebih kurang jam tiga atau empat pagi. Semasa itu saya tidak tinggal bersama P. Ramlee lagi. Bila pulang dari Rumpun Melayu saya mengambil kereta Salleh Ghani di Kelang Gate dan saya kembali ke rumah P. Ramlee. Sebelum saya balik ke rumah saya sendiri, saya siapkan kopi sejuk untuk teman P. Ramlee pada waktu malam bila beliau membuat lagu. Semasa saya bujang lagi dan tinggal bersama di rumah beliau saya selalu berada bersama beliau bila beliau membuat lagu. Beliau pernah menyuruh saya pergi belajar trengkas dengan Abdullah Idris yang membuka kelas trengkas di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Abdullah Idris bertugas di Utusan Melayu dan sering kali datang berbual dengan P. Ramlee. Kadang-kala Abdullah bawa kawan pengarah drama pentas untuk bertanya sesuatu daripada P. Ramlee. Perangai P. Ramlee ialah tidak suka mengajar orang, kecuali orang yang bertanya padanya baru beliau terangkan. Beliau sebenarnya tidak hendak mengajar betul-betul. Maka sebab itulah beliau tidak mempunyai murid yang sebenarnya.

Walaupun kepada anaknya, P. Ramlee tidak pernah mengajar dari segi apa sekali pun, sama ada muzik atau hal-hal sekolah. Bila ditanya barulah beliau menunjuk ajar. Mungkin P. Ramlee tidak boleh mengajar orang kerana panas baran sebab beberapa kali beliau mengajar Sazali dan bila Sazali tak dapat jawab pertanyaannya beliau pukul Sazali hingga lebam. Kemudian beliau sendiri menangis kerana menyesal telah memukul Sazali.

Pernah P. Ramlee memukul Sazali kerana dia bakar baju untuk penggambaran filem 'Masam-Masam Manis'. Lebih dari satu jam saya bersama P. Ramlee mencari baju tersebut kerana hendak penggambaran. Rupa-rupanya Sazali bakar baju tersebut, kemudian dia masukkan ke dalam beg dan diletakkan di bawah katil saya. Bila saya ternampak habuk di bawah katil saya, lalu saya ambil beg tersebut dan mendapati baju P. Ramlee untuk penggambaran filem telah dibakar oleh Sazali. P. Ramlee pukul Sazali dengan tali pinggang yang beliau pakai. Saya juga turut kena pukul kerana saya peluk Sazali. Kemudian P. Ramlee masuk ke dalam bilik lalu menangis kerana menyesal telah memukul Sazali. Kemudian saya bersama P. Ramlee pergi ke Studio Merdeka. Sambil beliau memandu kereta, sepanjang perjalanan beliau mengalir airmata kerana menyesal setelah memukul Sazali.

Kepada P. Ramlee kebiasaannya menunjuk ajar pelakon pada waktu berlakon kerana beliau mahu filem arahnya bagus. Begitulah juga dengan penyanyi yang pernah menyanyi dengannya. Beliau akan mengajar hingga nyanyian menjadi betul. Beliau tidak suka orang membangkang kemahuannya, jika tidak memberikan keterangan yang betul.

Dalam usaha mengubah suai bangunan cinema Queen menjadi Pawagam Rumpun, P. Ramlee bekerjasama dengan H.M. Shah dan Salleh Ghani. Kepada beliau Pawagam Rumpun mempunyai pentas yang terlalu besar, maka disuruh tukang kayu memotongnya menjadi kecil, supaya boleh masuk lebih banyak kerusi. Setiap hari bila beliau pergi ke Pawagam ada saja yang disuruh perbetulkan. Sebelum siap pawagam itu, P. Ramlee meminta H.M. Shah membeli filem lebih banyak. Cadangan beliau Pawagam Rumpun akan dibuka pada 15 Ogos 1973, dengan filem 'Bunga-bunga Berguguran'. Beliau mahu Datuk Harun Idris merasmikan Pawagam Rumpun itu. 15 Ogos mengikut kata beliau adalah hari dimana beliau keluar dari P. Pinang menuju ke Singapura.

Setiap hari apabila saya berehat bersama P. Ramlee dan Salleh Ghani di tepi kolam mandi di Shah Motel, P. Ramlee memandang ke atas sambil melihat nama Shah Motel. Beliau selalu sebut namanya, P. Ramlee Studio akan terpampang pada satu hari nanti. Itulah kata-kata P. Ramlee bila lihat nama Shah Motel.

Bagaimana nama H.M. Shah namanya tercatat di Shah Motel, itulah cita-cita P. Ramlee semasa berada di Rumpun Melayu. Kadang kala Salleh Ghani suruh P. Ramlee memberitahu kepada H.M. Shah supaya membuat studio rakaman, untuk buat rakaman lagu dan katanya namakan studio itu P. Ramlee Studio. Mendengar cadangan itu P. Ramlee hanya tersenyum, sambil berkata, "Buat pawagam, Shah sudah keluar berapa banyak duit, beli filem lagi. Jangan kita bebankan orang. Bila Rumpun Melayu sudah naik, boleh buat studio rakaman atau studio filem."

Semasa P. Ramlee di Rumpun Melayu beliau tidak banyak berfikir mengenai mengarah filem, dan tidak ada rancangan untuk membuat skrip sebagai persiapan. Hamzah Hussin ada memberi satu skrip berjudul 'Doktor'. Tetapi P. Ramlee ubah judul kepada 'Air Mata Kuala Lumpur'. Kerana P. Ramlee pernah mengarah filem berjudul 'Doktor' semasa bekerja di Studio Merdeka, iaitu filem 'Dr. Rushdi'. Mengikut dengan jalan cerita skrip Hamzah Hussin kena dengan tajuk 'Air Mata Kuala Lumpur', kerana ceritanya mengenai penyanyi dari Indonesia yang datang bekerja di Malaysia sebagai penyanyi dan bercinta dengan doktor yang mana mereka berkenalan semasa doktor pergi ke kelab malam. Yang menjadi 'Air Mata Kuala Lumpur', ialah bila penyanyi hendak pulang ke Indonesia, doktor menghantar di lapangan terbang dan penyanyi mengenalkan doktor dengan suaminya.

P. Ramlee memang bijak mencipta atau menggubah cerita, kerana banyak cerita orang beliau olah kembali menjadi bagus. Cerita seperti, 'Semerah Padi' cerita asal oleh Omar Rojek, 'Antara Dua Darjat' juga karya Omar Rojek dan 'Tiga Abdul' cerita asal oleh Ahmad Nisfu. P. Ramlee suka memberi ilham kepada orang dan ilham orang diubah kembali. Beliau pernah suruh Osman Abadi menulis skrip cerita 'Gelora' dan ilham P. Ramlee ialah memberi ringkasan cerita kepada Osman Abadi. Kemudian cerita itu diolah kembali oleh P. Ramlee dan hasilnya amat baik sekali. Sewaktu P. Ramlee sedang bercadang hendak membuat skrip cerita 'Air Mata Kuala Lumpur', Sarimah bersama Yusof Majid datang berjumpa beliau di Shah Motel. Tujuan Sarimah ialah hendak P. Ramlee mengarahkan sebuah filem. Perbincangan disetujui oleh P. Ramlee, cuma beliau mahu melihat skrip terlebih dahulu.



Gambar kanan:

Encik. Ismail Jah dari RTM sedang menemuramah P. Ramlee di Studio Merdeka ketika P. Ramlee sedang melakukan penggambaran filem 'Sesudah Subuh' untuk rancangan radio Majalah Filem. Encik Ismail Jah adalah orang radio yang pertama menemuramah P. Ramlee ketika beliau baru sampai ke Kuala Lumpur. Ismail Jah menemuramah beliau di rumah beliau di 38, Jalan Bunga kantan.

FILEM MUSANG BERJANGGUT

Arahan P. Ramlee

Lakonan
P. Ramlee, Saadiah,
Ahmad Nisfu, Radin Sudiro,
Momok, Baby Sazali.



Gambar kiri:

P. Ramlee sedang bertukar bendera untuk memulakan pertandingan sepak takraw di Singapura. Di Kuala Lumpur juga P. Ramlee menjadi ahli sepak takraw kumpulan Zoo Negara. Sepakraga ialah sukan kegemaran P. Ramlee.



Selalunya apabila penggambaran suatu filem telah selesai dengan selamat, P. Ramlee akan mengadakan majlis untuk para pelakon dan petugas di Studio Merdeka.

Gambar kiri dan bawah:

P. Ramlee bergembira bersama rakan-rakan pendukung filem 'Kanchan Tirana', 1969.



Gambar kanan:

P. Ramlee bersama Faridah Araini, pelakon dari Indonesia yang bakal menjadi heroin dalam filem 'Air Mata Kuala Lumpur'. Faridah juga ingin bertemu dengan P. Ramlee apabila P. Ramlee bersama Rumpun Melayu membeli filem 'Djalang' lakonan Faridah Araini bersama Danu Umbara.

Gambar bawah:

P. Ramlee bersama Danu Umbara, juga pelakon dan pengarah filem dari Indonesia. Mereka berjumpa pada Festival Filem di Singapura pada tahun 1969.





◀ P. Ramlee di tepung tawar oleh kerabat.



Di Aceh, ketika P. Ramlee bersama rombongan ke Pulau Sumatra, Indonesia.



P. Ramlee dan rombongan dari Kuala Lumpur mengadakan pertunjukan di Medan, Indonesia pada tahun 1960 an. P. Ramlee disambut oleh pegawai panitia dari Angkatan Bersenjata Bukit Barisan Kodam II.



Sambutan bagi pertunjukan pentas P. Ramlee dan rombongan sungguh luar biasa, sebagaimana sambutan ketika P. Ramlee masih muda dulu, bila beliau muncul di pentas sambutan yang diberi begitu amat luar biasa sehingga beliau tak kelihatan, yang nampak hanya pentasnya sahaja.



P. Ramlee bersama peminat di pantai Changi, Singapura ketika para bintang filem mengadakan Perkelahan Bintang Filem anjuran bintang filem yang diadakan setiap tahun





Gambar kiri.
P. Ramlee dan Saloma bergambar bersama
ahli UMNO Pulau Pinang.

P. Ramlee bergambar bersama dengan
pelakon-pelakon di Studio Jalan
Ampas, Singapura. Gambar diambil
pada tahun 1953.



Gambar kenangan bersama pelakon per-
anan 'Bapak' (duduk), berdiri dari kiri
P. Ramlee, Omar Rojek dan Ali Rahman.



HARI-HARI P. RAMLEE DI TAHUN 1973

Dalam tahun 1973, P. Ramlee banyak timbul masalah peribadi. Kelihatannya beliau tidak ada tanda sakit kerana beliau kalau sakit sedikit tidak mahu berjumpa doktor kerana takut kena cucuk. Oleh sebab itulah beliau mengabaikan penyakitnya.

Bulan April 1973 pihak GUO minta supaya P. Ramlee merakamkan album baru. Lalu saya beritahu beliau yang pihak GUO mahu beliau rakamkan album baru, tak kira siapa penyanyinya. Beliau menyuruh saya meminta wang pendahuluan, kerana ketika itu beliau kekurangan wang. Pihak GUO memberi wang pendahuluan kepada P. Ramlee sebanyak satu ribu ringgit.

Beliau mula mencipta lagu. Semasa beliau sedang mencipta lagu 'Bawah Rumpun Bambu' beliau bertanya kepada saya, bagaimana orang buat piring hitam tiruan? Saya cerita mengenai apa yang pernah saya lihat. P. Ramlee bertanya kepada saya berapa perbelanjaan untuk keluaran satu piring hitam tiruan. Saya menerangkan pada beliau, kosnya sama dengan yang asli. Hanya tiruan tak perlu membayar studio, penyanyi, dan pencipta lagu. P. Ramlee tanya saya lagi, "Kalau lagu aku, aku yang menyanyi?" Jawab saya, "Sama juga." Tanya saya kepada beliau, "Apa abang mahu buat *pirate*?" Jawab beliau, "Kalau boleh kau buatlah, asal dapat duit." Saya tanya beliau lagi, "Lagu apa abang hendak buat?" "Lagu aku," jawab P. Ramlee.

Saya pergi berjumpa dengan Syarikat Federal Record di Jalan Klang Lama, lalu berbincang dengan syarikat tersebut. Pihak syarikat itu mahu mambayar *lump sum* sebanyak satu ribu lima ratus. Saya tidak berbincang dengan P. Ramlee dan terus bersetuju. Pada hari itu juga saya dapat cek sebanyak yang dijanjikan. Saya bawa pulang cek tersebut dan beri kepada P. Ramlee. Lalu beliau menyuruh saya masukkan ke dalam bank pagi esoknya kerana hendak bayar banyak barang. Beliau suruh saya cari rekod yang ada dalam simpanannya. Saloma tidak mahu lagunya dibuat tiruan. P. Ramlee kata kepada Saloma, "Itukan sama, lagu pun lagu kita, asalkan kita dapat duit. Harap royalti, entah sampai bila pun tak pernah dapat. Tambah lagi kontrak sudah tak ada." Saloma diam dan P. Ramlee suruh saya teruskan kumpul rekod untuk dibuat *pirate*. Saya pilih semua lagu dari

nyanyian Panca Sitara, manakala gambarnya saya ambil dari dalam album Saloma dan gambar-gambar simpanan saya.

P. Ramlee tidak abaikan tugas harian di Rumpun Melayu. Setiap hari beliau menjalankan tugas seperti biasa. Beliau pergi melihat kerja yang sedang dijalankan di Pawagam Rumpun, kerana beliau mahu siap cepat. Pembukaan akan diadakan pada 15 Ogos 1973. Bila lagu ciptaan P. Ramlee sudah siap beliau tulis rangka senikatanya sebagaimana beliau suruh S. Sudarmaji siapkan senikata. Begitu juga diserahkan pada Salleh Ghani untuk siapkan senikata. Empat buah lagu ciptaan P. Ramlee yang akan dinyanyikan oleh Mimiloma siap dirakamkan pada bulan Mei.

Pada 25 Mei 1973, piring hitam siap *sampunya* dan saya ambil dari GUO dan beri kepada P. Ramlee supaya dapat beliau dengar jika ada yang tidak puas hati. Bila beliau dengar rekod tersebut, beliau tanya saya bila boleh masuk pasaran. Lalu saya berkata, "Mungkin satu minggu lagi". Tak sempat album Mimiloma bertajuk 'Bawah Rumpun Bambu' berada di pasaran P. Ramlee meninggal dunia pada hari Selasa, jam 4 pagi, 29 Mei 1973.

Pada hari Isnin 28 Mei 1973 jam 8 pagi saya pergi ke rumah beliau di Jalan Dedap. Beliau bertanya kepada saya berapa duitnya ada dalam bank. Saya kata dua ratus enam puluh ringgit, baki bayar kereta dan api air. Beliau memberitahu kepada saya, ada orang mahu membeli rumah di Setapak Garden dengan harga dua puluh lima ribu ringgit. Rancangan P. Ramlee hendak menjual rumah tersebut sudah satu tahun lamanya, tetapi saya tahan kerana kata saya itulah satu-satunya harta beliau. Cadangan beliau menjual rumah di Setapak Garden ialah kerana beliau mahu membeli rumah 22, Jalan Dedap, rumah tempat beliau tinggal. Tetapi beliau belum sempat bertanya pada tuan punya rumah tersebut kerana pada 28 Mei 1973, beliau terlalu terdesak, sebab beliau dapat surat dari Mahkamah. Kerana beliau sebagai penjamin kawannya, yang pinjam wang untuk membuka restoran. Sebab kawannya gagal hadir ke mahkamah, P. Ramlee sebagai penjamin bersama Aziz Pustaka yang juga menjadi penjamin terpaksa harus pergi ke mahkamah.

Pada jam 9 pagi di hari tersebut, Salleh Ghani sampai di rumah P. Ramlee dan ketika itu beliau sedang mandi. Bila siap mandi, beliau dan Salleh Ghani bersama saya naik kereta kepunyaan Saloma BAB 1667 dan terus pergi ke Petaling Jaya di pejabat Rumpun Melayu dan tidak singgah di Pawagam kerana pada hari itu saya ada membuat temujanji dengan pengurus United Artis Film, Mr. Apun. Bila sampai di pejabat Rumpun Melayu, saya telefon Mr Apun dan dia minta berjumpa dia pada jam 11 pagi pada hari tersebut. Saya minta P. Ramlee pergi bersama Salleh Ghani ke United Artis, kerana pada hari itu saya mahu ambil gambar filem 'Djalang' di kedai gambar untuk dibuatkan risalah.

P. Ramlee bersama Salleh Ghani dan Alosas pekerja di Rumpun Melayu, pergi ke United Artis. Jam lima petang P. Ramlee bersama Salleh Ghani dan Alosas pulang ke pejabat Rumpun Melayu. Bila P. Ramlee pergi jumpa H.M. Shah, Salleh Ghani bercerita kepada saya, kata beliau, "Kau tahu abang kau sudah maki rumah sial". Saya tanya Salleh Ghani, "Kenapa?" "Dia balik hendak makan, nasi tak ada, kita satu hari tak makan," kata Salleh. "Habis, tak makan?" tanya saya kepada Salleh Ghani. "Makan nasi kandar," kata Salleh Ghani. P. Ramlee pun datang dan bertanya kepada saya, "Kau dah makan?" "Dah," saya jawab. "Makan mee." "Kau bayar atau sain?" tanya beliau. "Sain," jawab saya. "Abang makan di mana?" tanya saya kepada P. Ramlee. "Makan nasi kandar. Aku balik rumah nasi pun tak ada. Apa punya rumah, tak tahu orang penat hendak makan, boleh tak masak." Sebenarnya nasi tak pernah tak ada di rumah P. Ramlee yang saya tahu selama saya tinggal bersama beliau. Kemudian semua orang teruskan kerja masing-masing, duduk satu meja besar, saya berhadapan dengan P. Ramlee manakala Salleh Ghani pula di sebelah beliau.

Semasa membuat kerja, P. Ramlee memberitahu kepada saya yang rombongan dabus seramai empat puluh orang datang dari Acheh, tak ada tambang hendak pulang, kerana penganjur tidak mahu bertanggungjawab. Rombongan tersebut meminta P. Ramlee menghantar mereka pulang, dengan apa cara sekali pun. Saya tak tanya dengan P. Ramlee siapa penganjur, dan siapa yang beritahu beliau rombongan tersebut minta supaya beliau hantar mereka pulang. Sedang berbual sambil membuat risalah filem 'Djalang', P. Ramlee buang 'D' jadikan 'Jalang'. Kata P. Ramlee ini bahasa Indonesia kita hendak tayangkan filem ini di Malaysia, nanti ejaan ini orang Indonesia akan ikut kita.

Ketika itu hujan sangat lebat serentak dengan kilat sabung-menyabung. Langsir tingkap tidak ditutup. Ketika itu iaitu kira-kira jam 9 malam. Saya terpancang kilat melintasi muka P. Ramlee dan saya nampak muka beliau hitam. Lalu saya bangun dari tempat duduk dan pergi menutup langsir tingkap. P. Ramlee marah kepada saya. "Kenapa kau tutup langsir?" kata P. Ramlee. Saya jawab, "Kilat melintasi depan muka abang, gelap muka abang." "Kau ni penakut. Ada sajalah kau punya temberang, sudah, pergi buka langsir," kata P. Ramlee kepada saya. Saya pun buka langsir kembali. Kerja diteruskan, kira-kira jam sepuluh setengah hujan mula reda. P. Ramlee mengajak pulang. Semua pulang, Alosas pulang sendiri, kerana dia tinggal di kawasan Petaling Jaya.

Saya bersama P. Ramlee dan Salleh Ghani menaiki kereta yang dipandu oleh P. Ramlee pulang ke rumah beliau di Jalan Dedap. Sampai sahaja ke rumah, semua turun dari keretanya. Di rumah P. Ramlee ada tetamu sepasang suami-isteri dan seorang anak yang sedang berbual dengan Saloma. Belum sempat saya duduk, P. Ramlee menyuruh saya pergi menghantar Salleh Ghani pulang ke Klang Gate. Sebelum Salleh Ghani pulang,

beliau berpesan kepada Salleh Ghani supaya pergi ke pejabat sendiri esok, kerana beliau mahu pergi berjumpa dengan Dato' Senu. Saya ambil kereta Mazda hantar Salleh Ghani pulang. Kemudian saya datang balik ke rumah P. Ramlee untuk menghantar keretanya.

Bila saya beritahu kepada beliau yang saya hendak pulang, kerana takut tak ada bas, sebab pada ketika itu saya baru satu bulan pindah di Green Wood Park, Gombak. P. Ramlee menyuruh saya makan dulu sebelum pulang. "Hai! Lebih baik kau makan dulu, nanti kau balik bini kau tak masak. Baru kebulur kau," kata beliau kepada saya. Saloma melihat muka saya bila P. Ramlee suruh saya makan, seolah-olah P. Ramlee menyindirnya kerana pada petang itu apabila P. Ramlee hendak makan tak ada nasi. Saya pun pergi makan dan setelah selesai saya makan, P. Ramlee menyuruh saya membawa kereta Saloma pulang, kerana pada esok paginya jam 8 pagi beliau menyuruh saya datang ke rumahnya, kerana beliau mahu berjumpa dengan Datuk Senu. Apa halnya beliau tak beritahu kepada saya. Saya tanya kepada beliau, "Baju apa hendak pakai?" "Apa pun boleh," kata beliau.

Tetamu suami-isteri masih ada di rumah P. Ramlee di waktu itu dan saya mengambil kereta untuk terus pulang seperti yang disuruh oleh P. Ramlee. Apabila sampai di Simpang Tiga, saya nampak khemah orang mati dan saya tahu yang rumah orang meninggal itu adalah Hamadi, kawan P. Ramlee. Saya singgah sekejap, dan tanya orang yang berada di situ, siapa yang meninggal. Orang di situ berkata Hamadi yang meninggal dunia.

Saya terus pulang dan semasa saya berada di rumah hati saya teragak-agak hendak pergi ke rumah P. Ramlee untuk memberitahu yang Hamadi telah meninggal. Tapi fikiran saya berkata esok pagi sudah hendak pergi berjumpa Datuk Senu nantikan marah pula P. Ramlee.

P. RAMLEE DALAM FILEM ▶



Gambar atas:

P. Ramlee bersama Aziz Sattar, gambar ini diambil ketika P. Ramlee turut serta dalam Festival Filem Asia ke 19 di Singapura pada tahun 1973.





Gambar terakhir P. Ramlee.

Gambar ini diambil oleh Ramli Ismail , penulis, pada 21 Mei 1973 iaitu lapan hari sebelum beliau kembali ke Rahmatullah.

AIR MATA KUALA LUMPUR

Pada pagi 29 Mei 1973, isteri saya memberitahu berita radio jam 7.30 pagi menyebut bahawa P. Ramlee meninggal dunia. Saya kata dengan isteri saya, "Bukan P. Ramlee, kawan P. Ramlee." Saya tak peduli lagi, bila saya teringat yang saya berjanji dengan P. Ramlee hendak berjumpa Datuk Senu. Saya terus pergi mandi; lalu saya seperti biasa menaiki kereta Saloma dan pergi ke rumah P. Ramlee. Semasa saya sampai di rumah beliau, tiada orang dan tak ada tanda kematian. Bila saya masuk ke dalam rumah, saya lihat Saloma termenung di kerusi panjang. Bila Saloma nampak saya, lalu beliau memberitahu kepada saya, "Abang dah meninggal." Tanya saya, "Meninggal apa?" Sazali dari dalam biliknya, dengan merah mata terus peluk saya. "Be, daddy dah mati semalam atas pangku Jeliboy. Daddy suruh cari Bebe, tak tahu rumah". Nenek, orang gaji kelihatan matanya merah datang memeluk saya, sambil berkata "Aku tak tahu apa hendak buat, dia sakit dada, yang sempat dia suruh panggil Jeliboy."

Saloma mengajak saya pergi ke hospital besar, beliau tak beri saya memandu kereta, beliau sendiri yang memandu keretanya. Dalam perjalanan ke hospital, saya bertanya kepada Saloma, "Siapa hendak mengurus kubur? Kakak ada duit hendak beli persiapan untuk mayat?" Saloma tak menjawab. Kenapa saya tanya pada Saloma begitu? Sebab kebelakangan ini semasa P. Ramlee sudah jatuh, tak nampak kawan yang terlalu baik dengannya seperti semasa nama beliau disanjung. Malahan banyak yang menjadi musuh kepada P. Ramlee.

Bila saya sampai di hospital, ternyata ramai orang sedang melihat jenazah P. Ramlee termasuk Norizan, janda P. Ramlee. Bila saya lihat jenazah P. Ramlee, tak ubah sebagaimana saya lihat beliau tidur di kerusi panjang, bila tengahari selepas makan. Selepas menuntut mayat P. Ramlee, Saloma mengajak saya pulang; ada orang yang uruskan kereta mayat untuk membawa jenazah pulang.

Sampai sahaja saya bersama Saloma di depan rumah P. Ramlee, saya nampak Tan Sri Ghazali Shafie berdiri di luar pagar rumah. Bila Saloma turun dari kereta bersama saya Tan Sri Ghazali bertemu dengan Saloma entah apa yang dicakapkan saya tak tahu, kerana

setelah turun sahaja dari kereta saya terus masuk ke dalam rumah. Szali datang menerangkan pada saya, katanya "Daddy sakit, kemudian boy masuk ke bilik daddy. Boy duduk di sebelah Daddy, Daddy angkat kepala naik atas riba boy, boy nampak mulut Daddy keluar buih, (pada masa yang sama Saloma tengah membuat panggilan ke hospital meminta ambulan datang). Tak lama kemudian, Ambulan datang bawa Daddy." Saya tanya Szali, "Ada Daddy pesan apa-apa?" Jawab Szali, "Boy lupa, yang boy ingat, pesan Daddy jaga mama baik-baik tapi Daddy ada sebut pasal Bebe." Anak P. Ramlee semua panggil saya Bebe.

Kemudian H.M. Shah datang, lalu beliau meminta agar Saloma bersabar. Beliau memberitahu kepada Saloma, beliau akan uruskan segala-galanya. Tak sampai setengah jam, Datuk Senu datang bertemu dengan Saloma. Saya pergi berjumpa Datuk Senu pada hari itu, 29 Mei 1973, iaitu hari yang sepatutnya P. Ramlee hendak berjumpa dengan Datuk Senu.

Bila jenazah P.Ramlee dibawa pulang dari hospital dengan ambulan, nasib baik rumah tinggi atapnya; kalau tidak rumah tak nampak, kerana dibanjiri oleh manusia segenap bangsa dan lapisan. Saya sebenarnya amat terkejut dan tidak menyangkakan yang orang akan seramai ini memberikan penghormatan terakhir untuk beliau sebab kebelakangan ini beliau sudah kehilangan peminat dan kawan-kawan yang masih baik dengan beliau pun boleh dikira dengan jari. Dari situ boleh dilihat gelagat manusia yang berpura-pura. Tetapi tidaklah semua; ada orang yang selama saya tinggal bersama P.Ramlee tidak pernah nampak dia datang berjumpa dengan P. Ramlee. Tetapi bila jenazah P. Ramlee terbujur, dia datang tanpa bertanya dan bercakap, terus pergi ke dekat jenazah P. Ramlee yang terbujur di ruang tetamu untuk membaca Yasin. Orang itu ialah pelakon M. Amin. Bila jenazah hendak dimandikan yang memangku jenazah ialah, anak-anaknya, Nasir, Armali dan Szali, Sheikh Ali dan saya pangku di kepala.

Dalam hujan gerimis, bila jenazah P. Ramlee bergerak dari rumah menuju ke masjid Kampung. Baru untuk disembahyangkan, sepanjang jalan penuh sesak dengan pelayat, entah dari ceruk mana datang. Begitu juga di perkarangan Masjid Kampung. Baru; penuh sesak, hinggakan hendak memasukkan jenazah pun payah. Bila sampai di tanah perkuburan di Jalan Ampang, bukan di tanah sahaja dibanjiri manusia, tetapi juga di atas pokok pun dipenuhi pelayat.

Selepas Allahyarham P. Ramlee dikebumikan tiga hari, saya pergi ke kuburnya saya lihat empat orang paderi sedang duduk di sebelah kubur Allahyarham P. Ramlee. Kemudian satu rombongan India dari Ipoh datang melihat kubur Allahyarham P.Ramlee. Dalam sanjungan manusia kepada Allahyarham P. Ramlee, ada pula yang tidak senang melihat orang

ramai memberikan penghormatan. Ada yang membuat panggilan ke rumah Allahyarham pada waktu malam, dan membuat suara beliau. Orang rumah pada mulanya menjadi heboh dan mengatakan P. Ramlee pulang. Saya yang tinggal di rumahnya ketika itu, tidak ada yang berlaku. Kemudian ada panggilan telefon dengan suara yang dibuat seolah suara beliau dan menyuruh menjaga Saloma. Nenek sangka betul hingga menangis. Bila saya ambil telefon dia tanya saya, "Siapa kau?" saya beritahu nama saya Ramli Kecil. Dia tak kenal. Bila saya sebut nama Sazali pun dia pun tak kenal. Lalu saya maki, selepas itu tidak ada yang mengacau lagi.

Rumpun Melayu Filem Production diteruskan dan dibuka apa yang Allahyarham P. Ramlee cita-citakan bagi pembukaan pada 15 Ogos 1973. Dirasmikan oleh Dato' Harun dan ditayangkan filem 'Bunga-bunga Berguguran'. Saloma mengambil-alih tempat P. Ramlee sebagai pengarah urusan. Atas persetujuan semua lembaga pengarah Rumpun Melayu, nama Pawagam Rumpun ditukar kepada Pawagam P. Ramlee, iaitu seperti yang P. Ramlee cita-citakan untuk nama tercatat di bangunan seni. Pawagam P. Ramlee lah bermula satu bangunan seni menggunakan nama P. Ramlee. Kemudian diikuti dengan Jalan P. Ramlee oleh pihak Kerajaan.

Pihak Arkib Negara di bawah Ketua Pengarahnya, Dato' Zakiah Hanum telah mewujudkan Pustaka Peringatan P. Ramlee di rumah yang Allahyarham berada semasa meninggal dunia iaitu di rumah nombor 22, Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur. Pustaka Peringatan P. Ramlee telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Sulaiman Daud pada 22 Mac 1986. Dato' Zakiah juga telah mengubah nama Taman Furlong kepada Taman P. Ramlee. Selain daripada itu beliau juga telah menjadikan rumah asal tempat kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang sebagai tempat lawatan orang ramai. Rumah kelahiran P. Ramlee tersebut dirasmikan oleh Y.B. Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan pada 13 Disember 1991.

(Pada 6 Jun 1990, P. Ramlee mendapat anugerah Tan Sri daripada DYMM Yang DiPertuan Agong Raja Azlan Shah.)

Saya menghargai sepenuh-penuhnya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan masyarakat di negara kita terhadap Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Wassalam.



Tiga wajah P. Ramlee





Gambar kiri:

Berdiri di sebelah jenazah P. Ramlee, dari kiri, Mahmud June (sahabat rapat P. Ramlee). Boleh dikatakan hampir setiap hari beliau dan isterinya, Aminah Taib datang ke rumah P. Ramlee), seorang kenalan P. Ramlee dan Anuar Idris (Anak Idris Hashim) tengah membacakan doa untuk Allahyarham P. Ramlee.


Gambar kanan:
Tan Sri Ghazali bersama Saloma dan Jamil Sulong serta Rosnani menadah tangan apabila Imam membacakan doa sebelum jenazah P. Ramlee diusung keluar rumah untuk disembahyangkan.



Gambar kiri:

Di rumah no. 22, Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur penuh sesak dengan manusia yang menunggu jenazah P. Ramlee dibawa keluar dari rumah.

Gambar kanan:
Masing-masing berebut-rebut untuk mengangkat jenazah P. Ramlee untuk dibawa keluar dari rumah untuk dimasukkan ke dalam kereta mayat.





Jenazah P. Ramlee dibawa masuk ke dalam Masjid Jamek, Kampong Baharu, Kuala Lumpur. Di sekeliling masjid penuh sesak dengan manusia yang tidak mengira badan basah ditimpa air hujan, asalkan dapat berada bersama jenazah beliau.

Jenazah P. Ramlee sedang disembayangkan oleh ratusan umat Islam yang datang dari seluruh pelosok kawasan.



Ribuan manusia seluruh kaum membanjiri tanah perkuburan Jalan Ampang, untuk memberi penghormatan terakhir kepada manusia yang amat berjasa dalam bidang seni tanah air dan manusia yang telah mengharumkan nama bangsa Malaysia melalui hasil karya seni beliau yang diakui dan dipuja di serata dunia. Di sepanjang jalan manusia mula berbaris di dalam hujan rahmat yang turun sejurus selepas jenazah P. Ramlee bergerak keluar dari Jalan Dedap. Semoga Allah memberikan keampunan kepada beliau. Amin.



Orang ramai sedang menanti jenazah P. Ramlee di bawa pulang dari Hospital Besar Kuala Lumpur. Kelihatan S. Kadarisman, Nas Ahnas dan Ramli Ismail, penulis, yang mendukung anaknya, Rusdi, bertanya kepada H.M. Shah tentang persiapan di kubur. H.M. Shah memberitahu yang semuanya sudah beliau uruskan.



Dato' Senu Abdul Rahman sedang menasihati Saloma supaya bersabar. Sepatutnya P. Ramlee mahu berjumpa dengan beliau pada 29 Mei 1973 atas perihal tertentu. P. Ramlee telah berpesan kepada Ramli Kecil supaya datang lebih awal pada hari tersebut kerana hendak pergi berjumpa Dato' Senu di pejabatnya. Pada hari itu Dato' Senu datang melawat jenazah P. Ramlee.

Kelihatan Sabarudin bersedih melihat jenazah orang yang dikasihani dan tempat berlandung. Begitu juga dengan Sazali yang ketiadaan orang yang telah memberi kasih sayang sepenuh-penuhnya.



Hari Jumaat pagi, tiga hari selepas P. Ramlee disemadikan di tanah pekuburan Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Ramli Ismail bersama Sazali pergi melawat kubur P. Ramlee. Mereka juga ingin memastikan betul atau tidak atas dakwaan orang yang menelefon mengatakan bahawa kubur P. Ramlee berlubang. Mereka mendapati tidak ada apa yang berlaku, malahan ramai manusia dari pelbagai bangsa yang datang melawat kubur P. Ramlee.



Kehilangannya sukar diganti

—TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perdana Menteri Malaysia, Tun Razak menisfatkan kematian P. Ramlee sebagai "satu kehilangan seorang tokoh seni yang ulung yang sukar dicari ganti."

"Jasanya dalam bidang seni akan sentiasa dikenang untuk selama-lamanya," tegas Perdana

Menteri dalam kata-wat takziahnya kepada Cik Saloma

nya: "Allahyarham juga sangat terkenal dan dihormati di dalam du-

Beliau menyebut bahawa karya-karya Allahyarham bukan

P. Ramlee kurang sedikit, dibandingkan dengan Charlie Chaplin kerana Allahyarham tidak sempat menjadi pengeluar filem, walaupun usaha ke arah itu hampir tercapai.

Namun begitu Allahyarham mempunyai kelebihan yang lain dari Charlie Chaplin. Dia boleh menyanyi, tetapi Chaplin tidak.

Dom Moraes, yang menulis mengenai P. Ramlee dalam Asia Magazine (April 1972) menisfatkan Allahyarham sebagai John Wayne dalam dunia perfileman melayu.



PAWAGAM P. RAMLEE



Gambar Atas:

Inilah Queen Cinema, panggung asal sebelum di ubah-suai menjadi Pawagam Rumpun. Apabila P. Ramlee meninggal dunia, nama Pawagam Rumpun di ubah menjadi Pawagam P. Ramlee. Hinggalah pawagam itu dirobuhkan pada tahun 1976.



Queen Cinema terletak di Lucky World lama Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, kepunyaan Chatty yang bekerja di pejabat Datuk Bandar. Kemudian pawagam tersebut disewakan kepada Rumpun Melayu Filem Production dimana P. Ramlee adalah sebagai pengarah urusan manakala H.M. Shah sebagai chairman. Panggung yang hampir hendak roboh diperbaiki oleh pihak Rumpun Melayu atas perbelanjaan H.M. Shah, lebih kurang tujuh puluh ribu ringgit Malaysia pada tahun 1973. P. Ramlee menamakan panggung wayang tersebut Pawagam (panggung wayang gambar) Rumpun. P. Ramlee mengawasi sendiri pengubahsuaian panggung tersebut. Setiap hari beliau melihat tukang bernama Lee Pho Kok membuat kerja. Rancangan beliau Pawagam Rumpun akan dirasmikan dan mula beroperasi pada 15 Ogos 1973, tarikh 15 Ogos ialah sempena tarikh beliau keluar dari Pulau Pinang menuju ke Singapura. Pada hari perasmian beliau mau menayangkan filem 'Bunga Bunga Berguguran'. Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor pada ketika itu akan merasmikan Pawagam Rumpun pada hari pembukaan. P. Ramlee bercita-cita, berusaha dan merancang dengan bersungguh-sungguh supaya Pawagam Rumpun akan menjadi satu pawagam bumiputera yang berjaya di tengah bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi sayangnya, dalam kesibukan persiapan pembikinan pawagam, P. Ramlee telah meninggal dunia. H.M. Shah bersama Salleh Ghani dan Ramli Ismail meneruskan juga usaha untuk mendirikan Pawagam Rumpun. Perbincangan telah dibuat, tempat P. Ramlee digantikan oleh Saloma, isterinya. Nama Pawagam Rumpun telah ditukar menjadi Pawagam P. Ramlee. Apa yang P. Ramlee rancangkan, H.M. Shah buat semasa perasmian pawagam tersebut.



Pustaka Peringatan P. Ramlee dirasmikan oleh YAB Dato Sulaiman Daud pada 22 Mac 1986



Pihak Arkib Negara, di bawah Ketua Pengarahnya, Dato' Zakiah Hanum telah mewujudkan Pustaka Peringatan P. Ramlee. Pustaka Peringatan P. Ramlee diwujudkan di rumah dimana Allahyarham tinggal semasa hidupnya iaitu rumah nombor 22, Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur. Di Pustaka Peringatan P. Ramlee ini dipamerkan barang-barang milik Allahyarham. Pengunjung juga dapat melihat barang-barang yang digunakan untuk filem-filem arahan beliau dan juga peralatan muzik yang digunakan oleh beliau semasa hidupnya.



Rumah kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang. Rumah ini telah dijadikan tempat lawatan orang ramai oleh Pihak Arkib Negara di bawah Ketua Pengarahnya Dato' Zakiah Hanum.



Rumah kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang dirasmikan oleh YAB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan pada 13 Disember 1991.



Pada perasmian Rumah P. Ramlee turut hadir para insan seni.


Gambar di atas duduk di hadapan dari kiri: Aziz Sattar, Norizan (isteri kedua P. Ramlee), Normah Kamaruddin (anak Mr. Kamaruddin, guru piano P. Ramlee), Kassim Masdor (no. 7 dari kiri) dan para sahabat handai Tan Sri P. Ramlee.



Dato' S. Roomai Nor (duduk di hadapan, nombor dua dari kanan) turut menghadiri perasmian Rumah P Ramlee.



Para pelawat Rumah P. Ramlee membacakan Yassin untuk Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.



Sheikh Ali, abang tiri P. Ramlee turut hadir dalam perasmian Rumah P. Ramlee di Pulau Pinang.

FILEM-FILEM LAKONAN DAN ARAHAN
P. RAMLEE, 1948 - 1972.

- ♣ : Pelakon tambahan
♠ : Pelakon utama
■ : Pengarah filem

1948

Filem 'Chinta' (♣)

1949

Filem 'Nasib' (♣)

Filem 'Nilam' (♣)

1950

Filem 'Rachun Dunia' (♣)

Filem 'Bakti' (♣)

Filem 'Takdir Ilahi' (♣)

Filem 'Aloha' (♣)

1951

Filem 'Juwita' (♣)

Filem 'Sejoli' (♣)

Filem 'Penghidupan' (♣)

1952

Filem 'Anjoran Nasib' (♣)

Filem 'Antara Senyum Dan Tangis' (♣)

Filem 'Miskin' (♣)

Filem 'Patah Hati' (♣)

Filem 'Sedarah' (♣)

1953

Filem 'Putus Harapan' (♣)

Filem 'Hujan Panas' (♣)

Filem 'Siapa Salah' (♣)

Filem 'Ibu' (♣)

1954

Filem 'Panggilan Pulau' (♣)

Filem 'Perjodohan' (♣)

Filem 'Merana' (♣)

1955

Filem 'Abu Hassan PENCHURI' (♣)

Filem 'Penarik Becha' (■ ♣)

1956

Filem 'Hang Tuah' (♣)

Filem 'Semerah Padi' (■ ♣)

Filem 'Anakku Sazali' (♣)

1957

Filem 'Pancha Delima' (■)

Filem 'Bujang Lapok' (■ ♣)

1958

Filem 'Sarjan Hassan' (★★)

Filem 'Sumpah Orang Minyak' (★★)

1959

Filem 'Pendekar Bujang Lapok' (★★)

Filem 'Musang Berjanggut' (★★)

Filem 'Nujum Pa' Blalang' (★★)

1960

Filem 'Antara Dua Darjat' (★★)

1961

Filem 'Ali Baba Bujang Lapok' (★★)

Filem 'Seniman Bujang Lapok' (★★)

1962

Filem 'Ibu Mertua Ku' (★★)

Filem 'Labu Dan Labi' (★★)

1963

Filem 'Nasib Si Labu Labi' (★★)

1964

Filem 'Madu Tiga' (★★)

Filem 'Tiga Abdul' (★★)

Filem 'Si Tora Harimau Jadian' (★★)

1965

Filem 'Masam Masam Manis' (★★)

Filem 'Ragam P. Ramlee' - Damaq (★★)

1966

Filem 'Do Re Mi' (★★)

Filem 'Nasib Do Re Mi' (★★)

Filem 'Sabarudin Tukang Kasut' (★★)

1967

Filem 'Keluarga 69' (★★)

Filem 'Sesudah Suboh' (★★)

1968

Filem 'Ahmad Albab' (★★)

Filem 'Gerimis' (★★)

Filem 'Anak Bapak' (★★)

1969

Filem 'G Jahanam' (★★)

Filem 'Kanchan Tirana' (★★)

1970

Filem 'Dr. Rushdi' (★★)

Filem 'Gelora' (★★)

1971

Filem 'Putus Sudah Kasih Sayang' (★★)

1972

Filem 'Laksemana Do Re Mi' (★★)

MENGENAI PENULIS

Ramli Ismail juga dikenali sebagai Ramli Kecil dilahirkan pada 3 Mac 1941 di Kampong Losong Penglima Perang, Kuala Terengganu. Beliau pernah bekerja sebagai jurugambar sambilan majalah hiburan keluaran Singapura, seperti majalah Mastika Filem, Panorama, Berita Filem, Filem Malaysia, Suasana Bintang Filem, Pornima, Lagu-lagu Film & TV. Semasa beliau dibawa oleh P. Ramlee berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur, beliau bekerja sebagai pembantu jurugambar sambilan, antara lain untuk majalah Utusan Filem & Fashbn.

Sebagai seorang pelakon veteran, beliau juga turut terlibat dalam drama dan filem-filem arahan P. Ramlee antaranya, pertunjukan drama purbawara 'Kacip Mas', drama 'Sam Pek Entai' serta filem-filem klasik 'Nasib Labu Labi', 'Madu Tiga', 'Tiga Abdul', 'Si Tora Harimau Jadian', 'Masam Masam Manis', 'Ragam P. Ramlee', 'Nasib Do Re Mi', 'Gelora', 'Keluarga 69', 'Anak Bapak', 'Dr. Rushdi' serta 'Laksemana Do Re Mi'.

Encik Ramli menjadi pembantu peribadi dan tinggal bersama di rumah P. Ramlee selama lebih sebelas tahun iaitu sejak awal tahun 1962. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Norlia Ghani, isteri pertama pada 7 Mei 1969. Dari perkahwinan pertama beliau memperolehi 5 orang anak. Beliau berkahwin kali kedua dengan Misliah Suradi dan memperolehi dua orang cahaya mata.

Pada masa sekarang beliau bergiat dalam penulisan buku, skrip dan pembikinan filem. Prihatin beliau terhadap keadaan nasib waris P. Ramlee, telah mendorong beliau memulakan Tabung untuk menjamin kesejahteraan mereka. Tabung ini juga bertujuan untuk menjaga warisan karya seni P. Ramlee. Pada bulan Mac 1998, Tabung Ramlee Bin Puteh telah dilancarkan oleh YBhg Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Buku 'Kenangan Abadi P. Ramlee' merupakan karya sulung yang mengandungi kisah-kisah lucu, suka dan duka yang dialami beliau bersama Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dari sudut pandangan dan gaya penulisan yang tersendiri.

PENULIS DENGAN TUGASNYA



Mahmud June bersama Ramli Ismail dalam filem 'Nasib Do Re Mi' arahan P. Ramlee.




N.S. Suliman, Bab Mustafa dan Ramli Ismail dalam filem 'Gelora' arahan P. Ramlee.



Ramli Ismail bersama kugiran Les Djing dalam filem 'Anak Bapak' arahan P. Ramlee.



Ramli Ismail sedang mengambil gambar Sarimah ketika menjadi penolong jurugambar. Gambar ini diambil oleh Zainol Salleh.



Ramli Ismail bersama bintang filem dari Indonesia, Drg. Fadli, pada Festival Filem di Jakarta pada tahun 1975.

GAMBAR-GAMBAR HIASAN BUKU INI PETIKAN DARI KOLEKSI:

Arkib Negara Malaysia

Berita Filem

Pengeluar: Salleh Hj. Ali

Jurugambar: Nor As, Ramli Ismail

Indah Kelasik Studio

Gelanggang Filem

Pengeluar: P. Ramlee

Jurugambar: Zainol Salleh, Ramli Ismail

Lagu Lagu Filem & TV

Pengeluar: Ibrahim Ahmad

Jurugambar: Haris, Zainal Salleh, Ramli Ismail

Majalah Bintang

Jurugambar: Rahmat

Malay Film Production

Mastika Filem

Merdeka Filem Production

Panorama

Purnama Bakar

Pengeluar: Ninggal

Jurugambar: sambilan

MAJLIS FILEM SESUDAH SUBOH

◀ P. Ramlee dan H. M. Shah



Selalunya P. Ramlee mengadakan majlis keramaian untuk filem arahnya apabila telah selesai penggambaran. Tetapi bertalinan dengan filem 'Sesudah Suboh'. Majlis tersebut di adakan di rumah H.M. Shah di Jalan Gasing, Petaling Jaya, Selangor. Ini kerana H.M. Shah bercadang untuk mengambil studio Merdeka Filem. P. Ramlee merasa amat berbesar hati jika H.M. Shah dapat mengambil alih Merdeka Filem Production, kerana kemungkinan segala cita-cita P. Ramlee untuk menubuhkan syarikat perfileman Melayu akan tercapai kerana H.M. Shah berjanji akan menyerahkan sepenuh kuasa dalam pengurusan production kepada P. Ramlee.

Namun harapan P. Ramlee hampa kerana pihak Shaw tidak mahu menyerahkan studio kepada H.M. Shah. Kerana meskipun tanah adalah kepunyaan H.M. Shah, manakala studio kepunyaan Ho Ah Loke tetapi production adalah kepunyaan pihak Shaw. Ketika itu pula Ho Ah Loke telah menyerahkan Studio Merdeka kepada Shaw, jadi suara Shaw adalah lebih dari H.M. Shah.

Agar P. Ramlee tidak putus harapan; maka H.M. Shah berjanji kepada beliau, bila P. Ramlee tamat kontrak dengan Studio Merdeka maka H.M. Shah akan menubuhkan satu syarikat filem. Dengan kerja kuat beliau bersama P. Ramlee maka ujudlah Perfima, sayangnya tidak lama setelah Perfima ujud, dalam mesyuarat pertama mereka setelah pejabat Jalan Ampang siap, P. Ramlee bersama H.M. Shah telah dikeluarkan oleh lembaga pengarah. H.M. Shah tidak putus harapan maka beliau bersama P. Ramlee bekerja kuat sekali lagi untuk mewujudkan Rumpun Melayu Filem.

Rancangannya Pawagam Rumpun akan dirasmikan pada 15 Ogos 1973 sempena hari yang P. Ramlee keluar dari Pulau Pinang untuk memula kerjanya di Singapura. Namun Tuhan berkehendak lain, pada 29 Mei 1973 P. Ramlee telah kembali ke Rahmatullah.

Rumpun Melayu Filem Production diteruskan dan Pawagam Rumpun dirasmikan pada 15 Ogos 1973 oleh Dato' Harun Khris sesuai dengan kemahuan Allahyarham P. Ramlee. Atas persetujuan semua lembaga pengarah Rumpun Melayu, nama Pawagam Rumpun ditukar kepada Pawagam P. Ramlee.





[Handwritten signature]
21. 4. 72